



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1213]**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1241]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kemajuan Petroliaam (Pindaan) [Ruangan 1242]

**Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan)
[Ruangan 1255]**

UCAPAN TANGGUHAN:

Menarik Balik [Ruangan 1326]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Khamis, 17hb April, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).

- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PERBADANAN PERKAPALAN
ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)

1. **Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) modal dibenarkan dan modal dibayar oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.);
- (b) nama Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya;
- (c) sumber modal yang ditanamkan itu;
- (d) berapa kapal yang dimiliki oleh perbadanan ini dan sejauh mana perjalanan yang boleh dilalui; dan
- (e) jumlah anak kapalnya dan nyatakan bilangan Bumiputra.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua:

(a) Modal dibenarkan	...	\$100,000,000
Modal dibayar	...	10,000,000
(b) Bagi soalan (b) sukacita saya nyatakan maklumat untuk ini boleh didapati dari laporan tahunan yang dikeluarkan oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia.		
(c) Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri	...	51%
Lembaga Urusan dan Tabung Haji	...	10%
Swasta	...	39%
		100%

- (d) 21 kapal kesemuanya pada waktu ini. Perjalanan kapal liner Eropah—Malaysia/Singapura—Bangkok, Hong Kong, Jepun. Kapal lain yang disewakan (chartered) belayar mengikut kehendak penyewa dan boleh mengelilingi dunia.
- (e) Jumlah anak kapal keseluruhnya 900 orang dan 60% daripadanya Bumiputra.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Siapakah daripada kumpulan pemodal ini yang menguasai pentadbiran syarikat ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini dikendalikan oleh sebuah Lembaga Pengarah yang ditubuhkan oleh pemodal-pemodalnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab pengangkutan kapal ini satu perkara yang penting bagi negara kita, tidakkah Kerajaan bercadang pada masa akan datang akan dijadikan perbadanan ini sebagai badan yang berkanun seperti badan-badan yang lain seperti MAS umpamanya?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat itu, MAS ialah sebuah syarikat, bukannya perbadanan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menjawab pertanyaan 1 (c) Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan modal yang ditanamkan ialah:

Kerajaan Persekutuan dan Negeri-negeri	...	51%
Lembaga Urusan dan Tabung Haji	...	10%
Swasta	...	39%

Di dalam swasta ini, saya dapat tahu, betul atau tidak, iaitu orang-orang daripada Hong Kong yang bukan warganegara ada saham-saham di dalamnya?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Pada permulaan ditubuhkan syarikat ini kita kekurangan pengalaman dan sebab itu setengah-setengah orang yang berpengalaman daripada luar Malaysia telah ada mengambil sedikit penanaman modal dalam syarikat ini dan mereka itu telah memberi sumbangan yang sangat besar dalam memajukan Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju di atas pengalaman, tetapi adakah pengalaman ini untuk membawa kapal seperti kelasi kapal ataupun cuma hendakkan kewangan, duit orang-orang daripada Hong Kong ini kerana pengalaman, saya fikir ini tidak ada apa-apa, sebab kapal ada kapten kapalnya, dia boleh

jalankan kapal dan pengalaman orang di sini tidak kurangnya pengalaman-pengalaman itu. Adakah oleh kerana kewangan (capital) yang dikehendaki daripada orang luar negeri?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soal mengendalikan sebuah syarikat perkapalan bukan semudah dengan ada kapten sebuah kapal sahaja, oleh kerana memerlukan banyak perkara yang menjamin kejayaan syarikat itu, maka pengalaman itu sangat penting, dan saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa pada mulanya syarikat ini dilancarkan telah timbul banyak kesangsian adakah syarikat ini akan berjaya atau tidak, tetapi berkat keazaman kita syarikat ini sekarang telah berjaya dan mencapai kejayaan yang baik sekali.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan sedar bahawa orang ramai dalam negeri sedang bersungut dan menaruh kesangsian atas syarikat perkapalan ini, iaitu saham-saham atau pentadbirannya dimonopoli oleh beberapa orang sahaja. Adakah Kerajaan akan memperbaiki keadaan ini pada masa depan?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya rasa tidak tepat untuk mengatakan bahawa syarikat ini dimonopoli oleh beberapa orang sahaja, kerana Lembaga Pengarahnya terdiri daripada 12 orang dan 10 orang daripadanya ialah pihak Kerajaan.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan yang setakat ini syarikat itu telah mempunyai 21 buah kapal dan juga memandangkan modal yang dibayar ialah hanya \$10,000,000 sahaja dan saya percaya harga kapal itu lebih daripada \$10,000,000 mungkin beratus juta; dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan adakah kesukaran bagi syarikat ini mendapatkan wang pinjaman daripada luar untuk membiayai kehendak-kehendaknya?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sebarang kesukaran pun bagi syarikat ini mendapat pinjaman daripada luar dan setakat ini syarikat ini sekarang mendapat sambutan dan nama yang baik daripada perusahaan-perusahaan luar negeri.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan saya ialah adakah syarikat ini bercadang hendak mensenaraikan (list) syarikatnya dalam stock exchange?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini belum lagi diputuskan untuk dijalankan begitu walaupun mungkin pada masa akan datang perkara ini akan dijalankan. Tetapi sekarang belum dibuat demikian.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar syarikat ini dimiliki oleh beberapa orang individual dengan satu group di Hong Kong, mereka itu memiliki 30 peratus daripada jumlah modal tadi?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa ada mana-mana group swasta yang ada mempunyai 30 peratus dalam syarikat ini.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Antara Malaysia dan Hong Kong adakah tidak benar?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya telah menyatakan tadi bahawa kalangan swasta memiliki 39 peratus modal dalam syarikat ini dan angka ini termasuk kalangan bumiputra.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, 39 peratus yang dikatakan modal swasta ini berapa peratus bumiputra, berapa peratus bukan bumiputra dan berapa peratus modal daripada Hong Kong?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis kerana ini perkara baru.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dengan kemurahan Yang Berhormat Timbalan Menteri perhubungan dapatkah memberitahu Dewan ini nama jemaah-jemaah syarikat ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya sudah jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat

Timbalan Menteri menjelaskan laporan, maksud saya berkehendakan supaya diberi jawapan detail nama pengarah-pengarah syarikat ini di Dewan ini.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi bahawa maklumat ini boleh didapati daripada laporan tahunan yang dikeluarkan oleh syarikat ini, dan saya harap Yang Berhormat itu dapat merujuk kepada laporan itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, tadi ada disebutkan daripada swasta ada 39%, tetapi warganegara yang bukan Melayu yang bukan individu, apakah sebabnya tidak diberi saham-saham kepada mereka ini seperti orang-orang India dan orang-orang China warganegara negeri ini?

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Di antara saham swasta itu 8 peratus daripadanya bumiputra, orang perseorangan, ada.

BAJU KURUNG SEBAGAI PAKAIAN SERAGAM

2. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah menjadi dasar Kementerian beliau pada masa sekarang supaya semua penuntut-penuntut perempuan, terutama sekali penuntut-penuntut yang beragama Islam, di sekolah-sekolah menengah Kerajaan memakai pakaian seragam sarung dan baju kurung sebagaimana yang pernah diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran baru-baru ini, dan jika ya, bilakah tarikh perlaksanaannya.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat dapat merujuk kepada penjelasan saya terhadap soalan yang lebih kurang sama yang telah saya berikan pada 16hb April, 1975 (semalam).

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Dalam soalan ini menghendaki penjelasan adakah menjadi dasar Kementerian ini sebagaimana yang telah diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran yang baru lalu? Itu maksud pertanyaan. Yang semalam itu lain.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menjawab soalan tambahan semalam, saya telah menerangkan bahawa

bekas Menteri Pelajaran dahulu telah pada mulanya menentukan supaya pakaian baju kurung ini disyaratkan kepada murid-murid perempuan Islam. Tetapi selepas daripada itu oleh kerana bantahan terlalu banyak, beliau telah tidak memaksa lagi tetapi telah memberi kebenaran kepada mana-mana ibu-bapa yang ingin supaya anak mereka memakai baju kurung bolehlah memakai baju kurung, dan ini adalah amalan sekarang ini.

GERENTI KERAJAAN KEPADA BADAN BERKANUN/ SYARIKAT AWAM

3. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah Gerenti Kerajaan semenjak 1hb Januari, 1970 hingga 31hb Disember, 1974 yang telah diberikan kepada ahli-ahli perniagaan perseorangan, syarikat-syarikat perniagaan, badan-badan berkanun, dan beri nama ahli-ahli perniagaan perseorangan, syarikat-syarikat perniagaan dan badan-badan berkanun yang mendapat Gerenti Kerajaan itu, dan berapakah nilai Gerenti Kerajaan yang didapati oleh mereka masing-masing.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah Gerenti Kerajaan semenjak 1hb Januari, 1970 hingga 31hb Disember, 1974 yang telah diberikan kepada Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Awam di atas pinjaman-pinjaman yang telah dibuat oleh mereka ialah sebanyak M\$2,522.6 juta. Badan-badan Berkanun dan Syarikat-syarikat Awam yang mendapat Gerenti Kerajaan dan jumlah gerenti bagi tiap-tiap satu badan di dalam tempoh tersebut adalah seperti berikut:

	M\$ juta
1. Lembaga Letrik Negara (L.L.N.)	238.1
2. Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS)	146.8
3. Perbadanan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (M.I.D.F.)	46.7
4. Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (M.I.S.C.)	1,981.3
5. Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu	39.5
6. Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah (S.P.A.) ...	37.7

	M\$ juta
7. Lembaga Letrik Sabah (S.E.B.)	22.9
8. Syarikat Gula Negri Sembilan	8.0
9. Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) ...	1.0
10. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	0.6
	\$2,522.6

Ditegaskan di sini bahawa Kerajaan tidaklah memberi gerenti di atas pinjaman-pinjaman yang dibuat oleh ahli-ahli perniagaan perseorangan dan syarikat-syarikat perniagaan swasta.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan tentang gerenti yang diberi kepada syarikat perkapalan untuk membuat apa?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Gerenti ialah untuk perbadanan antarabangsa membeli kapal-kapal dari luar negeri.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Daripada angka yang diberi tadi, adakah cadangan untuk menukar gerenti itu kepada equity?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, gerenti-gerenti ini diberi oleh Kerajaan kepada peminjam-peminjam dan misalnya bila perbadanan membeli kapal dari Jepun, limbungan kapal di Jepun memberi pinjaman (credit) kepada perbadanan ini dan Kerajaan gerentikan pinjaman itu sahaja.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, saya ingin meminta penjelasan yang lebih lanjut bahawa adakah didapati kelambatan-kelambatan dari Kementerian Kewangan pada membayar kepada badan-badan yang berkenaan untuk melaksanakan projek-projek mereka?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soal ini tidak berbangkit. Ini soalan berkait dengan gerenti yang Kerajaan beri kepada syarikat-syarikat awam dan kelambatan pembayaran kepada syarikat-syarikat ini tidak berbangkit dalam soal ini.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Kalau saya tidak salah, kapal ini hendak dibeli untuk dimuat gas. Jadi sebelum dimuat gas untuk dibawa ke luar negeri, tidakkah ada rundingan dibuat dengan pihak PETRONAS sebelum soal ini dijalankan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, memangnya PETRONAS tahu tentang pembelian kapal-kapal untuk membawa gas ataupun liquified gas keluar negeri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia ini boleh pula pinjam wang dan Kerajaan menjaminnya. Kalau 100% Kerajaan atau Badan Kerajaan bolehlah Perbendaharaan menjaminnya, tetapi yang ini ialah mengkayakan orang di Hong Kong kerana 30% daripada saham itu adalah orang di Hong Kong, dan Kerajaan pula menjaminnya, adakah patut begitu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Kerajaan berpendapat patut kerana Malaysia International Shipping Corporation kita punya. Seperti Ahli Yang Berhormat tahu semua negeri yang ada shipping line menggalakkan shipping linanya sendiri dengan memberi pinjaman dan gerenti. Ada juga negeri-negeri yang lain memberi subsidi dan Kerajaan kita berpendapat bahawa patut kita menggalakkan Perbadanan Perkapalan ini dengan memberi gerenti supaya M.I.S.C. ini boleh membeli kapal dari luar negeri.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berkata negeri-negeri lain pun ada National Shipping Line sebagaimana kita ada National Shipping Line. Adakah National Shipping Line bagi negeri-negeri lain dalam dunia ini mempunyai modal Kerajaan 50% dan modal bukan Kerajaan 49% ataupun National Shipping Line negeri-negeri lain itu 100% dikuasai atau dimodali oleh Kerajaan, dan tidak sebagaimana yang kita ada pada hari ini?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soal ini susah saya hendak memberi jawapan oleh kerana kalau sekiranya hendak mendapat butir-butir berkenaan dengan pecahan saham yang dipegang oleh Kerajaan-kerajaan lain adalah satu soalan susah saya hendak beri jawapan setakat ini,

tetapi walau bagaimanapun Kerajaan Malaysia memikirkan bahawa M.I.S.C. ialah National Shipping Line kita.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan lagi. Adakah menjadi dasar Kerajaan apabila sesuatu syarikat dimodali 51% oleh Kerajaan boleh dikatakan syarikat itu dipunyai oleh National ataupun boleh menggunakan nama National bagi syarikat yang seumpama itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana equity yang lebih dipegang oleh Kerajaan, maka kita anggapkan ini adalah sebuah syarikat national.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Adakah kes ini sahaja ataupun kiranya ada berlaku lain-lain kes disifatkan juga national?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tiap-tiap kes itu Kerajaan akan timbangan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sokong sepenuhnya kalau Malaysian National Shipping Corporation ini disokong oleh Kerajaan dan mempunyai beberapa buah kapal. Apa yang saya muskikan oleh kerana 30% daripada modalnya adalah datangnya daripada bukan dari warganegara negeri ini. Kalau untung perkapalan ini mereka dapat untung yang banyak. Pada masa akan datang bolehkah orang yang bukan warganegara beli saham, misalnya, badan-badan yang bukan warganegara Kerajaan sokong untuk mendapatkan berapa banyak wang lagi.

Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membetulkan keterangan Ahli Yang Berhormat itu bahawa tidak betul yang 30% modal itu dipegang oleh bukan warganegara, saya telah nyatakan dalam jawapan kepada soalan yang pertama tadi.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Sekata ini adakah tuntutan yang dibuat oleh mana-mana creditor terhadap Kerajaan untuk memenuhkan gerenti tadi?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya nyatakan di sini bahawa setakat ini tidak ada.

SIJIL KERAKYATAN (BORANG G)

4. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan oleh kerana terdapat rasa tidak puas hati di kalangan orangramai berkenaan dengan kelewatan menimbangkan permohonan untuk mendapatkan Sijil Kerakyatan dengan Borang G;

- (a) berapa bilangan permohonan seumpama itu yang masih menunggu keputusan;
- (b) bilangan yang telah diluluskan dan tidak diluluskan;
- (c) bilakah baki permohonan itu akan diluluskan; dan
- (d) sebab berlakunya kelewatan menimbangkan permohonan-permohonan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) 6624.
- (b) Diluluskan 21,873. Tidak diluluskan 14,072.
- (c) Saya tidak begitu faham maksud soalan ini oleh kerana jelas termaktub dalam Perlembagaan, bahawa peruntukan di dalam Perkara 19 (1) Borang G adalah bukan satu hak, tetapi Kerajaan Persekutuan boleh memberi Sijil Kerakyatan kepada sipemohon itu sekiranya Kerajaan berpuas hati bahawa ianya layak menjadi warganegara Malaysia.
- (d) Pegawai-pegawai Kementerian ini adalah sentiasa bertungkus-lumus mengendalikankan kerja-kerja memproses permohonan di bawah Borang G dan boleh dikatakan tiap-tiap hari ada permohonan diberi keputusan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan lebih kurang 14,000 permohonan telah ditolak. Biasanya apabila permohonan itu telah ditolak boleh membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa banyakkah rayuan telah diluluskan daripada permohonan-permohonan yang telah ditolak itu?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, sukar saya hendak menjawabnya di sini, kalau Yang Berhormat itu berkehendakkan jawapan yang tepat bolehlah membuat soalan yang baharu.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini sangat penting yang menjadi badan dan nyawa kepada mereka yang berkehendakkan Sijil Kerakyatan Warganegara Malaysia, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah apa-apa rancangan untuk mengadakan kajian sehalus-halusnya atas perkara ini. Maknanya, masalah ini bukan masalah orang yang minta warganegara, tetapi ini masalah negara. Adakah satu rancangan untuk mengadakan satu kajian bagaimana Kerajaan boleh memberi bantuan dan menolong mereka untuk mendapatkan sijil kerakyatan warganegara?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjawab berkali-kali kajian sehalus-halusnya yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkin hendak dicepatkan prosesnya. Apa yang berlaku sekarang ini memang soal memproses permohonan itu dibuat terlalu cepat daripada sepatutnya kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Asia ini. Masa dua tiga tahun itu adalah masa yang dikira patut dan soal yang biasanya barangkali Yang Berhormat menerima rayuan ataupun pengaduan daripada orang-orang yang tidak dapat ini, ada di antaranya yang telah ditolak dua tiga kali tetapi yang ditunjuknya rayuan itu belum lagi diterima padahal rayuannya telah ditolak. Sebab yang kedua, hingga sekarang ini ada 531 permohonan yang sudah diluluskan sejak dari tahun 1964 tetapi mereka itu belum pun datang mengangkat sumpah untuk mendapat sijil. Jadi, ini juga saya tidak begitu faham mengapa dan apa sebabnya, mana yang sampai rayuan kepada Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat yang berkenaan selalunya mengatakan rayuan tidak ditimbang atau lambat dan sebagainya, tetapi ada yang telah menerima sijil-sijil ini tidak pula menuntut sijil ini. Ini satu masalah. Dan bagi Kementerian ini saya beri akuan bahawa pegawai-pegawai kita memang sentiasa seperti yang saya katakan tadi bersungguh-sungguh untuk proses permohonan ini. Dan satu faktor yang melambatkan ini, biasanya satu permohonan bila pihak pegawai yang

berkenaan tidak puas hati dan berkehendakkan banyak lagi kenyataan-kenyataan, maka surat-surat yang dihantarkan itu tidak dijawab dan kadang-kadang alamatnya tidak betul dan lain-lain. Ini juga satu faktor yang menyebabkan lewat. Jadi, bukanlah disebabkan oleh pegawai di Kementerian ini tidak menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan. Berkenaan dengan soalan (d) memandangkan kepada kesulitan yang dialami oleh rakyat jelata oleh kerana permohonannya untuk mendapatkan Sijil Kerakyatan tidak diakui penerimaannya oleh pejabat yang berkenaan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan yang sewajarnya supaya tiap-tiap permohonan yang dihantar ke pejabat itu diakui penerimaannya oleh pejabat tersebut?

Datuk Abdul Samad bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, semalam telahpun diberi jawapan bahawa mungkin ada satu dua yang tidak diterima oleh kerana kesilapan atau terselit yang tidak dapat dicari kerana terlampau banyak. Tetapi dua faktor yang saya katakan, satu perkara saya beri akuan di sini iaitu segala permohonan atau lain-lain rayuan surat yang dihantar ke pejabat ini akan dijawab sebagai penerimaannya.

Kedua, diminta kerjasama Yang Berhormat, mana-mana surat yang dihantar oleh pejabat ini yang tidak dijawab oleh si pemohon itu silalah jawab atas kehendak-kehendak yang dimaksudkan ataupun penerangan-penerangan yang lebih lanjut yang dikehendaki. Saya berharap Yang Berhormat itu menasihatkan mereka supaya dapat menjawab surat-surat yang dihantar supaya dapat diproses dengan cepat.

ISTIADAT PENGURIAAN BINTANG-BINTANG—TUNTUTAN PERBELANJAAN

5. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah terdapat kelambatan sehingga sampai setahun untuk membayar perbelanjaan yang dituntut oleh mereka yang menghadiri upacara pengurniaan bintang-bintang dan pingat-pingat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, tuntutan perbelanjaan kerana menghadiri Istiadat Pengurnian Pingat-pingat, Bintang-bintang dan Darjah-darjah Kebesaran oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada dua jenis iaitu:

- (a) tuntutan dari Pegawai Kerajaan; dan
- (b) tuntutan dari orang awam.

Tuntutan dari Pegawai Kerajaan adalah dituntut dari Kementerian/Jabatan di mana pegawai itu bertugas dan perbelanjaan yang dilakukan adalah diselaraskan dengan Jabatan Perdana Menteri melalui baucer jerneh. Kelambatan tidak timbul bagi tuntutan daripada pegawai-pegawai Kerajaan.

Adalah diakui kelambatan mungkin berlaku atas tuntutan dari orang-orang awam. Ini ialah kerana beberapa sebab, satu daripadanya ialah orang-orang awam kurang jelas tentang mengemukakan tuntutan dan ini melibatkan surat-menyurat untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut. Kelambatan pembayaran ada berlaku atas tuntutan-tuntutan yang dikemukakan dalam bulan Disember, 1973 dan awal tahun 1974. Walau bagaimanapun daripada 94 tuntutan dari orang awam yang dikemukakan sehingga akhir bulan Mac, 1975, sebanyak 72 tuntutan telah dihantar kepada Akauntan Negara untuk dijelaskan.

Jabatan Perdana Menteri sedang menyediakan satu surat pekeliling baru dalam hubungan ini khas bagi orang-orang awam dan adalah diharap dengan keluaran surat pekeliling itu akan dapat menyenangkan lagi membuat tuntutan dan mengelakkan dari kelambatan yang tidak perlu.

Puan Zawiyah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekiranya terdapat kesilapan bagi tuntutan ini, mengapa tidak dikembalikan dengan segera supaya dapat dibetulkan?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan dalam jawapan saya tadi, barangkali tuntutan itu tidak betul dan kita telah hantar surat-surat tersebut. Sekiranya tidak sampai, barangkali Pejabat Pos yang salah. Kalau ada lagi perkara yang semacam ini berlaku mereka boleh tulis surat terus kepada saya.

Dan sebelum saya menjawab soalan ini, ramai orang-orang yang berkenaan telah datang berjumpa dengan saya mengenai perkara tersebut.

SENJATA OLEH PENJENAYAH— HUKUMAN

6. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan samada Kementerian beliau akan menyemak semula undang-undang berkenaan dengan kegunaan senjataapi oleh penjenayah-penjenayah dan menjadikan lebih berat lagi hukuman ke atas kesalahan-kesalahan ini dengan tujuan mengurangkan jenayah yang melibatkan senjataapi, memandangkan bahawa jenayah-jenayah seperti ini sedang meningkat bilangannya di negara kita.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang berhubung dengan senjataapi telah sudah dikaji semula. Akta Senjata, 1960 telah dipinda oleh Akta Senjata (Pindaan), 1974 yang mula berkuatkuasa pada 16hb Ogos, 1974. Pindaan-pindaan yang dibuat oleh Akta tersebut menyentuh kawalan kawalan tambahan berikut berhubung dengan senjataapi:

- (a) Tiada seorang pun boleh membuat senjata atau peluru tanpa sesuatu lesen yang diberi oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Penalties ialah hukuman mati atau penjara seumur hidup serta disebat sebanyak tidak kurang daripada enam kali. Sesuatu syarikat, firma, persatuan atau kumpulan orang boleh didenda tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit.
- (b) Adalah menjadi kesalahan sekarang bagi melepaskan tembakan dari sesuatu senjataapi hingga membencanakan seseorang, melainkan jika bencana itu adalah disebabkan dengan kepatutan atau alasan yang sah, di sisi undang-undang atau melainkan jika langkah berjaga-jaga yang berpatutan telah diambil bagi mengelakkan bencana. Penalti maksimumnya ialah penjara dua tahun atau denda lima ribu ringgit atau kedua-duanya.
- (c) Adalah juga menjadi kesalahan sekarang hanya dengan melepaskan tembakan dari sesuatu senjataapi kecuali dalam beberapa keadaan tertentu.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, iaitu undang-undang yang kita ada sekarang ini.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri puas hati dengan undang-undang yang ada sekarang ini cukup berat untuk hendak dijadikan sebagai deterrent kepada orang-orang itu?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, P.C. Ramli telah mati ditembak oleh pencuri ataupun penyamun di Petaling Jaya dan beberapa P.C. lagi akan mati dan terus mati untuk mempertahankan harta benda orang ramai. Ada sungutan orang ramai apabila penyamun itu dibicarakan kena penjara dua tahun, dan tidak mengikut macam mana yang kita telah pinda undang-undang itu pada bulan Julai tahun 1974, apa sebabnya?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kes memanglah bergantung atas keterangan atau evidence yang diberi di hadapan mahkamah. Kalau sesuatu kes dibawa di hadapan mahkamah bahawa peruntukan Undang-undang Senjata ini dan keterangan-keterangan yang diberi memuaskan, penalty yang berat seperti hukuman mati bolehlah dikenakan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu kerana penjenayah-penjenayah yang telah dibicarakan dan telah dihukum, belum pernah lagi dikenakan hukuman Penalti Lebih Berat seperti mana yang telah kita kanunkan itu. Adakah ini disebabkan pihak Pendakwa kita lemah?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

KECEMARAN UDARA

7. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar:

- (a) langkah-langkah yang diambil atau akan diambil untuk mengurangkan kecemaran udara akibat kenderaan-kenderaan seperti bas, lori, teksi dan lain kereta yang menggunakan disel; dan

- (b) apakah langkah yang akan diambil untuk mengurangkan gangguan daripada kebisingan oleh kenderaan-kenderaan terutama motosikal dan sekuter.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):

- (a) Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang yang ada pada hari ini, terutamanya Rule 107 dalam Motor Vehicles (Construction and Use) Rule, 1959 membolehkan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kenderaan dari Jabatan Pengangkutan Jalanraya mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan.

Walau bagaimanapun, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya bersama dengan Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Cawangan Terafik Polis Di Raja dan Jabatan Peguam Negara sedang menyediakan undang-undang baru bagi mengawalkan pencemaran udara yang disebabkan oleh pengeluaran asap yang berlebihan daripada kereta-kereta motor. Kemungkinan menggunakan "smoke meters" sedang dikaji, agar tindakan yang berkesan dapat diambil.

- (b) Pada masa ini tindakan boleh diambil ke atas kenderaan-kenderaan bermotor yang mengeluarkan bunyi bising yang berlebihan, dan undang-undang juga membolehkan tindakan kuatkuasa melalui Rule 103 dan Rule 109 of the Motor Vehicle (Construction and Use) Rules, 1959.

Walau bagaimanapun, memandangkan bunyi bising adalah satu faktor yang terlibat dalam faktor-faktor pencemaran alam, Jabatan Pengangkutan Jalanraya Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan telah merangka undang-undang baru untuk mengatasi masalah bunyi bising yang berlebihan daripada kenderaan-kenderaan bermotor dan mengkaji kemungkinan menggunakan "noise meters" untuk mengesan bunyi bising yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan ini.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berapa banyakkah pegawai-pegawai

diarah untuk memeriksa asap motokar di-jalan atau kebisingan bising motor? Saya lihat tidak ada, sebab pada hari Ahad, pada masa saya datang ke mesyuarat, banyak motokar-motokar yang mengeluarkan asap, banyak motor-motor yang berbunyi bising tidak siapa pun menangkap. Apabila disoal, ada pegawai pengawal, tetapi sebenarnya tidak ada, hanya bercakap di Dewan ini sahaja. Adakah Kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya supaya jangan bercakap sahaja selepas itu tidak ada apa-apa tindakan, sedangkan muka saya habis dipenuhi dengan asap, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*).

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum sebelum kita dapat mengambil apa-apa tindakan, kita mesti ada undang-undang yang ada standard. Selagi kita belum ada undang-undang yang ada standard yang boleh ditetapkan dari segi Undang-undang payah kita hendak menangkap orang itu dan bawa mereka ke Mahkamah untuk dibicarakan. Jikalau kita berbuat demikian kebanyakan orang-orang yang kena tangkap itu dibebaskan oleh mahkamah.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan kepada soalan 7 (b) berkenaan dengan topi keledar umpamanya, kita ada pastikan supaya topi keledar itu diluluskan oleh Standard Institute of Malaysia (SIM) adakah kemungkinan yang motorcycle baru umpamanya mesti juga diluluskan oleh SIM?

Datuk Ong Kee Hui: Ini satu syor yang kita boleh kemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan Raya supaya boleh difikirkan dan diambil perhatian.

Dr Lim Ah Sitt: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengurangkan gangguan daripada kebisingan bolehkah Menteri menimbang menggunakan silencer untuk motorcycle, scooter dan lain-lain kenderaan yang sangat bising?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, motorcycle dan lain-lain kenderaan memang ada silencernya, tetapi malangnya kadangkala silencernya rosak dan kerana itulah timbul masalah yang bising itu. Jikalau kita hendak mengatasi masalah

seperti itu, kita mesti adakan undang-undang untuk menetapkan berapa decibel baru boleh diterima. Apabila kita sudah ada undang-undang yang seperti itu, barulah kita dapat menangkap orang yang membuat bising itu.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, mengikut fahaman saya bahawa undang-undang yang ada pada hari ini tidak dapat menghukum mereka atau kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap yang berlebihan dan motorcycle yang berbunyi bising, bilakah undang-undang yang baru dapat dibentangkan di Dewan ini supaya perkara ini dapat diatasi?

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, kalau menurut hemat saya sendiri, saya hendakkan undang-undang yang kecil ini secepat mungkin.

BAS-BAS DI PULAU PINANG— KEKURANGAN

8. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar akan kekurangan sangat bas-bas dalam negeri Pulau Pinang dengan adanya kilang-kilang letronik di Bayan Lepas dan bahawa orang ramai terpaksa menunggu sekurang-kurangnya 45 minit hingga satu jam untuk mendapatkan bas dan jika sedar apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berkenaan bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar adanya kerumitan timbul dari masa ke semasa dan telahpun mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki perkhidmatan bas bagi orang-orang ramai termasuk juga pekerja-pekerja kilang-kilang letronik dan sebagainya. Di Pulau Pinang di mana banyak kilang-kilang letronik telah dibina seperti di Bayan Lepas, pekerja-pekerja kilang yang pada masa dulunya menggunakan bas biasa sekarang ini boleh menggunakan "BAS KILANG". "BAS KILANG" mula dijalankan (diadakan) pada 19-6-74 dan sehingga sekarang sebanyak (63) lesen BAS KILANG telahpun dibenarkan di negeri tersebut.

Untuk mengatasi kekurangan pengangkutan bagi membawa pekerja-pekerja kilang yang tidak kurang dari 10,000 orang ini, syarikat-syarikat bas tempatan telah memberi bantuan dengan mengadakan serta membekalkan bas-bas biasa, seperti berikut:

<i>Syarikat Bas</i>	<i>Bilangan Bas</i>	<i>Terip-terip</i>
(a) Penang Yellow Bus Co. Ltd.	6 buah	30 terip (sehari)
(b) Lim Seng Seng Bus Co. Ltd.	4 buah	9 terip (sehari)

untuk membawa pekerja-pekerja tersebut ke Bayan Lepas. Waktu-waktu yang sibuk bagi bas-bas ini membawa pekerja-pekerja itu ialah sebelah pagi pukul 8.30 dan sebelah petang antara pukul 2.00 hingga 4.00 petang dan pada waktu malam antara pukul 8.00 hingga 10.00 malam.

Sementara itu syarikat-syarikat bas di seluruh negara telah digesa untuk menambahkan lagi bilangan bas supaya memenuhi keperluan-keperluan orangramai akibat kenaikan tambang bas dari 4 sen sebatu ke 5 sen sebatu mulai dari 1-4-75. Kini Syarikat Bas Penang Yellow Bus Co. Ltd., telah menambah serta memesan 6 buah bas, sementara Syarikat Bas Lim Seng Seng 4 buah bas lagi.

Oleh itu memandangkan kepada keterangan-keterangan tadi, saya rasa dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa orangramai terpaksa menunggu sekurang-kurangnya 45 minit hingga satu jam untuk mendapatkan bas di Pulau Pinang itu tidaklah benar, kerana bas-bas dalam Pekan Pulau Pinang ini menjalani terip-terip antara 6 minit hingga 15 minit interval, kecuali di luarbandar, di tempat-tempat jauh terdapat 40 minit interval. Tambahan lagi Ahli Yang Berhormat itu tidak menyatakan tempat dan masanya terdapat kelengahan itu supaya dapat Kementerian saya mengambil tindakan tertentu terhadap syarikat bas yang berkenaan.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya kata tadi orang ramai menunggu selama 45 minit, adakah Yang Berhormat Menteri sedar selalunya antara pekan ke pekan bas-bas yang sedang dalam perjalanan selalu rosak dan sebelum bas gantian diberi orangramai terpaksa menunggu lebih dari 1 jam atau 45 minit. Selalunya daripada tempat saya tinggal di Minden Height, Glugor, pergi ke Pulau

Pinang kita boleh nampak tiga empat buah bas selalu berhenti di tepi jalan. Ini bukan jarang, selalu berlaku dan ramai orang terpaksa menunggu. Keadaan bas itu sangat buruk. Apakah langkah Kementerian akan ambil untuk memeriksa bas-bas ini daripada semasa ke semasa, adakah pada masa sekarang bas-bas ini selalu diperiksa dari semasa ke semasa?

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pemeriksaan ke atas bas-bas adalah dijalankan pada tiap-tiap 6 bulan sekali untuk menentukan samada bas-bas itu sesuai atau tidak sebagai pengangkutan awam. Pemeriksaan itu dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pendaftar dan Pemeriksa Kereta-kereta Motor. Selain daripada itu pemeriksaan secara mengejut kerap kali juga dijalankan oleh Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan termasuk juga pihak Polis. Syarikat-syarikat bas yang tidak memelihara bas-basnya akan didakwa di Mahkamah sepertimana mengikut Undang-undang Lalulintas Jalan Tahun 1958. Kementerian saya juga telah menggesa semua syarikat-syarikat bas supaya menggantikan bas-bas yang buruk dan lama dengan bas-bas yang baru akibat kenaikan tambang bas dari 4 sen sebatu kepada 5 sen sebatu yang mula dikuatkuasakan pada 1hb April, 1975.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan bas untuk mengangkut pekerja pergi bekerja ke kilang-kilang, saya suka menyatakan di sini bahawa Perbadanan Kemajuan Negeri, Negri Sembilan ada empat buah bas untuk mengangkut pekerja-pekerjanya ke kilang-kilang di Senawang. Tetapi malangnya syarikat itu tidak dibenarkan mengambil penumpang lain selepas dia menghantar pekerja-pekerja di kilang itu. Jadi bagaimanakah satu jalan supaya bas Perbadanan Kemajuan Negeri dapat mengambil penumpang selepas dia menghantar pekerja-pekerja yang saya sebutkan tadi.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang memang akan menyentuh hak-hak syarikat-syarikat bas yang lain. Tetapi walau bagaimanapun jika perbadanan-perbadanan itu hendak, kalau boleh, saya jemput supaya mereka membuat permohonan dan menyatakan alasan-alasan yang bagus supaya dapat ditimbang nanti.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal-jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

PEMBUANGAN PEKERJA SYARIKAT PERINDUSTRIAN ELEKTRONIK

9. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan berapa buah syarikat-syarikat asing dalam Negeri ini yang bertindak membuang pekerja-pekerjanya dengan sebab kemerosotan ekonomi sekarang dan nyatakan pula syarikat-syarikat yang tidak terjejas.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Sehingga ini, bilangan syarikat-syarikat asing dalam Negeri ini yang terlibat dengan pembuangan kerja disebabkan oleh kemerosotan ekonomi sekarang ialah sebanyak 11 buah sahaja, dan sebahagian besarnya ialah daripada perindustrian elektronik. Manakala syarikat-syarikat yang tidak terjejas pula, tidaklah dapat dinyatakan dengan tepat oleh kerana syarikat-syarikat asing di dalam Negeri ini terlampau banyak. Sungguhpun ada di antara syarikat-syarikat ini sedikit sebakannya terjejas oleh kemerosotan ekonomi sekarang tetapi syarikat-syarikat tersebut adalah berjalan seperti biasa.

BILIK SEMBAHYANG DI SEKOLAH-SEKOLAH

10. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa Kementerian ini bercadang untuk mengadakan bilik sembahyang lengkap dengan kemudahan-kemudahan bersembahyang di setiap buah sekolah baru atau setiap buah bangunan sekolah tambahan yang akan dibina oleh Kerajaan di masa hadapan sebagaimana yang pernah diumumkan oleh bekas Menteri Pelajaran baru-baru ini.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengadakan sebuah bilik sembahyang di tiap-tiap buah sekolah yang baru

atau bangunan sekolah tambahan. Bilik sembahyang ini ialah sama besarnya seperti bilik darjah biasa.

BIASISWA/DERMASISWA KERAJAAN—PELAJAR-PELAJAR

11. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah jumlah wang Biasiswa Kerajaan Pusat yang telah diberikan sejak 1hb. Januari, 1970 hingga 31hb Disember, 1974, berapa ramaikah yang mendapat biasiswa-biasiswa tersebut dan berapa untuk kursus pengajian dalam negeri dan berapa untuk luar negeri.

Perdana Menteri: Jumlah wang Biasiswa dan Dermasiswa Kerajaan yang telah diberikan daripada 1hb Januari, 1970 hingga 31hb Disember, 1974 ialah \$75,317,985.30 sen (tujuh puluh lima juta tiga ratus tujuh belas ribu sembilan ratus lapan puluh lima ringgit dan tiga puluh sen). Bilangan pelajar yang menerima biasiswa/dermasiswa dalam tempoh itu berjumlah 13,734. Daripada jumlah itu 11,932 menjalani kursus di dalam negeri dan 1,802 di luar negeri.

DASAR PELAJARAN

12. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa lama lagi masa yang ada untuk orang ramai satu pertubuhan-pertubuhan mengemukakan memorandum mengenai Dasar Pelajaran; dan
- (b) adakah apa-apa perubahan yang akan dibuat dalam Dasar Pelajaran mengenai sekolah-sekolah Tamil dan China mengikut cadangan-cadangan yang telah diterima setakat ini.

Dr Mahathir bin Mohamad:

- (a) Tarikh akhir untuk mengemukakan memorandum ialah 31hb Januari, 1975. Oleh yang demikian tempoh untuk mengemukakannya sekarang telah ditutup.
- (b) Cadangan-cadangan yang diterima daripada orang awam sekarang sedang dikaji dan oleh yang demikian adalah terlalu awal untuk memberi sebarang komen-komen samada perubahan-perubahan akan dibuat dalam Dasar Pelajaran mengenai Sekolah Aliran Tamil dan Sekolah Aliran China.

MAJISTRET/PEGUAM WANITA

13. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Undang-undang dan Peguam Negara menyatakan jumlah bilangan majistret dan peguam wanita yang berkhidmat di negara ini.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Pada keseluruhannya ada 14 orang peguam wanita yang berkhidmat di Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan di Negara ini.

Bermula dari 15-4-1975, kedudukan yang sebenarnya adalah seperti berikut:

<i>Kehakiman</i>	<i>Perundangan</i>
5 Majistret	8
1 Penolong Pendaftar Kanan Mahkamah	
—	—
6	8
—	—

KECEMARAN UDARA

14. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) langkah-langkah yang diambil atau akan diambil untuk mengurangkan kecemaran udara akibat kenderaan-kenderaan seperti bas, lori, teksi dan lain kereta yang menggunakan disel; dan
- (b) apakah langkah yang akan diambil untuk mengurangkan gangguan daripada kebisingan oleh kenderaan-kenderaan terutama motosikal dan sekuter.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Undang-undang yang ada pada hari ini, terutama Rule 107 dalam Motor Vehicles (Construction and Use) Rule 1959 membolehkan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kenderaan dari Jabatan Pengangkutan Jalanraya mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap berlebihan.

Walau bagaimanapun, Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya bersama dengan Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Cawangan Trafik Polis Di Raja dan Jabatan Peguam Negara sedang menyediakan undang-undang baru bagi mengawal pencemaran udara

yang disebabkan oleh pengeluaran asap yang berlebihan dari kereta-kereta motor. Kemungkinan menggunakan "smoke meters" sedang dikaji, agar tindakan yang berkesan dapat diambil.

- (b) Pada masa ini tindakan boleh diambil ke atas kenderaan-kenderaan bermotor yang mengeluarkan bunyi bising yang berlebihan, dan undang-undang juga membolehkan tindakan kuatkuasa melalui Rule 103 dan Rule 109 of the Motor Vehicle (Construction and Use) Rules 1959.

Walau bagaimanapun memandangkan bunyi bising adalah satu faktor yang terlibat dalam faktor-faktor pencemaran alam, Jabatan Pengangkutan Jalanraya, Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan telah merangka undang-undang baru untuk mengatasi masalah bunyi bising yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan bermotor dan mengkaji kemungkinan menggunakan "noise meters" untuk mengesan bunyi bising yang berlebihan dari kenderaan-kenderaan ini.

BAS-BAS DI PULAU PINANG— PEMERIKSAAN

15. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa bas-bas dalam Negeri Pulau Pinang yang dipunyai oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau oleh syarikat perSENDIRIAN adalah tidak memadai kerana tersangat buruk dan tidak sesuai sebagai pengangkutan awam. Nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk meniadakan pemeriksaan ke atas bas-bas ini dari semasa ke semasa.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Sebenarnya pemeriksaan ke atas bas-bas adalah dijalankan pada tiap-tiap (6) bulan sekali untuk menentukan samada bas-bas itu sesuai atau tidak sebagai pengangkutan awam. Pemeriksaan itu dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pendaftar dan Pemeriksa, Kereta-kereta Motor. Selain daripada itu pemeriksaan secara mengejut kerap kali juga dilakukan oleh pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dan termasuk juga pihak Polis. Syarikat-syarikat Bas yang tidak memelihara bas-basnya akan didakwa

di mahkamah sepertimana mengikut Undang-undang Lalulintas Jalan 1958. Kementerian saya juga telah mengesha semua syarikat-syarikat bas supaya menggantikan bas-bas yang buruk dan lama dengan bas-bas yang baru, akibat kenaikan tambang bas dari 4 sen sebatu ke 5 sen sebatu yang mula dikuatkuasakan pada 1-4-75.

LEMBAGA PERANCANG KELUARGA NEGARA—PERKHIDMATAN

16. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad minta Perdana Menteri menyatakan berapa ramaikah wanita-wanita yang bersuami yang mengikuti rancangan Lembaga Perancang Keluarga di seluruh Malaysia sejak tahun 1966 hingga 31hb Disember, 1974 ; setakat manakah kejayaan yang sudah dicapai, dan berapa banyak wang yang sudah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk itu.

Perdana Menteri: Sungguhpun Lembaga Perancang Keluarga Negara ditubuhkan dalam tahun 1966, rancang perkhidmatan Lembaga ini hanya bermula dalam bulan Mei, 1967. Sejak tarikh ini sehingga akhir tahun 1974 rancangan keluarga telah dapat memperolehi lebih kurang 447,300 penerima. Ini menjadikan kadar 311 penerima pada tiap-tiap 1,000 wanita yang sedang berkahwin, yang berumur di antara 15-49 tahun. Ramai di antara penerima (iaitu 61%) memasuki rancangan keluarga di bawah umur 30 tahun. Sebahagian besar daripada penerima ialah dari kumpulan yang kurang berpendapatan dan berpendapatan rendah (iaitu 74% mempunyai pelajaran rendah atau lebih bawah daripada itu dan 60% daripada suami mereka mendapat kurang daripada M\$300 sebulan). Kumpulan yang berkahwin dan berumur di antara 20-24 tahun merupakan jumlah penerima yang tinggi (iaitu dengan kadar 453 bagi tiap-tiap seribu), diikuti oleh kumpulan berumur 25-29 tahun (iaitu 424 bagi tiap-tiap seribu) dan berkurangan dikalangan kumpulan yang lebih umur. Pil masih menjadi cara yang paling disukai dan popular, iaitu 89% daripada jumlah penerima menggunakan pil.

Rancangan Perancang Keluarga Negara telah dapat mencapai 65% daripada matlamat tahun 1967-1970 (iaitu seramai 222,217 penerima dari matlamat 343,351) dan 59% daripada matlamat tahun 1971-1974 (iaitu 230,100 penerima dari matlamat 392,000). Bagaimanapun ada kemungkinan bahawa

sejumlah daripada wanita di dalam kumpulan umur yang sesuai yang mengamalkan perancang keluarga mendapat bekalan daripada sumber-sumber di luar rancangan seperti doktor-doktor persendirian, ahli-ahli Farmasi dan lain-lain. Jika ini benar maka peratus kejayaan adalah lebih tinggi. Ini hanya dapat dipastikan apabila kajian Kesuburan dan Kekeluargaan yang sedang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan dan Lembaga Perancang Keluarga Negara bersamaan dengan Penyiasatan Kesuburan Dunia selesai dan hasilnya diketahui.

Mengenai perbelanjaan pula, mulai tahun 1966 sehingga akhir tahun 1974, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$17,862,618.50 untuk rancangan perancang keluarga.

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG—PENUMPANG

17. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapa saudara mara penumpang-penumpang kelas tiga atas kapal-kapal yang belayar dari Malaysia ke India tidak dibenarkan masuk ke kawasan dermaga untuk mengucapkan selamat belayar kepada mereka sedangkan saudara mara penumpang-penumpang kelas satu dan dua dibenarkan berbuat demikian. Nyatakan sebab-sebab perbezaan yang diamalkan oleh Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Suruhanjaya tidak membezakan penumpang-penumpang. Tiap-tiap penumpang tidak kira kelas mana yang mereka akan membuat pelayaran, layak mendapat dua pas untuk memasuki dermaga (tidak termasuk penumpang itu sendiri) untuk membolehkan saudara maranya atau sahabatnya memasuki kawasan dermaga. Adalah harus ditegaskan di sini bahawa pas-pas memasuki dermaga ini hanya membenarkan mereka masuk ke dalam kawasan dermaga. Kebenaran untuk menaiki kapal terletak kepada Ajen-ajen Perkapalan yang mengeluarkan pas-pas menaiki kapal dan bukannya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang.

BIRO PENYELARASAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI

18. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil yang didapati dari kehadiran beliau di Persidangan

Penalti maksimumnya ialah penjara satu tahun atau denda dua ribu ringgit atau kedua-duanya.

Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 telah dipinda oleh Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan), 1974 yang mula berkuatkuasa pada 8hb Julai, 1974. Akta 1971 itu sebagaimana yang dipinda mengadakan penalti-penalti yang lebih berat bagi menggunakan senjatapi berhubung dengan melakukan beberapa kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta itu, seperti rompakan, peras-ugut dan pencolekan. Oleh itu, jika dilepaskan tembakan dari sesuatu senjatapi dengan tujuan menyebabkan kematian atau kecederaan, penaltinya ialah hukuman mati. Seseorang rakan sejenayah dalam melakukan kesalahan itu boleh juga dihukum mati. Akta ini juga mengadakan peruntukan bahawa seseorang yang memperdagangkan senjatapi boleh dihukum dengan hukuman mati atau penjara seumur hidup serta disebut sebanyak tidak kurang daripada enam kali. Bagi maksud Akta 1971 itu penjara seumur hidup ertinya hukuman penjara seumur hidup yang sebenar-benarnya dan bukannya selama tempoh berkanun dua puluh tahun. Bagi mendapatkan maklumat penuh mengenai peruntukan-peruntukan kedua-dua Akta tersebut, silalah rojok kepada Akta-akta yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semenjak Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) dikuat-kuasakan pada 8hb Julai, 1974, berapa orangkah yang telah menerima hukuman yang lebih berat sehingga hari ini samada dijel seumur hidup ataupun dihukum bunuh?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan butir-butir yang tertentu, maka saya perlulah mendapatkan notis terlebih dahulu untuk menjawabnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kemukakan dua soalan.

Yang Pertama, adakah Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan undang-undang ini sangat lemah pada masa ini, dan daripada soalan yang pertama itu iaitu kelemahan pelaksanaan dalam undang-undang ini, adakah Kerajaan sedar bahawa telah timbul kumpulan-kumpulan penyeludupan senjatapi

yang dijalankan di Sempadan Malaysia ini, terutamanya di antara Sungai Golok dengan Kelantan, yang mana melibatkan pegawai-pegawai Kerajaan kita sendiri dalam kumpulan-kumpulan penyeludupan senjatapi yang tidak berlesen ini yang berlaku secara besar-besaran, yang mana kita fikir banyak senjatapi-senjatapi yang diseludupkan ke Kelantan dan dibawa ke lain-lain negeri menerusi Rantau Panjang daripada Sungai Golok. Reket ini sangat besar. Kerajaan sedar atau tidak sedar dan adakah tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil oleh Kerajaan bagi menyekat penyeludupan yang sangat merbahaya itu?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidaklah lemah untuk melaksanakan undang-undang ini. Bila Kerajaan dapat keterangan yang cukup dan sekiranya seseorang jenayah ditangkap peruntukan-peruntukan undang-undang ini akan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah Kerajaan sedar banyak senjatapi yang tidak berlesen itu diseludup daripada Negeri Siam menerusi Rantau Panjang ke Negeri Kelantan, ke Malaysia ini? Baru-baru ini tangkapan-tangkapan telah dibuat dan senjata yang sangat moden diperolehi. Ada pistol tiga berel yang berupa mancis sahaja besarnya yang dijumpai oleh Polis di Negeri Kelantan. Ada juga senjatapi seperti pistol yang berupa lipstik, tetapi ianya pistol. Jadi, senjatapi yang moden ini diseludup daripada Negeri Siam ke Kelantan. Ini adalah satu berita yang sangat heboh di Kelantan dan reket ini melibatkan pegawai-pegawai pengawal sempadan kita sendiri yang mana ada mempunyai faedah bagi diri masing-masing. Adakah Kerajaan sedar reket yang seumpama ini berlaku dan kiranya sedar apakah tindakan yang diambil?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar penyeludupan senjata seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan, dan Kerajaan juga adalah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan penyeludupan ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Apakah langkah yang sesuai itu—maksudnya?

Biro Penyelarasan Negara-negara Berkecuali di Havana pada tahun lalu dan selama ini apa kemajuan atau faedah yang didapati oleh Malaysia sebagai anggota biro tersebut.

Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak): Mesyuarat Persidangan Biro Penyelarasan Negara-negara Berkecuali pada tahun lepas telah diadakan di Algiers dan bukan di Havana sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan tersebut pula, saya ingin memulakan dengan menyatakan bahawa Dasar Berkecuali adalah satu-satunya asas dasar luar negeri kita. Oleh yang demikian adalah mudah untuk kita melihat akan faedah-faedah yang Malaysia memperolehi dengan menjadi ahli Biro Penyelarasan ini. Biro Penyelarasan ini adalah menjadi majlis penasihat serta majlis kerja dan segala syor-syor penting berkenaan dengan Pergerakan Negara Berkecuali keseluruhannya adalah diputuskan di mesyuarat Biro ini.

Peranan aktif oleh Malaysia sebagai ahli Biro ini telah menempatkan negeri kita dalam kedudukan yang baik untuk memberi sumbangan kita kepada kerja persidangan negara berkecuali ini. Keahlian kita dalam Biro tersebut juga membuktikan betapa tingginya kehormatan dan kepercayaan yang diberikan oleh negara-negara berkecuali kepada negara kita.

Semasa Biro ini mengadakan mesyuaratnya di Algiers khususnya, Biro ini telah meluluskan beberapa langkah yang bertujuan untuk merapatkan lagi kerjasama negara-negara berkecuali dalam bidang politik dan ekonomi dan juga untuk menyelaraskan pelaksanaan segala resolusi-resolusi yang tercatat di Declaration yang diluluskan oleh sidang kemuncak ke 4 Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Negara-negara Berkecuali di Algiers.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada 16 Rang Undang-undang lagi untuk diluluskan dalam Mesyuarat hari ini dan esok. Dari itu jika dikira hitung panjang sekalipun sebuah Rang Undang-undang hanya boleh dibahas dalam tempoh 22½ minit—tidak sampai setengah jam bagi satu Rang Undang-undang. Oleh kerana itu saya mencadangkan Usul ini untuk memperuntukan masa yang panjang lagi bagi perbincangan. Tetapi walaupun demikian untuk menjimatkan masa Dewan, saya merayu dan berterima kasih sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menumpukan pandangan mereka apabila berhujah hanya kepada perkara-perkara yang berkaitan sahaja dan tidak mengulang-ulang perkara-perkara yang sama.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 8.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEMAJUAN PETROLIAM (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (16hb April, 1975).

3.35 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya oleh kerana hendak bekerjasama dengan apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang untuk memendekkan sahaja ucapan oleh sebab banyak lagi yang hendak dibincangkan, maka saya patuh di atas apa yang dikatakannya tadi, tetapi saya hendak bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan PETRONAS. Oleh kerana management PETRONAS pada masa yang akan datang adalah mustahak maka di sini saya syorkan supaya pada masa akan datang apabila PETRONAS ini ditubuhkan maka hendaklah diperhatikan supaya

pegawai-pegawai PETRONAS ini betul-betul bertugas bukan sebagai pegawai Kerajaan, tetapi sebagai satu syarikat yang hendak mendapat keuntungan kerana kebanyakan daripada pegawai-pegawai yang bekerja dengan badan-badan, misalnya UDA, PERANSANG dan juga lain-lain, mereka bekerja sebagai pegawai Kerajaan. Apabila mereka ini bekerja sebagai pegawai Kerajaan maka mereka ini tidaklah mengambil peduli sangat berkenaan dengan keuntungan ataupun kerugian. Dengan sebab itu saya berharap kepada Pengerusi PETRONAS supaya memerhatikan di atas perkara ini.

Kedua, berkenaan dengan kesulitan. Apa sahaja yang ada dalam PETRONAS mestilah disulitkan oleh kerana syarikat-syarikat besar seperti ESSO, Shell dan lain-lain mereka ini berkehendakkan secret daripada PETRONAS ini. Saya katakan begitu sebab apabila kita boring minyak di pantai kita, mereka hendak tahu di mana tempat yang ada minyak banyak, di mana keluarnya minyak-minyak ini. Oleh kerana ini adalah secret kepada PETRONAS maka peon ataupun office boy yang ada di dalam PETRONAS ini adalah cukup mustahak, oleh kerana kadang-kadang dicuri plan ini dan dijualkannya maka office boy, kerani dan sebagainya worth \$1 million. Oleh kerana misalnya kalau dapat sahaja secret daripada PETRONAS ini, maka secret itu akan digunakan oleh mereka. Dengan sebab itu, saya harap secrecy dalam PETRONAS ini mestilah diteliti dengan sebenar-benarnya dan sesiapa juga yang bekerja dengan PETRONAS ini mestilah discreen betul-betul.

Selain daripada itu shares atau saham-saham ini janganlah diquoted di New York, tetapi hendaklah diquoted di negeri kita di Kuala Lumpur seperti mana yang ada di dalam negeri ini boleh diquoted di Kuala Lumpur, di New York, di London dan sebagainya.

Selain daripada itu kuasa menentukan 1% atau lebih shares pengurusan mestilah ditentukan oleh Perdana Menteri. Tetapi di dalam Rang Undang-undang ini tidak mengatakan apa-apa. Di situ mestilah menentukan 1% ini atau lebih shares pengurusan ini mestilah ditentukan oleh Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya patuh dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang tadi, maka di sini saya adalah menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

3.38 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan oleh kerana apa yang hendak saya cakapkan telah dicakapkan oleh kawan-kawan saya semalam, cuma sedikit sahaja, yang hendak saya bangkitkan.

- (a) Tidakkah dapat difikirkan bahawa rakyat diberikan shares dalam saham PETRONAS seperti yang dilakukan di Yayasan Sabah dimana setiap rakyat diberikan shares dalam yaysan shares balak dengan percuma.
- (b) Kalau di Sabah boleh buat, apakah kita tidak boleh memikirkan hal ini, kerana kita tahu shares PETRONAS ini bukan semakin kecil di masa akan datang bahkan lebih besar lagi kelak di masa akan datang.
- (c) Jika sekiranya tidak dibuat undang-undang demikian, maka amat malang sekali rakyat Malaysia ini tidak akan merasai langsung hanya terpulang orang kaya bertambah kaya, si miskin tidak akan merasai langsung, kerana tidak mampu membeli shares tersebut. Sekian, terima kasih.

3.41 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini dengan sepenuh-penuhnya. Saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja iaitu jika berjalan kuatkuasa Bill ini, saya tak mahu tengok lagi nama Shell, Caltex, Esso, Mobil dan sebagainya. Saya mahu tengok nama-nama itu ditukar kepada PETRONAS. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

3.42 ptg.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang dan saya rasa kita amat bertuah dalam setengah-setengah perkara, sebab kita telah lambat sedikit dalam perkara ini, jadi dapat kita

belajar daripada negara-negara minyak yang lain yang telah banyak pengalaman dalam perkara ini. Jadi kita dapat belajar tentang kesalahan ataupun kesilapan yang dibuat oleh mereka dan dengan secara itu saya harap PETRONAS akan dapat memajukan negara kita dengan seberapa cepat yang mungkin.

Perkara yang kedua yang saya hendak place on record ialah berkenaan perusahaan minyak di Negeri Sabah nanti. Saya harap sebagaimana yang dibuat oleh pihak-pihak lain, PETRONAS satu masa nanti akan membina kilang refinery (petro-chemical industries) dan lain-lain yang difikirkan sesuai pada masa itu di Negeri Sabah kelak, sebab pada masa ini apa yang saya tahu ada lebih kurang sudah didapati 150,000 barrels dalam satu hari yang boleh diusahakan pada 3 telaga minyak di dalam lautan tidak berapa jauh daripada pantai negeri Sabah. Satu perkara lagi saya harap PETRONAS akan mengusahakan untuk membina kilang petro-chemical industries dan juga daripada by-product of gas iaitu sebagai membuat urea dan sebagainya. Sebab apa yang saya tahu tiap-tiap 10% harga urea atau harga gas yang kita beli itu bila kita hendak belikan urea balik kita terpaksa belanja 900% lagi ataupun 900 kali ganda daripada apa yang kita belanja sepatutnya. Jadi saya berharap PETRONAS pada satu masa nanti akan membuat satu kajian untuk mengadakan satu kilang membuat urea jangan sahaja dijualkan gas itu ke negeri luar sebagaimana yang dirancangan oleh syarikat perkapalan yang saya sebutkan tadi, kapal yang besar-besar itu akan dimuatkan gas, dijual ke negeri luar. Ini akan merugikan negara kita sebab kita terpaksa beli daripada mereka balik dengan harga yang cukup tinggi.

Satu perkara lain yang saya suka sentuhkan di sini ialah berkenaan syarikat-syarikat minyak negara asing yang akan bekerja dengan PETRONAS nanti. Saya harap kerana modal yang besar yang diperlukan maka kita terpaksa menggunakan modal yang besar dari negeri asing sebagaimana syarikat yang mengadakan drilling pada masa ini, tetapi saya berharap pada akhirnya nanti bila kita mengadakan perjanjian dengan mereka nanti akan mengadakan balanced foreign participation, jangan kita tumpukan perjanjian kita kepada satu negeri sahaja seperti Amerika Syarikat dan Eropah tetapi juga kita patut mengadakan perjanjian

dengan semua negeri kalau boleh negeri Jepun, negara-negara Eropah dan juga Amerika. Dengan cara itu mereka tidak akan dapat campur tangan dengan senang dalam negara kita sebab kalau kita tumpukan kepada satu negeri sahaja, harus kita tidak akan begitu bebas. Jadi mereka itu mungkin akan campur tangan dalam negara kita untuk menjaga kedudukan ekonomi mereka dan juga ada kemungkinan juga mereka akan dominate ataupun memperkuasai ekonomi negara ini dengan secara besar-besaran. Perkara ini saya harap akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dan juga PETRONAS nanti, oleh sebab perkara ini adalah perkara yang penting, jikalau mereka campur tangan dalam negara kita nanti, soal keselamatan pula berbangkit sebab soal keselamatan ialah soal yang pertama bagi kita.

Satu perkara lagi yang saya suka sentuh di sini ialah berkenaan dengan orang-orang yang akan dilatih untuk menjaga perusahaan-perusahaan PETRONAS dan sebagainya. Saya harap Kerajaan dengan secepat mungkin akan menimbangkan untuk mengadakan satu Faculty of Mineral Petroleum sebagaimana yang dicadangkan oleh sahabat-sahabat saya yang lain kelmarin untuk memberi peluang kepada anak negeri kita yang belajar dalam negeri kita sendiri berkenaan dengan perkara ini.

3.47 ptg.

Puan Zawiyah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Saya berasa dukacita apa yang telah berlaku antara PETRONAS dengan PETRO-GAS di Negeri Sembilan. Perkara seperti ini tidak sepatutnya dihebohkan kepada umum kerana ini boleh menakutkan negara-negara yang hendak melaburkan modal ke negeri ini, sebabnya ialah salah satu daripada sungutan pelabur-pelabur modal dari luar negeri mengenai Malaysia ini kerana banyak sangat pihak yang berkuasa yang terpaksa ia berunding. Patutlah dicari jalan untuk memudahkan perkara ini dengan jalan menubuhkan satu jawatankuasa atau badan yang mewakili semua pihak dalam satu-satu perundingan dengan bakal-bakal pelabur modal luar negeri. Akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini. Dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, saya percaya bayak peluang kepada bumiputra untuk menyertai dalam bidang ini.

3.48 ptg.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kemajuan Petroleum ini. Saya menyokong sepenuhnya kerana dengan undang-undang ini kita telah memberi kuasa yang lebih kepada PETRONAS untuk menjalankan perusahaan petro-chemical industries di negara kita ini, tetapi setakat hari ini saya pun tak tahu lagi setakat manakah rancangan PETRONAS. Adakah rancangan PETRONAS cuma semata-mata untuk mencari petroleum, untuk memproses petroleum hendak buat minyak petrol, minyak diesel, minyak gas, minyak kapal terbang dan juga sesudah membuat minyak itu distribute atau menyebarkan minyak itu kepada kegunaan orang ramai. Adakah setakat itu sahaja untuk kegunaan orang ramai. Kalau setakat itu sahaja, saya fikir tak memuaskan kerana kita tahu bahawa petroleum ini ialah satu commodity yang sangat berguna di dalam dunia kerana daripada satu benda petroleum ini boleh dikeluarkan lebih daripada 10 macam benda-benda lain yang sangat berharga.

Selain daripada jenis-jenis minyak tadi, saya katakan daripada petroleum itu kita boleh buat baja urea, plastik, nylon, getah tiruan dan lain-lain lagi. Maka dengan kerana itu saya suka mengesyorkan patutlah PETRONAS ini menggunakan kesemua rancangan yang boleh digunakan daripada petroleum ini. Saya sangatlah bersetuju terutama sekali PETRONAS hendaklah membuat baja urea kerana kita tahu pada tahun sudah negeri kita telah kerugian berjuta-juta ringgit kerana membeli baja urea. Satu kampil baja urea yang beratnya 44 lbs. sahaja dibeli di luar negeri dengan harga \$15 tetapi Kerajaan jual kepada petani cuma \$10. Bermakna tiap-tiap kampil baja Kerajaan rugi \$5 atau subsidise \$5. Kalau beribu-ribu kampil berjuta ringgit Kerajaan habis. Kenapakah kita hendak beli baja urea daripada luar negeri kalau kita ada kemampuan sendiri boleh buat baja urea sebab kita ada petroleum boleh buat, tak guna lagi kita beli daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita baca World Report berkenaan food and agriculture dalam sedikit hari ini bahawa dunia mengatakan segala negeri dalam dunia ini kekurangan baja. Oleh sebab dunia mengatakan kekurangan baja maka dunia yang

hendak berikhtiar melebihi pertanian untuk makanan manusia di mana-mana negeri pun sudah tergendala sebab orang kita sudah bertambah banyak. Oleh sebab kekurangan baja patut kita beri priority baja urea kepada PETRONAS supaya dapat kita mengeluarkan baja urea kita sendiri. Baja dengan pokok seperti nasi dengan manusia. Kalau manusia tak makan nasi akan mati dan kalau pokok tak dibubuh baja pun akan mati tak berbuah. Jadi begitu besar sekali akibat baja ini. Pada hari ini kita tak boleh buat apa jenis baja sekalipun kalau kemampuan yang telah diberi kepada kita tidak digunakan. Daripada petroleum boleh dibuat baja, boleh buat pelastik untuk dijual, nylon dan benda-benda lain untuk membuat kain baju dengan by-products dan juga kita boleh buat getah tiruan. Tetapi kalau saya kata buat getah tiruan nanti Ahli-ahli Yang Berhormat kata kita hendak lawan sebab kita ada getah asli, hendak buat getah tiruan pula. Bukan lawan, kalau tak buat pun orang lain nanti akan buat tetapi kalau kita boleh buat getah asli dengan begitu banyak mengapa getah tiruan kita tidak boleh buat dengan banyaknya, nanti kita akan dipandang oleh dunia sebagai sebuah negara yang cukup maju dan pandai. Mereka akan kata Malaysia pandai, getah asli dia boleh keluarkan dengan banyaknya, dan getah tiruan pun dia boleh buat banyak. Jadi kalau orang di luar negeri hendak membelinya datanglah kerana getah kita banyak. Getah asli kita beri, getah tiruan pun kita beri. Dengan kerana itu ekonomi kita pun bertambah-tambah tinggi lagi.

Baru-baru ini kita telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bercakap di London mengatakan Malaysia tak ada niat hendak nationalise petroleum. Saya suka sebutkan sedikit mengenai hal ini. Petroleum adalah nyawa pada satu-satu negara. Kita tahu pada masa Sukarno memerintah Indonesia dahulu negaranya habis bengkrak, tetapi baru-baru ini mereka dapat petroleum dan sekarang ini sudah menjadi kaya-raya. Pada masa dahulu orang cuma naik unta tetapi hari ini dengan petroleum orang naik Cadillac, kita pun kalah, di Kuwait orang menggunakan Cadillac dan Libya pun begitu juga. Jadi maknanya petroleum ini nyawa bagi satu-satu negara. Maka saya fikir kalau ia menjadi nyawa patutlah kita memandangi lebih berat lagi, janganlah kita beri orang luar peluang membuka perusahaan petroleum seperti Shell,

Caltex, Esso dan lain-lain untuk exploit kita menggunakan kekayaan itu, lebih baik kita buat sendiri daripada kita beri orang lain buat.

Saya fikir orang Malaysia ini pandai juga. Malaysia bolehlah dikatakan mempunyai orang bijak pandai di negara rantau sebelah Timur. Boleh dikatakan kita lebih pandai daripada orang Kuwait tetapi pada hari ini kita dengar Kuwait hendak nationalise petroliam. Kita ingat mereka bodoh tetapi sebaliknya mereka lagi cerdik. Kalau Kuwait boleh buat mengapa Malaysia tak mahu nationalise kerana ini hak kita. Kalau kita nationalise petroliam barangkali orang kata kita tak ada technocrat yang boleh buat kerja, tidak apa. Kalau kita tidak ada technocrat yang boleh buat kerja hendak suruh orang buat baja urea, by-products hendak buat nylon, ambil orang-orang luar yang pandai-pandai untuk membuatnya dengan dibayar upah kepada mereka walau mahal sekalipun supaya product yang dikeluarkan itu nylon yang baik, baja atau apa sekalipun adalah hak kita, hak negara. Bila hak negara boleh digunakan oleh kita. Oleh sebab itu saya fikir wajib sangat kita nationalise, bukanlah tahun ini, barangkali setahun dua lagi kita buat diam-diam sahaja dalam sedikit masa lagi.

Saya percaya kalau kita beri pekerjaan kepada banyak pegawai kita sekarang di dalam masa 10-15 tahun lagi kita tak memerlukan lagi kepada foreign expert sebab orang kita sudah jadi technocrat yang pandai daripada pakar, tak guna kita upah mereka itu, orang kita boleh buat sendiri. Saya harap PETRONAS daripada hari ini patutlah hantar orang-orang bumiputra kita pergi belajar berkenaan petro-chemical ini di negeri-negeri yang ada baja dan kita berharap dalam masa 10-15 tahun lagi kita sendiri akan berdiri di atas kaki sendiri maknanya dalam masa 10-15 tahun lagi kita boleh buat sendiri, tak guna pakai orang luar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bercakap ialah kelmarin rakan saya Senator Kamarul Ariffin telah memberikan satu cadangan patut kita masuk O.P.E.C., saya bersetuju dengan pendapat itu. Malaysia patut memasuki O.P.E.C. kerana pada segi saya O.P.E.C. itulah akan menjadi satu pertubuhan yang besar sekali dalam dunia pada hari ini yang menjaga keluaran petrol di dalam dunia dan juga yang menjaga harga petroliam dalam dunia. Kalau dengan

kerana itu kita sudah menjadi petroleum producer maka patut sangat kita masuk, kalau tidak kita akan tertinggal di belakang. Kalau kita boleh joint tin Council kerana masuk dalam Majlis Bijih Timah, kalau kita boleh masuk Majlis Getah Antarabangsa sebab kita ada banyak getah, mengapa tak boleh joint O.P.E.C. mengenai petroliam. Inilah satu cara yang kita boleh buat. Saya percaya O.P.E.C. akan terima kita dengan kedua belah tangan. Kalau kita masuk O.P.E.C. maka barulah kedudukan kita sebagai producer akan dijagai dan harga-harga yang akan kelak tak boleh jatuh.

Akhirnya saya sokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya harap patutlah Yang Berhormat Menteri mengambil ingatan atas cadangan saya itu, mana yang bagus patutlah dipakai.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong Rang Undang-undang ini. Saya sungguh berasa gembira kerana tidak ada seorang pun yang membangkang Rang Undang-undang ini, baik di dalam Dewan Rakyat apatah lagi dalam Dewan yang mulia ini. Semangat unanimity ini sangat dihargai. Beberapa Ahli Yang Berhormat juga telah mengemukakan pendapat-pendapat dan pengesyoran dan kepada mereka saya juga mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit-sebanyak jawapan kepada teguran dan pengesyoran yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin yang telah membangkitkan soalan terhadap Bill ini. Perkataan "pasaran" dan "pembahagian" (marketing and distribution) adalah luas maknanya, termasuk penjualan minyak di kiosk-kiosk atau service station. Mengikut seksyen 6A yang baharu itu, syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan memproses minyak, menapis minyak (refinery), mengilang benda-benda keluaran kimia-petrol, memasar atau membahagi petroliam atau benda-benda keluaran kimia-petrol, adalah dikehendaki mengeluarkan syer pengurusan kepada PETRONAS. Kalau dihalusi jenis-jenis perniagaan ini, maka telah tentu akan melibat beberapa

banyak syarikat di negara ini, termasuk yang kecil dan yang besar. Tidaklah dicadangkan bahawa kesemua syarikat yang mencebur dalam bidang perniagaan itu dikehendaki mengeluarkan syer pengurusan. Oleh sebab itulah dalam seksyen 6A itu dimasukkan seksyen-kecil (10) yang memberikuasa kepada Perdana Menteri mengecualikan mana-mana syarikat atau mana-mana kelas syarikat daripada mengeluarkan syer tersebut. Hanya syarikat-syarikat yang tertentu yang menjalankan perniagaan yang penting dan strategic kepada ekonomi negara (vital and strategic to the national economy) akan dikehendaki mengeluarkan syer pengurusan.

Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin bahawa syarikat-syarikat yang berkenaan terpaksa meminda Memorandum dan Articles of Association bagi melaksanakan kehendak undang-undang ini; dan ini mengambil masa yang lama. Oleh itu, perkataan "as soon as practicable" terpaksa diguna dalam seksyen-kecil (2).

Menyentuh maksud seksyen-kecil (2) (a), mana-mana saham yang disebut harga di Stock Exchange di Malaysia maka harga itu dipakai; dan jika harga itu tidak disebut langsung di Stock Exchange di Malaysia, tetapi disebut di Stock Exchange di luar negeri, maka harga yang disebut di luar negeri itu akan dipakai.

Berkenaan dengan bilangan syer pengurusan yang akan dikeluarkan oleh syarikat-syarikat, bilangan itu mestilah sama dengan satu peratus atau lebih daripada modal yang dikeluarkan dan yang dibayar. Boleh jadi syarikat-syarikat akan menawarkan lebih daripada satu peratus, tetapi tidak semestinya PETRONAS akan membelinya, kerana tidak ada peruntukan dalam seksyen 6A itu yang PETRONAS terpaksa membeli. PETRONAS akan membeli sebilangan syer pengurusan yang akan membolehnya mengawal pengurusan syarikat yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator itu juga telah membangkitkan soalan asas (basis) apakah 500 votes atau suara itu ditetapkan itu. PETRONAS telah mengkaji hal ini dan adalah difikirkan bahawa 500 votes itu memadai bagi tujuan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin atas pandangan dan pengesyorannya. Kera-

jaan akan mengkaji samada patut Malaysia menjadi ahli O.P.E.C. dan juga terima kasih kepada sokongan yang diberi sekejap tadi oleh Senator Abdul Samad dan jika Malaysia mempunyai syarat-syarat kelayakan menjadi ahli.

Yang Berhormat Senator Datuk Mansor telah meminta timbangan supaya sebuah kilang penapis minyak (refinery) ditubuh di Trengganu dan sekejap tadi seorang Senator daripada Sabah telah meminta supaya refinery juga ditubuhkan di negeri Sabah. Sungguhpun menjadi keutamaan bagi pihak PETRONAS untuk menggalakkan penubuhan kilang-kilang yang berkait dengan petroliaam seperti kilang penapis minyak dan kilang kimia-petrol di kawasan-kawasan yang kurang maju seperti di Trengganu, hal ini adalah bergantung kepada beberapa ketentuan yang penting seperti umpamanya:

- (1) sumber-sumber minyak yang akan digunakan;
- (2) kapasiti (kuasa) kilang yang baru itu boleh ditubuhkan di Malaysia;
- (3) pasaran; dan
- (4) penyesuaian tempat.

Ketentuan-ketentuan di atas akan ditentukan melalui rancangan kebangsaan dan oleh itu PETRONAS pada waktu ini, tidaklah dapat memberi apa-apa ketetapan atau ketegasan di atas perkara yang disebutkan tadi.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesyorkan supaya PETRONAS mendirikan kilang baja urea. Memanglah menjadi tujuan PETRONAS untuk mengkaji soalan mengeluarkan baja di dalam negara kita sendiri, tetapi sebagai termaklum, pada masa ini PETRONAS baharu sahaja ditubuhkan tujuh bulan dan oleh itu perkara-perkara seperti ini sangat penting ia adalah masih dalam kajiannya lagi.

Menyentuh perkara petrol kiosk (service station) saya suka memaklumkan kepada Dewan ini bahawa di Semenanjung Malaysia pada masa ini hanya ada 1097 petrol kiosk dari kelima-lima syarikat pemasaran minyak tempatan, iaitu Shell, Mobil, Esso, BP (British Petroleum) dan Caltex. Dari jumlah ini, bilangan yang dipunyai oleh Bumiputra hanya 129 buah atau mengikut peratusan ialah 12%.

Kerajaan telahpun mengarahkan syarikat-syarikat minyak ini supaya melantik lebih ramai lagi Bumiputra sebagai wakil-wakil penjual minyak bagi tiap-tiap petrol kiosk baharu yang mereka rancang atau telah dirikan, dan setakat ini arahan ini dipatuhi oleh syarikat-syarikat pemasaran minyak tempatan ini. Pengawasan dijalankan oleh Bahagian Petroliaam, Jabatan Perdana Menteri, dan juga Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Usaha dan arahan ini, saya percaya akan meningkatkan lagi peratus penyertaan bumiputra dalam bidang ini.

Oleh yang demikian tidaklah benar seperti yang dikatakan atau sangkaan yang dibuat di dalam Dewan ini semalam bahawa hanya 2% atau 3% sahaja daripada petrol kiosk yang ada di negara kita ini dipunyai oleh Bumiputra. Sebenarnya 12% sungguhpun masih kecil bilangannya.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan perkara berkenaan dengan latihan kakitangan-kakitangan PETRONAS. Saya sukacita menyatakan di sini bahawa PETRONAS sekarang sedang giat mengatur rancangan tertentu untuk melatih kakitangan-kakitangannya, terutama sekali di luar negeri. Negara-negara sahabat telahpun menawarkan latihan. PETRONAS akan mengeluarkan dalam tahun ini sahaja 35 biasiswa kepada penuntut-penuntut untuk melanjutkan pelajaran mereka dan setakat ini telahpun menawarkan 8 biasiswa untuk mengikuti berbagai-bagai kursus di luar negeri. PETRONAS masih lagi mengadakan temu-duga untuk memenuhi biasiswa yang baki lagi itu. PETRONAS ada juga menawarkan dua biasiswa ijazah lanjutan (post-graduate) dalam bidang petroliaam.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad dan Yang Berhormat Senator Ustaz Othman Abdullah telah mengesyorkan supaya diadakan kursus khas berhubung dengan petroliaam di Pusat Pengajian Tinggi kita. Saya sukacita memaklumkan bahawa mulai tahun ini Instituti Teknologi Kebangsaan (ITK) akan mengadakan kursus tersebut.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan kebimbangan harus berlaku kelebihan pakar-pakar petroliaam di negara ini. Saya memberi jaminan kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat itu bahawa PETRONAS memang merancang latihan supaya keadaan itu tidak akan berlaku.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik mengesyorkan supaya alat kelengkapan berkaitan dengan petroliaam dijual oleh agensi-agensi Kerajaan. PETRONAS tidak bercadang pada waktu ini menceburkan diri dalam lapangan ini, tetapi mengikut Petroleum Regulations, 1974, sesiapa yang hendak menjalankan perniagaan berkaitan dengan services bagi petroliaam seperti menjual alat kelengkapan petroliaam, dikehendaki mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri terlebih dahulu. Berkenaan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain, maka terpujalah kepada mereka untuk menentukan tetapi mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri untuk menjalankan perniagaan ini.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik juga telah menyuarakan kebimbangannya bahawa syer pengurusan akan dijual kepada orang ramai. Mengikut seksyen 6A yang baharu itu, syer pengurusan itu adalah diutukkan kepada PETRONAS sahaja dan tidak boleh dijual kepada orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kemajuan Petroliaam akan dipinda dari satu masa ke satu masa jika perlu supaya membolehkan PETRONAS menjalankan kerja-kerjanya bagi mencapai objektif negara.

Berkenaan dengan cadangan yang di buat oleh Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein supaya Kerajaan menjual saham-sahamnya kepada rakyat bumiputra, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang berbuat demikian.

Dan dengan ini, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.12 ptg.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bertajuk satu Akta bagi meminda Akta Universiti dan Kolej, 1971 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menerangkan tujuan pindaan yang akan dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini, saya suka menarik perhatian Dewan iaitu dalam persidangan Dewan Rakyat saya ada membawa beberapa pindaan yang telah diperbuat seperti berikut:

Fasal 3:

- (1) Masukkan perkataan-perkataan "had dan" sebelum sahaja perkataan "syarat" yang terdapat di baris 9 dalam seksyen pindaan 15D (4).
- (2) Masukkan perkataan-perkataan "had dan" sebelum sahaja perkataan "syarat" yang terdapat di baris 8 dalam seksyen pindaan 15D (5).
- (3) Potong semua sekali seksyen 15E yang terdapat di muka surat 8.

Fasal 7 (1):

- (1) Masukkan perkataan "berdaftar" selepas sahaja perkataan "pelajar" yang terdapat di baris 11 dalam seksyen pindaan (48) (2) (a).
- (2) Masukkan perkataan "masing-masing" selepas sahaja perkataan-perkataan "Sekolah itu" yang terdapat di baris 15 dalam seksyen pindaan 48 (2) (a).
- (3) Masukkan perkataan "berdaftar" selepas sahaja perkataan "pelajar" yang terdapat di baris 5 dalam seksyen pindaan 48 (2) (b).

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menghuraikan satu persatu tentang seksyen-seksyen yang terdapat di dalam pindaan Rang Undang-undang ini, saya ingin memberi sedikit latar belakang tentang sebab-sebabnya yang pihak Kerajaan telah mengadakan Rang Undang-undang baharu ini untuk diluluskan oleh Dewan Negara pada persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 3hb Disember, 1974 satu tunjuk perasaan secara besar-besaran telahpun diadakan di Kuala Lumpur, di Ipoh dan juga di Pulau Pinang. Tunjuk perasaan ini adalah satu tunjuk perasaan dirancang oleh mahasiswa-mahasiswa dari beberapa buah universiti di dalam negeri ini dengan alasan katanya bahawa ada rakyat di Baling yang telah mati kebuluran. Walaupun akhirnya kita dapat menunjukkan bahawa tidak ada sesiapa yang mati kerana kebuluran, tetapi adalah nyata daripada tunjuk perasaan ini bahawa di dalam negara kita ini ada beberapa kelemahan daripada segi undang-undang untuk mencegah kejadian-kejadian tunjuk perasaan yang diadakan tanpa sebab-sebab yang boleh diterima oleh akal. Tunjuk perasaan pada 3 haribulan itu adalah begitu terusun sehingga peserta-pesertanya telah diberi arahan tentang cara-cara mengelak tindakan undang-undang dan di antara cara-cara yang diberi ialah supaya kalau mereka ditangkap oleh pihak Polis umpamanya, mereka tidak akan memberi nama mereka yang betul ataupun tempat mereka belajar yang betul, sebab itu terdapat beberapa orang yang memberi nama mereka sebagai penuntut dalam Instituti Teknologi MARA, tetapi selepas apabila kita mengkaji senarai nama-nama penuntut-penuntut dalam Instituti Teknologi MARA nama-nama mereka ini tidak terdapat dalam senarai pelajar-pelajar daripada instituti itu. Jelaslah daripada ini bahawa tunjuk perasaan yang semacam ini boleh dilakukan dengan begitu mudah dan menimbulkan berbagai masalah di dalam negara kita ini dengan tidak ada satu cara untuk mencegahnya.

Selain daripada itu, pihak Kerajaan telahpun memerhati beberapa tunjuk perasaan yang telah berlaku sebelum daripada itu. Kita dapati, umpamanya, bahawa kalau tunjuk-tunjuk perasaan ini dilayan oleh pihak Kerajaan, maka akibatnya ialah satu tunjuk perasaan yang lebih besar akan berlaku selepas daripada itu. Kerajaan memberi

layanan kepada tunjuk perasaan ini dengan secara yang cukup ikhlas, dengan harapan bahawa tindakan Kerajaan itu akan memuaskan hati pelajar-pelajar dan mereka selepas daripada itu tidaklah akan mengadakan tunjuk perasaan tetapi akan berunding dengan Kerajaan tentang berbagai masalah yang dihadapi oleh mereka. Tetapi nampaknya apabila pihak Kerajaan melayan tunjuk perasaan yang seperti ini pihak pelajar pula berpendapat bahawa Kerajaan terpaksa melayan mereka kerana takut kepada mereka, sebab itu mereka membuat tuntutan yang lebih daripada tuntutan yang pertama dan mereka tidak lagi menumpukan perhatian kepada tuntutan-tuntutan yang benar, tetapi menimbulkan issue yang tidak ada asas sama sekali. Dan tiap-tiap kali kita melayan maka makin besarlah tunjuk perasaan yang diadakan dan tiap-tiap kali mereka mengadakan tunjuk perasaan, maka kita menghadapi banyak masalah. Kita juga telah mendapat bukti bahawa tunjuk-perasaan akan diadakan pada hari itu, kalaulah pada 3hb itu pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan. Sebab itu kita terpaksa memikirkan tentang perkara tunjuk perasaan ini, samada mereka ini boleh dicegah atau tidak dengan undang-undang yang ada di dalam negara kita.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pula bahawa tunjuk perasaan ini bukan sahaja membawa kesan terhadap pelajar dan pelajaran mereka, tetapi membawa berbagai-bagai kesan kepada pihak-pihak yang lain. Orang ramai umpamanya telah tergendala oleh kerana tunjuk perasaan ini. Pada 6hb Disember umpamanya terdapat beberapa usaha untuk menghalang perjalanan lalu-lintas di jalan-jalan di Kuala Lumpur dan ini menimbulkan kegelisahan di kalangan orang ramai. Perkara ini kalau dibiarkan sudah tentulah akan mendatangkan perasaan tidak puas hati di dalam negara, dan keadaan dalam negara akan menjadi tidak tenteram.

Selain daripada itu didapati bahawa pihak pelajar boleh membangkitkan perasaan di kalangan separuh daripada orang ramai supaya orang ramai pula mengambil bahagian di dalam tunjuk perasaan ini. Terdapat pada 6hb umpamanya bahawa beberapa orang pelajar telah masuk di dalam sebuah kampung yang berdekatan dengan universiti dan dengan membawa cerita-cerita yang

tidak berasas, umpamanya, mereka menceritakan tentang kematian seorang bayi yang berumur 8 hari akibat daripada bom pemedih mata yang digunakan oleh polis. Cerita semacam ini telah berjaya untuk membangkitkan perasaan marah di kalangan orang-orang kampung di situ sehingga mereka pula telah melibatkan diri di dalam tunjuk perasaan dengan memusnahkan alat-alat yang digunakan untuk menjaga lalu-lintas di jalan yang berdekatan dengan kampung tersebut. Dengan ini jelaslah bahawa jika tunjuk perasaan ini tidak dikawal maka keadaan di dalam negara akan menjadi kucar-kacir dan akan menimbulkan huru-hara yang mungkin membawa kepada kesusahan bagi rakyat keseluruhannya.

Selain daripada itu, ada lagi satu kesan daripada tunjuk-perasaan ini yang menakutkan kita, oleh kerana tunjuk perasaan itu merupakan pemisahan undang-undang. Maka pihak Kerajaan terpaksa mengadakan tambahan pasukan-pasukan polis untuk menjaga keselamatan. Di dalam tunjuk perasaan yang diadakan pada 3hb hingga 8hb Disember beberapa Pasukan Polis Hutan terpaksa ditempatkan di Kuala Lumpur untuk menjaga keamanan. Sebenarnya, pasukan ini patut digunakan untuk menjaga keamanan di dalam negara dan mereka sepatutnya meronda di dalam hutan di sempadan untuk menjaga keselamatan negara kita dari serangan pihak gurila-gurila kominis. Tetapi oleh kerana tunjuk perasaan ini diadakan, maka pihak mereka terpaksa ditarik daripada tugas mereka yang biasa dan ditempatkan di Kuala Lumpur untuk menjaga keamanan di dalam negara. Kalaulah tunjuk perasaan ini menjadi lebih besar daripada itu maka sudah tentulah terdapat keadaan di dalam negara yang mana polis kita bukan dipergunakan untuk mempertahankan keselamatan negara daripada ancaman kominis, tetapi sebaliknya menjaga ketenteraman di dalam bandar-bandar. Keadaan ini menyenangkan hati gurila kominis dan memberi kesempatan kepada mereka. Ini amat merbahaya kalau kita membiarkan tunjuk perasaan seperti ini diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada usaha-usaha kominis di dalam negara kita ini ialah cuba menarik sokongan khasnya orang-orang bumiputra, kerana orang-orang bumiputra ini tinggal di pinggir-pinggir hutan dan mereka merupakan satu golongan barisan

hadapan di dalam pertahanan kita terhadap gerakan komunis. Kegagalan pihak komunis menarik sokongan daripada orang-orang bumiputra yang tinggal di tempat-tempat terpencil ini adalah satu sebabnya yang pihak komunis telah tidak berjaya. Dan mereka selepas itu telah cuba supaya menarik bumiputra yang ada di dalam bandar pula dan ini juga mereka tidak berjaya. Oleh kerana itu mereka telah cuba mempengaruhi penuntut-penuntut bumiputra di dalam universiti-universiti. Pada permulaannya mereka tidak berjaya oleh kerana kebanyakan daripada penuntut-penuntut ini tidak mahu terima pendapat-pendapat komunis, ideologi-ideologi komunis, kerana mereka beragama Islam, dan Islam memang bertentangan dengan pendapat komunis. Tetapi sekarang ini pihak komunis berjaya mempengaruhi dengan secara tidak langsung gerakan-gerakan yang dilakukan oleh mahasiswa-mahasiswa Islam di dalam universiti, dengan menunjukkan kepada mereka beberapa perkara yang boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan mereka dan menggalakkan supaya mereka mengambil tindakan bukan sebagai sebahagian daripada gerakan komunis, tetapi seolah-olah mereka bertindak sendiri.

Kalau kita perhatikan, kita mungkin berpendapat bahawa mereka bertindak dengan sesuka hati mereka sendiri, tetapi di belakangnya, ada sahaja orang-orang komunis yang menghasut supaya mereka ini bertindak dan mereka pun bertindak secara tidak langsung. Jikalau pihak komunis mempengaruhi lebih ramai lagi pelajar-pelajar bumiputra ini, dan oleh kerana pelajar-pelajar bumiputra ini pula ada kaum keluarganya yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar maka mungkin usaha komunis untuk menarik sokongan daripada orang-orang bumiputra akan berjaya. Sekali lagi kita dapati bahawa tunjuk perasaan yang diadakan oleh pihak pelajar ini adalah merbahaya kepada negara kita. Sebab itu kita tidak boleh membiarkan perkara ini berlaku dengan begitu mudah sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati di dalam negara kita ini bahawa pembangunan antara kaum tidaklah begitu seimbang dan satu daripada usaha kita untuk menolok mengseimbangkan pembangunan di antara kaum-kaum ialah dengan memberi lebih banyak peluang kepada bumiputra mendapat pelajaran. Tetapi kalau mereka terlibat begitu kerap dengan tunjuk perasaan

maka sudah tentulah mereka tidak akan berjaya di dalam pelajaran mereka. Jikalau mereka tidak berjaya maka usaha Kerajaan untuk memperseimbangkan kedudukan antara kaum itu tidak akan berjaya. Jadi tunjuk perasaan ini juga menjejaskan usaha kita untuk memperseimbangkan kedudukan pembangunan antara kaum. Sebab itulah kita telah menggubal pindaan-pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti ini dan penggubalan pindaan ini telahpun membangkitkan beberapa teguran bahawa ianya akan membawa kepada akibat yang buruk. Satu daripada teguran yang kita telah dengar ialah dengan adanya kawalan yang begitu ketat di dalam universiti-universiti maka pelajar-pelajar di dalam universiti tidak dapat melatih diri mereka untuk menjadi pemimpin akan datang. Kita seringkali berkata bahawa pelajar-pelajar di dalam universiti adalah mereka yang bakal menjadi pemimpin di dalam negara kita. Dengan adanya Undang-undang ini mungkin mereka akan berasa begitu terikat sehingga tidak dapat melatih diri mereka untuk menjadi pemimpin.

Sebenarnya, pendapat ini tidak kena sama sekali. Kalau kita perhati dan meneliti usul-asal pemimpin-pemimpin yang ada di dalam negara kita ini, hampir semuanya terdiri daripada orang-orang yang dahulu tidak dapat peluang melatih diri sebagai pemimpin kerana di zaman British dahulu tidak ada kelonggaran di dalam universiti-universiti supaya pelajar-pelajar di dalam universiti boleh mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya. Tetapi walaupun di zaman British itu tidak ada pemimpin pelajar yang boleh mengatur dan mengadakan tunjuk perasaan, pada masa sekarang ini kita juga ada pemimpin yang layak dan yang setanding dengan pemimpin-pemimpin di seluruh dunia. Apa yang saya kata ini bukan sahaja terdapat di dalam negara kita, kalau kita perhatikan di zaman negara-negara lain yang dijajah oleh pihak British, pihak Perancis dan sebagainya terdapat di masa penjajah itu sahaja, pemimpin-pemimpin yang wujud boleh melatih diri mereka menjadi pemimpin dan berjaya memimpin negara mereka ke arah kemerdekaan dan selepas mencapai kemerdekaan telah dapat memimpin negara yang merdeka itu dengan begitu jayanya. Sebaliknya, kalau kita mengkaji pemimpin-pemimpin yang wujud selepas merdeka, separuh-separuh daripada mereka asyik dengan berlawan sama sendiri dan tidak dapat mengekalkan kedudukan negara mereka yang telah

merdeka sebagai sebuah negara yang kaya-raya dan kuat di dalam dunia ini. Ini adalah satu kenyataan dan tidaklah benar kalau dikatakan dengan adanya undang-undang ini maka pelajar-pelajar di dalam universiti tidak boleh melatih diri mereka supaya menjadi pemimpin yang baik apabila mereka keluar daripada universiti.

Selain daripada itu, saya ingin mengingatkan semua pihak bahawa kita bukan berharap kepada pelajar-pelajar daripada universiti sahaja yang akan menjadi pemimpin akan datang negara kita ini. Orang-orang yang tidak pergi ke universiti juga boleh menjadi pemimpin di dalam negara kita ini. Walaupun ianya berasal dari penarik beca ataupun pemandu taksi, asalkan sahaja ianya ada kebolehan maka ianya akan menjadi pemimpin di dalam negara kita ini. Tetapi kita berharaplah orang-orang yang terpelajar yang dapat peluang belajar di dalam universiti dapat melatih diri mereka untuk menjadi pemimpin akan datang. Dengan adanya undang-undang ini mereka masih boleh menjadi pemimpin kerana experience kita ialah walaupun ada undang-undang yang ketat di beberapa negeri terutama negeri-negeri yang mengamalkan sistem autocratic Government masih juga wujud pemimpin-pemimpin mengikut pendapat ataupun logik orang-orang yang mengeluarkan pendapat ini, negeri-negeri autocratic pada masa sekarang ini tidak ada pemimpin sama sekali, sebaliknya mereka ada. Jadi, kita tidaklah patut khuatir tentang kesan undang-undang ini dalam menghalang pembinaan peribadi pemimpin daripada kalangan pelajar-pelajar.

Selain daripada itu terdapat keadaan di dalam universiti yang merunsingkan kita. Kita dapati, umpamanya, bahawa tidak ada langsung disiplin di dalam universiti. Di dalam sebuah universiti pada satu ketika penuntut telah mengadakan satu rusuhan dan mengambilalih universiti itu. Mengambilalih sebuah universiti dan mengadakan calon mereka sendiri, daripada mereka sendiri menjadi Naib Chanselor dan menjadi Dean dan sebagainya. Mereka menggunakan kenderaan-kenderaan universiti dengan duduk di belakang kereta dan mengadakan pemandu untuk membawa mereka keliling kampus universiti.

Selain daripada itu terdapat juga kalaulah pihak pentadbir universiti membuat sesuatu yang tidak diingini oleh penuntut, pemimpin

penuntut itu sanggup berhadapan dengan Naib Chanselor dan berkata kepada Naib Chanselor, "Ingat kalau tidak buat itu atau ini, saya akan tutup universiti ini di dalam tiga hari." Ini semua dilakukan di dalam universiti yang mana ini membuktikan keadaan di dalam universiti yang tidak sihat, tidak ada disiplin sama sekali, tidak ada peraturan-peraturan di dalam universiti, menyalahgunakan harta kepunyaan rakyat, kerana universiti ini merupakan badan yang ditubuhkan untuk rakyat dan peruntukan yang datang daripada rakyat. Tidak ada kawalan sama sekali sehingga tujuan rakyat mengadakan universiti ini telah diketepikan dan tujuan yang penuh yang dijalankan di situ ialah memenuhi nafsu beberapa orang pemimpin pelajar. Sebab itu kita perlu mengadakan undang-undang untuk mengawal tata-tertib di dalam universiti supaya tujuan kita mengadakan universiti untuk memberi pelajaran dapat dilaksanakan dengan cara yang sempurna seperti yang dibenarkan dan yang dikehendaki oleh rakyat sendiri.

Satu lagi teguran yang kita biasa dengar ialah berkenaan dengan "academic freedom" kepada pelajaran akademik. Perkara ini selalu disebutkan bukan sahaja oleh penuntut-penuntut ataupun pelajar-pelajar tetapi juga oleh pensyarah-pensyarah di dalam universiti. Ada satu golongan yang berpendapat bahawa "academic freedom" ini merupakan satu kebebasan di dalam satu kawasan yang telah terkeluar daripada negara kita ini, seolah-olah kawasan kampus universiti ini adalah satu tanah haram yang mana pihak lain tidak berhak masuk, termasuklah pasukan-pasukan Polis tidak boleh masuk di dalam kawasan kampus ini, walaupun perkara yang berlaku di dalam kampus ini bercanggah dengan undang-undang, tidak dibenarkan oleh undang-undang. Pendapat yang semacam ini agak naive sedikit kerana tidak ada di mana pun hak yang diberi seperti ini kepada mana-mana universiti di seluruh dunia ini. Apa yang dikatakan "academic freedom" ialah freedom berkenaan dengan perkara yang akademik, bukan perkara seperti jenayah; tidak ada freedom daripada undang-undang jenayah di dalam kampus universiti. Akademik adalah perkara-perkara berkenaan dengan pelajaran dan kebebasan memang diberi untuk universiti mengadakan kursus-kursus pelajaran yang difikirkan patut diadakan di dalam universiti. Mereka boleh belajar tentang apa sahaja

mata pelajaran yang difikirkan perlu diadakan, umpamanya, kalau mereka ingin belajar tentang prinsip-prinsip "Communism" ataupun "Marxism" ini boleh dipelajari oleh mereka sebagai satu comperative study umpamanya di dalam political science. Tetapi kalau mereka cuba mengamalkan communism di dalam universiti, ini merupakan satu pemecahan undang-undang di dalam negara kita ini dan kuatkuasa undang-undang akan dijalankan walaupun mereka hidup di tengah-tengah kampus di dalam universiti. "Academic freedom" tidak termasuk freedom daripada undang-undang di dalam negara. Mereka cuma ada kebebasan (freedom) di dalam perkara-perkara yang ada kaitan dengan pelajaran, iaitu mereka boleh belajar apa yang mereka suka belajar, tetapi mereka tidak boleh mengamalkan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengemukakan undang-undang ini kita telah menyebut bahawa kita menghadapi masalah serangan daripada pihak kominis dan saya telah berkata bahawa mungkin pihak kominis oleh kerana kejadian-kejadian di Indo-China akan berasa gembira dan akan menjalankan beberapa usaha. Ini satu kemungkinan dan saya percaya bahawa kita patut bersiap sedia tentang perkara ini, iaitu bersedia supaya kalau ada kejadian-kejadian seperti ini kita dapat cegahkannya. Kita tentulah ingin supaya keadaan di dalam negara menjadi cukup tenteram sehingga pihak Polis tidak terpaksa menempatkan diri mereka di tempat-tempat yang lain daripada tempat yang lebih sesuai untuk mereka menghadapi serangan daripada pihak kominis.

Dengan adanya tunjuk perasaan ini saya percaya tentulah ini akan mengurangkan tenaga Polis yang boleh digunakan untuk melawan pihak kominis. Sebab itu saya telah sebutkan bahawa undang-undang ini juga akan menolong kita, walaupun ianya ditujukan kepada pelajar-pelajar sahaja, tetapi akan menolong kita juga dalam usaha kita menjaga keselamatan di dalam negara. Ada pihak-pihak yang begitu suka sekali mendengar kita mengaku bahawa keadaan di dalam negara kita ini agak terancam kerana kejadian di Indo-China. Orang yang berasa begitu suka, riang-gembira apabila mendengar bahawa negara kita ini terancam mungkin akan menarik tanda-tanya daripada kita mengapa mereka berasa demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah untuk negara kita. Rang Undang-undang ini dibentuk untuk menjaga keselamatan di dalam negara kita. Ianya dibentuk untuk menjaga pembangunan di dalam negara kita termasuk perseimbangan di antara kaum di dalam negara kita. Mungkin ada pihak-pihak daripada lain-lain negeri yang akan menentang Undang-undang ini oleh kerana ianya tidak sesuai dengan pendapat dan amalan di dalam negeri-negeri yang lain. Mereka mungkin akan membuat keritik-keritik terhadap kita dan mungkin juga ada orang-orang di dalam negara ini yang akan meminta supaya orang-orang daripada luar negeri ini menyuarakan keritik mereka terhadap kita. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kita tidak akan berganjak barang sedikit pun kalau dapat teguran daripada negara-negara lain. Kerana negara-negara yang lain itu juga ada dosa mereka di dalam semua amalan demokrasi mereka dan kita tidak takut sedikit pun tentang teguran-teguran mereka dan kalau saya dengar ada teguran daripada negara-negara lain, saya sanggup menunjukkan di mana mereka berdosa di dalam perkara yang sama. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan perkara ini dengan kerana ada ura-ura beberapa orang yang ingin menulis kepada beberapa badan di negeri-negeri asing untuk to put pressure on this Government. Saya fikir ini adalah usaha yang sesia sahaja dan tidak patut dijalankan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin membuat huraian dengan secara yang seberapa cepat yang boleh tentang seksyen-seksyen yang terlibat di dalam Pindaan-pindaan Rang Undang-undang ini.

Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 dimansuhkan dan diganti dengan peruntukan baru sebagai Seksyen-kecil 15(1) sehingga 15(5) bagi memperluaskan kuatkuasa Undang-undang bukan sahaja kepada pelajar-pelajar universiti sebagai satu badan atau kumpulan tetapi juga ke atas pelajar-pelajar selaku perseorangan. Seksyen-kecil 15(1) dan 15(2) melarangkan pelajar-pelajar universiti selaku perseorangan atau kumpulan atau badan daripada menjadi ahli atau mengadakan gabungan bersekutu atau apa-apa jua urusan lain dengan mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau apa-apa jua lain pertubuhan, badan atau kumpulan orang

samada ianya ditubuhkan di bawah mana-mana Undang-undang, samada ianya di dalam universiti atau di luar universiti dan samada ianya di dalam atau di luar Malaysia, kecuali sebagaimana yang diperuntukan oleh atau di bawah Perlembagaan atau terkecuali sebagaimana yang diluluskan terlebih dahulu secara bertulis oleh Naib Canselor.

Seksyen-kecil 15 (3) dan 15 (4) melarang pelajar universiti selaku perseorangan dan kumpulan atau badan daripada menyatakan atau membuat sesuatu yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan, simpati atau bangkangan terhadap mana-mana parti politik atau kesatuan sekerja atau sebagai menyatakan sokongan, simpati dengan mana-mana pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang haram.

Seksyen 15 (5) memperuntukkan bahawa sesiapa juga yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Seksyen-kecil (1), (2), (3) atau (4) adalah bersalah atau sesuatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak lebih daripada \$1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Seksyen-kecil 15(A), 15(B), 15(C) dan 15(D) ke semuanya adalah peruntukan-peruntukan baru yang dimasukkan sebagai tambahan kepada Seksyen 15 Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971. Seksyen-kecil 15A (1) memperuntukkan larangan ke atas pelajar universiti selaku perseorangan dan kumpulan atau badan daripada memungut atau cuba memungut atau cuba menganjurkan apa-apa pungutan atau membuat apa-apa rayuan secara lisan atau secara bertulis atau selainnya atau cuba membuat sesuatu rayuan untuk apa-apa wang atau lain-lain harta daripada sesiapa juga.

Seksyen-kecil 15A (2) memperuntukkan bahawa sesiapa yang melanggar atau tidak memenuhi peruntukan Seksyen-kecil (1) adalah bersalah atas sesuatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada \$1,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya. Walau bagaimanapun, Menteri adalah diberi kuasa untuk memberi pengecualian daripada larangan ini dalam sesuatu hal tertentu dan berhubung dengan pemungutan dalam kampus ia boleh mewakili kuasa tersebut kepada Naib Canselor sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen-kecil 15A (3) dan (4).

Saya perlu menerangkan di sini bahawa baru-baru ini saya telah memberi pengecualian kepada satu usaha yang dijalankan di dalam Universiti Kebangsaan untuk mengadakan pungutan-pungutan luar daripada kampus.

Seksyen baru 15B memperuntukkan dengan jelas tanggungan kejahatan pemegang-pemegang jawatan dan orang-orang yang mengurus atau membantu dalam pengurusan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar atau kesalahan yang dilakukan di bawah mana-mana Undang-undang bertulis oleh seseorang atas nama atau bagi pihak pertubuhan badan atau kumpulan itu dan Seksyen baru 15B memperuntukkan anggapan-anggapan yang tidak payah dibuktikan dalam pendakwaan-pendakwaan.

Seksyen baru 15D memperuntukkan penggantungan dan pembuangan pelajar universiti yang dituduh atas sesuatu kesalahan jenayah atau yang terhadapnya suatu kesalahan jenayah adalah dibuktikan. Di bawah Seksyen-kecil 15D (1) jika seseorang pelajar universiti dituduh atas sesuatu kesalahan jenayah maka dia dengan serta-merta digantung daripada menjadi seorang pelajar universiti dan tidak boleh dalam masa menunggu keputusan pembicaraan jenayah itu tinggal atau masuk dalam kampus universiti itu atau kampus mana-mana universiti lain.

Seksyen-kecil 15D (2) dan 15D (3) memperuntukkan penggantungan dan pemberhentian seseorang pelajar universiti yang dituduh atas kesalahan jenayah dan kemudiannya dibuktikan dan juga sesiapa yang dikenakan sekatan-sekatan di bawah mana-mana Undang-undang yang berhubung dengan tahanan ataupun keselamatan dalam negeri. Walau bagaimanapun, seksyen ini membolehkan juga Menteri atas budibicaranya memberi pengecualian daripada peruntukan-peruntukan yang berhubung dengan penggantungan dan pembuangan dan juga membolehkan Menteri mewakili kuasanya di bawah Seksyen ini kepada Naib Canselor seperti yang terdapat di dalam Seksyen-kecil 15B (4), (5), (7), (8) dan (9).

Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memansuhkan Seksyen 16 yang ada sekarang dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, dan menggantikannya dengan peruntukan baru yang

memberi kuasa kepada Naib Canselor menggantung dan membubarkan sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar yang menjalankan urusannya dengan cara yang pada pendapat Naib Canselor boleh merusakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan atau kesentosaan universiti atau kepada kepentingan atau kesentosaan mana-mana daripada pelajar atau kakitangan universiti atau kepada ketenteraman dan keselamatan awam.

Fasal 5 dalam Rang Undang-undang ini memansuhkan Seksyen-seksyen baru 16A, 16B dan 16C selepas sahaja Seksyen 16. Seksyen baru 16A memperuntukkan supaya pihak berkuasa tata tertib universiti mengenai tiap-tiap kakitangan, pegawai dan pekerja universiti ialah Jawatankuasa Tata tertib Universiti yang terdiri daripada Naib Canselor dan dua orang Ahli Majlis Universiti. Jawatankuasa ini boleh mewakilkan juga mana-mana daripada tugas-tugas kuasa dan kewajibannya kepada mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja universiti atau kepada mana-mana lembaga kakitangan untuk melaksanakan dan menyempurnakan arahan jawatankuasa tata tertib. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk mengulangkaji, membatalkan atau mengubah apa-apa keputusan yang telah diambil oleh pihak menerima perwakilan kuasa itu. Seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tata tertib atau penerima perwakilannya boleh mengemukakan rayuan kepada Majlis Universiti.

Berkenaan dengan pihak berkuasa Tata tertib Universiti mengenai pelajar-pelajar, seksyen baru 16 (B) memperuntukkan bahawa pihak berkuasa Tata tertib mengenai tiap-tiap pelajar universiti ialah Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Menteri dan mempunyai kuasa-kuasa tata tertib ke atas pelajar-pelajar. Di bawah Seksyen-kecil 16 (B) (3), Timbalan Naib Canselor yang menjadi pihak berkuasa Tata tertib boleh mewakilkan kuasanya kepada mana-mana pegawai atau pekerja universiti atau mana-mana lembaga kakitangan dan pegawai universiti untuk menjalankan dan memperuntukkan arahannya. Rayuan atas keputusan Tata tertib yang diambil oleh Timbalan Naib Canselor tersebut atau pihak-pihak yang telah diwakilkan kuasanya itu bolehlah dibuat kepada Menteri dan ia mempunyai kuasa untuk menolak rayuan itu

secara terus-menerus atau membentuk satu jawatankuasa untuk menimbangkan dan membuat syor-syor kepada beliau.

Seksyen baru 16 (C) memperuntukkan bahawa Majlis boleh membuat kaedah-kaedah tata tertib mengenai kakitangan, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan pelajar-pelajar universiti dengan hukuman-hukuman dan acara-acara yang sesuai. Kaedah tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah menetapkan acara bagi pembicaraan tata tertib dan memberi peluang untuk rayuan-rayuan dibuat oleh orang yang dibicarakan itu sebelum sesuatu keputusan dicapai oleh pihak berkuasa Tata tertib.

Fasal 7 dalam Rang Undang-undang ini mencadangkan pindaan-pindaan dalam jadual kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 yang menjadi contoh (model) bagi perlembagaan sesuatu universiti di negara ini agar menjamin keseragaman dalam kebanyakan hal bagi susunan dan peraturan-peraturan yang terdapat dalam mentadbirkan sesebuah universiti itu. Di antara hal-hal penting yang terlibat dalam pindaan-pindaan Jadual kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 ialah mengenai perkara-perkara berikut:

- (1) Acara untuk perlantikan pegawai utama universiti seperti Canselor dan Naib Canselor yang diperuntukkan dalam Seksyen-kecil-seksyen-kecil 7 (3) dan 9 (1) diubah supaya perlantikan-perlantikan tersebut dibuat oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tidak lagi oleh Jemaah ataupun Majlis di mana berkenaan. Walau bagaimanapun, Naib Canselor akan dilantik atas nasihat Menteri selepas berunding dengan Majlis. Pindaan kepada Seksyen-kecil 9 (8) ialah mengenai perlantikan Timbalan Naib Canselor. Seorang timbalan atau lebih akan dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Naib Canselor dan boleh dipilih dari kakitangan sesuatu universiti itu sendiri ataupun dari luar mengikut mana yang telah difikirkan sesuai.
- (2) Keanggotaan jemaah sesuatu universiti sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Seksyen 13 disusutkan bilangan ahli-ahlinya. Negara pada masa ini mempunyai lima buah universiti dan adalah kurang praktik jika susunan jemaah lama itu masih dikekalkan juga.

Seksyen 15 (1) mengenai susunan Majlis Universiti dirombak semula untuk memasukkan lebih ramai lagi ahli ex-officio. Pengerusi Majlis akan dilantik oleh Menteri di bawah pindaan yang dicadangkan ini.

Seksyen-kecil 18 (3) memperuntukkan perantikan Dekan dan Timbalan Dekan sesuatu Fakulti. Peruntukan baru yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini menentukan bahawa Dekan dan Timbalannya akan dilantik oleh Naib Canselor dan tidak lagi melalui pilihan di antara ahli-ahli Fakulti sebagaimana yang diamalkan sekarang. Tempoh pemegangan jawatan Dekan atau Timbalan Dekan juga ditetapkan iaitu selama dua tahun tetapi Naib Canselor boleh membatalkan perantikan tersebut pada bila-bila masa sahaja. Peruntukan baru yang mengganti Seksyen 4 (48) ialah mengenai penubuhan badan yang dinamakan Kesatuan Pelajar-pelajar yang terdiri daripada semua pelajar berdaftar sesuatu universiti itu.

Seksyen-kecil 48 (2) memperuntukkan bahawa ahli-ahli kesatuan akan memilih wakil-wakil bagi membentuk sesuatu majlis perwakilan pelajar-pelajar yang dijalankan melalui undi rahsia berdasarkan fakulti-fakulti dan juga keseluruhan jumlah pelajar. Dua pertiga daripada ahli-ahli majlis perwakilan pelajar akan dipilih berdasarkan fakulti-fakulti dan satu pertiga lagi akan terdiri daripada ahli-ahli yang mewakili keseluruhan badan pelajar dalam sesuatu universiti itu. Adalah diharapkan dengan pindaan yang dicadangkan ini kelak kepentingan pelajar-pelajar akan terjaga dan dipelihara dengan lebih baik kerana pemilihan ahli-ahli majlis perwakilan pelajar tidak dimonopoli atau dibolot oleh mana-mana kumpulan atau golongan yang ingin memperalatkan kesatuan-kesatuan pelajar, atau badan-badan pelajar yang lain bagi kepentingan diri ataupun bagi mendokong sesuatu fahaman yang mencemarkan nama baik sesuatu universiti.

Seksyen-kecil 48 (7) juga memperuntukkan bahawa seseorang pelajar universiti yang menunggu keputusan pembicaraan tatatertib atau yang telah didapati bersalah selepas itu tidak layak menjadi wakil dalam majlis perwakilan pelajar-pelajar untuk memegang jawatan-jawatan dalam mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar melainkan dengan kebenaran Naib Canselor. Begitu juga

pelajar-pelajar yang belum masuk peperiksaan tahun pertamanya ataupun yang telah gagal serta yang tidak mengambil peperiksaan bagi tahun lalu sebelum diadakan pemilihan bagi majlis perwakilan pelajar-pelajar juga hilang kelayakan bagi pemilihan ahli majlis perwakilan pelajar-pelajar ataupun dalam lain-lain badan pelajar.

Satu perubahan besar yang berbangkit ialah berhubung dengan pungutan yuran daripada ahli kesatuan pelajar-pelajar. Seksyen-kecil 48 (11) memperuntukkan bahawa kesatuan pelajar-pelajar ataupun majlis perwakilan pelajar tidak boleh menyenggara apa-apa perkumpulan wang atau membuat pungutan wang atau harta dari apa-apa juga punca pun. Segala perbelanjaan yang dikenakan bagi kegiatan-kegiatan majlis perwakilan pelajar di atas nama kesatuan pelajar-pelajar akan dibiayai daripada peruntukan universiti mengikut peraturan-peraturan kewangan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa universiti.

Fasal-fasal 8, 9, 11 hingga 16 di dalam Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan berbangkit (consequential provisions) akibat pindaan-pindaan yang dibuat di dalam Akta Ibu dan seterusnya Jadual kepada Akta. Dengan larangan yang terkandung dalam Seksyen 15 pada Akta Ibu, maka keahlian pelajar-pelajar universiti dalam sesuatu badan atau pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 dengan sendirinya terhenti secara automatik. Begitu juga pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada yang ahli-ahlinya terdiri kesemuanya atau sebahagian besarnya pelajar-pelajar universiti akan turut terubur secara automatik. Untuk memastikan supaya universiti-universiti yang belum mempunyai sesuatu perlembagaannya itu terikat juga untuk pindaan-pindaan penting yang dicadangkan ini, maka Fasal 12 di dalam Rang Undang-undang ini memperuntukkan bahawa setengah-setengah peruntukan yang diadakan serta pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta dan jadual kepada Akta hendaklah dikenakan kepada universiti-universiti tersebut.

Seterusnya Fasal 13 memperuntukkan bahawa untuk perlembagaan-perlembagaan universiti yang sedang berkuatkuasa, maka dengan ini akan disifatkan sebagai dipinda untuk menyelaraskan dengan pindaan-pindaan yang dibuat oleh Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.22 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.22 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, setelah kita dengar huraian yang panjang daripada Menteri Pelajaran berkenaan dengan Akta yang dibentangkan di dalam Dewan ini, saya bangun menyokong penuh pindaan-pindaan yang diaturkan oleh Menteri Pelajaran kita bagi mengemaskan pentadbiran universiti dan menyusun kembali kedudukan universiti supaya anak-anak kita yang ada di universiti itu mempunyai disiplin dan tata tertib yang lebih baik dan mempunyai kesopanan mengikut keadaan negara kita dan tujuan-tujuan Kerajaan kita dalam membentuk sebuah negara yang mempunyai rakyat yang bertanggungjawab.

Saya menyokong pindaan ini ialah kerana pada pendapat saya Akta Universiti yang telah kita buat pada masa dahulu ialah sebuah Akta yang disalin daripada Akta Universiti di luar negeri. Pada faham saya Akta yang lama itu ialah cuma satu Akta salinan sahaja sebagaimana tiruan yang kita buat, contoh-contoh dari universiti di England, Amerika dan sebagainya dan keburukan-keburukan yang berlaku di universiti-universiti itu dalam negara kita ini. Jadi patutlah Kerajaan sedar dalam menyusun satu-satu undang-undang ini tidak seharusnya kita meniru undang-undang ataupun susunan-susunan yang ada di negara-negara barat itu kerana keadaan di negeri barat telah menjadi keadaan yang begitu buruk yang telah merosakkan jenerasi-jenerasi baru yang boleh menimbulkan keadaan huru-hara di dalam masyarakat mereka. Kalaulah Kerajaan kita yang dipimpin oleh pemimpin,

Menteri-menteri kita yang diberi pelajaran oleh universiti-universiti daripada barat itu mengambil sikap meniru-niru sahaja undang-undang yang dibuat di dalam negeri mereka itu pelajar, maka inilah akibat yang kita terima pada masa ini.

Pada faham saya kita tidak boleh menyalahkan penuntut-penuntut itu 100 peratus kerana kelakuan yang buruk, cara yang tidak berdisiplin yang telah dilakukan oleh mereka itu kerana timbulnya kelakuan-kelakuan yang seumpama itu adalah diasaskan daripada kebebasan yang kita beri dengan tidak ada hadnya, kebebasan yang kita tunjukkan kepada mereka yang maknanya negeri kita ini sama seperti negeri England, sama seperti negeri Amerika yang mempunyai universiti yang standard yang sama, kebebasan yang sama. Jadi kalau universiti di Amerika mempunyai botol-botol minuman keras di bilik-bilik penuntut-penuntut maka botol-botol yang sama patut ada di dalam bilik-bilik penuntut-penuntut kita. Kalau tarian-tarian bogel ditunjuk dalam bilik di asrama penuntut di universiti di England, di universiti Amerika, maka tiger show patut diadakan di dalam bilik-bilik di asrama-asrama penuntut-penuntut kita. Jadi keburukan yang seumpama ini bolehlah kita katakan bukan diasaskan oleh penuntut sendiri tetapi berpunca daripada keburukan undang-undang, kebebasan yang tidak terhingga yang diberikan kepada anak-anak kita. Kalau kita lalu dengan kereta ikut Kampus Universiti Malaya umpamanya pada waktu malam, kita boleh lihat seolah-olahnya universiti itu adalah satu tempat pelacuran secara terhormat, berdua-duaan di bawah pokok, di ceruk-ceruk yang gelap, kebebasan yang boleh merosakkan moral berlaku di dalam kampus-kampus itu. Negara kita sebuah negara yang mengakui agama Islam agama rasmi, kita melaung-laungkan yang kita berpegang kepada asas dan dasar menghormati agama kita memimpin rakyat mengikut jalan-jalan yang lebih sempurna bagi membentuk satu bangsa yang baik, kukuh dan berdisiplin, tetapi pelaksanaannya sangatlah mengecewakan kita dan akan mengecewakan jenerasi kita pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kesalahan selain daripada kesalahan kita meniru-niru undang-undang luar negeri, daripada barat, satu lagi kesalahan ialah kesalahan pemimpin-pemimpin kita sendiri yang pernah menggunakan penuntut-penuntut ini untuk

menaikkan mereka untuk menjadi pemimpin yang terkenal dengan menggunakan penuntut-penuntut di universiti dan sekolah-sekolah, menjadi champion penuntut-penuntut universiti supaya mereka menjadi tokoh politik yang terkenal. Ini juga patut dikawal, patut kita kawal politicians kita ini jangan menggunakan penuntut-penuntut ini selain dari kita kawal penuntut-penuntut itu sendiri. Janganlah hendaknya pemimpin-pemimpin politik kita ini menggunakan penuntut memasuki kampus, bersyarah, memberi api yang hangat supaya penuntut itu bangkit merasa dirinya penting, merasa dirinya dikehendaki oleh masyarakat sebagai tokoh yang boleh membentuk sebuah Kerajaan mengikut suka mereka. Kita lihat bagaimana telah berlaku dalam masa election campaign pilihanraya baru-baru ini dan yang lalu bahawa penuntut-penuntut terasa dirinya intelektual yang tidak boleh ditahan, naik van menjelajah di segenap tempat menunjukkan kehandalan bersyarah kepada orang kampung walaupun orang kampung tidak faham apa yang mereka cakap, menunjukkan kepintaran dalam ekonomi, politik dan sebagainya, membangkitkan semangat orang kampung supaya benci kepada Kerajaan, mengeluarkan perkataan-perkataan yang kesat yang tidak bermaruah, ini adalah kerana kita menggalakkan mereka supaya mereka rasa diri mereka penting kepada negara, supaya mereka merasai penuntut universiti itu boleh membentuk Kerajaan dengan kuasa mereka.

Selain daripada itu berita-berita pemberontakan penuntut umpamanya di Siam (Thailand) pemberontakan penuntut di Filipina, pemberontakan penuntut di Perancis. Sejarah pemberontakan penuntut-penuntut di luar negeri itu diberitahu kepada penuntut-penuntut dalam negeri kita ini supaya perasaan penuntut itu besar, megah lebih kerana mereka ini juga boleh mengikut sejarah kebangkitan penuntut-penuntut yang diadakan di Perancis, di Amerika, di England dan di mana-mana tempat dalam dunia ini. Ini juga saya fikir, salah bagi politician kita mengeluarkan benda ini yang boleh membangkitkan penuntut-penuntut kita merasai ego dengan nama penuntut universiti mereka itu. Saya rasa patutlah menjadi satu pengajaran kepada kita, kepada pemimpin-pemimpin kita, kepada ahli-ahli politik kita supaya dalam bercakap, memimpin dan dalam mengatur langkah untuk menjadi pemimpin

maka bersabarlah, jangan gunakan penuntut-penuntut itu supaya menjadi penyokong atau pelupur kepada jalan yang mereka tuju itu.

Saya faham selain daripada itu kebangkitan penuntut-penuntut ini juga timbul daripada pengajar-pengajar yang ada di universiti-universiti itu sendiri. Pensyarah-pensyarah, Dekan-dekan yang ada di dalam universiti kita itu berbagai-bagai cara manusia, mereka ini berpecah sama sendiri. Ada Dekan yang tidak bersetuju dengan Dekan yang lain, cemburu satu sama lain, menimbulkan perkara-perkara yang boleh merusakkan imej universiti kita sendiri. Hasad dengki di antara Dekan sama Dekan, pensyarah sama pensyarah. Tidak mengendahkan Vice-Chancellor, tidak menghormati Vice-Chancellornya sendiri, perkara ini berlaku. Saya tahu benar-benar, pernah Dekan tidak menerima pelajar dan pekerja dalam Universiti Malaya menjadi pensyarah setelah dipersetujui diterima menjadi pensyarah oleh kerana Dekan tidak mengendahkan perintah atau keputusan daripada Vice-Chancellor, maka orang yang diambil kerja yang telah dipersetujukan, yang menandatangani perjanjian bekerja diberhentikan, ditolak daripada pekerjaan itu kerana hasad dengki antara satu Dekan dengan Dekan yang lain. Jadi bermakna keburukan yang ada dalam universiti kita, dalam pentadbiran universiti bukan sahaja di peringkat penuntut, bukan sahaja di peringkat murid di universiti itu tetapi di peringkat pengajar-pengajar sendiri, di peringkat Dekan-dekan, di peringkat Pentadbiran Universiti yang boleh menimbulkan keburukan-keburukan yang ada dalam universiti itu. Jadi satu langkah untuk membersihkan segalanya ini patut dilakukan segera. Yang Berhormat Menteri Pelajaran seharusnya meneliti dengan secara mendalam terhadap pentadbiran universiti ini. Keadaan yang berlaku dalam universiti itu, masyarakat universiti itu patut diteliti kerana tiap-tiap undang-undang yang kita atur yang berlaku di kalangan penuntut-penuntut, di kalangan pensyarah-pensyarah, di kalangan Dekan, di kalangan pentadbir-pentadbir yang ada di dalam universiti di tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini 80% mengatur supaya disiplin pelajar di universiti itu dikawal dengan rapi. Perlantikan-perlantikan dibuat supaya di masa

hadapan kedudukan Pentadbiran Universiti itu akan berjalan dengan baiknya. Tetapi bagaimana pula kepada apa yang telah ada dalam universiti itu. Umpamanya pensyarah-pensyarah ataupun Dekan-dekan yang tidak dapat menyesuaikan dirinya dengan Akta Universiti ini, mereka tidak puas hati dengan apa yang kita laksanakan dan tidaklah mungkin mereka ini akan menjalankan satu gerakan yang boleh merusakkan pentadbiran universiti itu, kalau tidak kita membersihkan mereka sebelum mereka bertindak, maka tindakan kita lebih dahulu akan menyelamatkan universiti-universiti kita itu sendiri.

Dalam undang-undang ini kita banyak menumpukan kawalan yang patut dilakukan di universiti itu tentang kelakuan murid dan cara resminya pendaftaran ataupun perhubungan antara penuntut-penuntut universiti kita dengan pertubuhan-pertubuhan politik dan kesatuan sekerja yang ada dalam negara ini. Tetapi sangat sedikit daripada Akta ini yang ada hubungannya dengan aktiviti-aktiviti penuntut ataupun pelajar-pelajar universiti ini di luar daripada kampus Universiti. Katakanlah dengan tidak puas hati yang ada dalam universiti kita ini, penuntut-penuntut ini pada masa cuti universitinya dengan tidak menjadi ahli parti politik, dengan tidak menjadi ahli kesatuan sekerja, tetapi mereka ini berkumpul dan menjelajah ke mana patut mereka pergi untuk menghasut rakyat di kampung-kampung, di desa-desa supaya membangkitkan perasaan benci rakyat kepada Kerajaan. Bagaimanakah caranya langkah-langkah yang patut dibuat oleh Kerajaan bagi menyekat aktiviti-aktiviti yang seumpama itu? Kita pernah mendengar penuntut universiti keluar daripada kampus pergi ke Baling untuk menghasut rakyat Baling, menimbulkan perkara-perkara yang buruk yang boleh merusakkan imej Kerajaan kita sendiri. Umpamanya penuntut-penuntut keluar daripada kampus menyokong Hamid Tuah, menunjuk perasaan di luar kampus. Bagaimana langkah-langkah Kerajaan untuk menyekat mereka ini kerana mereka itu bukan bersekutu dengan mana-mana pertubuhan politik. Mereka tidak bersekutu dengan mana-mana kesatuan sekerja. Apakah langkah-langkah yang patut kita lakukan untuk menjaga dan mengawal aktiviti-aktiviti yang buruk ini? Jadi inilah perkara-perkara yang patut diteliti oleh Kerajaan

supaya undang-undang yang kita atur ini akan dapat dilaksanakan dengan cara tegas, berani dan dapat mengubah sesuatu supaya masa depan kita akan lebih cerah, akan lebih baik dan supaya rakyat di masa depan akan lebih berdisiplin dan akan lebih mengenali agama Islam, mengenali manusia, mengenali negeranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah bercadang hendak bercakap panjang kerana masa yang kita hadapi ini sangatlah singkat, kerana kita akan bermesyuarat esok, dan tidak akan lagi bermesyuarat selepas hari esok. Saya rasa ini silap. Dewan Negara ini ialah sebuah Dewan untuk membincangkan undang-undang, sama tarafnya dengan Dewan Rakyat. Kalau Dewan Rakyat boleh membincangkan dua minggu, Dewan Rakyat boleh berbincang sebulan untuk mengeluarkan fikiran dan pendapat daripada Ahli-ahlinya, kenapa Dewan Negara mesti di gezetkan 5 hari? Adakah kerana Ahli-ahli Dewan Negara tidak mempunyai modal, tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai fikiran yang boleh membina negara kita ini? Jadi tiap-tiap kali kita bersidang, kita telah terpaksa melihat kepada jam, untuk menyekat percakapan, fikiran (idea) dan pendapat kita selalu disekat, tidak mempunyai kebebasan yang cukup di dalam mengemukakan pendapat kita. Jadi jam yang ada di dinding itulah yang menghalang kita. Kerana telah digezetkan hari mesyuarat kita itu seolah-olahnya kita tidak ada modal untuk memberi fikiran yang membina untuk negara kita ini. Jadi, saya minta kepada Tuan Yang di-Pertua supaya mengaturkan masa yang cukup supaya tidak mesti bermesyuarat sampai pukul 12.00 malam untuk menghabiskan bil-bil ini.

5.43 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil bahagian di dalam membincangkan Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri Pelajaran. Terlebih dahulu suka mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan juga kepada Kementerian Pelajaran, sebab undang-undang ini telah dipinda. Tetapi saya ada kemusykilan sedikit, kerana sepatutnya undang-undang ini bukanlah hari ini dibentangkan atau dipinda, tetapi hendaklah lebih awal daripada ini. Pada tahun 1969 atau 1970, dahulu saya sudah berkata kepada

dua tiga orang bahawa patut dipinda Rang Undang-undang Kolej Universiti ini. Tetapi malangnya syor saya tidak diterima.

Pada hari ini saya rasa syukur kehadiran Allah Subhanahuwataala, yang mana Kerajaan khususnya, Menteri Pelajaran yang telah memegang jawatan ini telah membuat satu pindaan terhadap undang-undang ini untuk mencegah pelajar-pelajar kita daripada mengambil bahagian dalam segala lapangan, dalam pertubuhan-pertubuhan sehingga mereka boleh dikenakan jel ataupun didenda, kalau sekiranya kesiapan itu dibuat. Tetapi apa yang saya musykilkan, Kerajaan sudahpun membuat banyak undang-undang, tetapi tidak tegas, seumpama Rang Undang-undang Jenayah. Tetapi tidak seorang pun yang mati, tidak ada seorang pun yang digantung, tidak ada seorang pun yang dihukum penjara seumur hidup. Kesalahan yang besar banyak dibuat dan manakala diminta maaf, diminta ampun, diampunkan. Ini saya berharap Rang Undang-undang ini jika sekiranya sudah berjalan, janganlah ditarik, tetapi hendaklah diperkembangkan Rang Undang-undang ini supaya tegas kerana mengawal pelajar-pelajar kita yang berada di universiti. Sebagaimana yang dikatakan oleh Senator Datuk Nik Hassan tadi bahawa perkara ini adalah benar.

Saya mendapat tahu di Universiti Pulau Pinang, seorang pelajar wanita bernama Fatimah Sham, beliau juga telah menjadi Setiausaha telah mengajak mahasiswa-mahasiswa daripada universiti tersebut ke rumah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman di hadapan Yang Amat Berhormat Tun Datu Mustafa telah melakukan sesuatu yang melanggar peraturan. Ini menunjukkan tatatertib di dalam Universiti tidak ada sama sekali. Jadi sepatutnya ibu-bapa sendiri sebelum memberi anak-anaknya pelajaran, hendaklah diajar tatatertib dahulu, supaya jangan anak-anak kita yang dibangku sekolah itu melanggar peraturan undang-undang yang dibuat oleh Kerajaan.

Malahan pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja mereka membuat rusuhan atau membuat bantahan, tetapi setengah-setengah mahasiswa itu sudahpun menghisap dadah dan berambut panjang. Ini patutlah Kementerian Pelajaran mengambil tahu akan keadaan universiti-universiti itu. Jika ada rusuhan yang begini, dan mereka

tidak ditangkap dan dihukum menurut undang-undang seperti dijel, mereka tidak takut. Kerana mereka ini sudahpun khayal dan mabuk, apakah yang mereka ingat. Jadi saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Menteri Pelajaran menyatakan tadi bahawa lantikan-lantikan itu hendaklah dibuat oleh Kerajaan. Tetapi, Kerajaan memilih orang-orang atasan sahaja. Saya percaya di dalam universiti ini tidak berkehendakkan orang atasan sahaja, malahan orang-orang yang ada berkebolehan, yang pandai menasihati pelajar-pelajar yang ada di universiti itu. Seumpamanya di Pulau Pinang, kalau diambil orang Selangor adakah mereka tahu keadaan dalam negeri Pulau Pinang. Kalau orang Pulau Pinang dihantar ke Selangor, adakah mereka tahu keadaan di Selangor? Jadi, janganlah dibolot oleh Kerajaan kesemuanya. Saya percaya, Menteri Pelajaran tentu menjawab, "Saya tidak takut" (*Ketawa*). Sebab ini sudah berlaku yang mana bila ada satu-satu badan yang akan dilantik atau akan dipilih ianya dipilih daripada orang-orang besar sahaja. Tetapi orang-orang yang kecil ini ditinggalkan. Ini tidak patut, Tuan Yang di-Pertua.

Saya berharap apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti, perlaksanaannya hendaklah dijalankan, janganlah hendaknya Menteri Pelajaran bila pergi ke universiti-universiti, melihat sesuatu benda di depan matanya, dia lupa kepada Rang Undang-undang ini. Dan sesungguhnya Menteri Pelajaran, hendaklah melaksanakan dengan tegasnya apa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini tanpa mengira samada dia anak Menteri, anak Datuk, atau anak siapa. Hukuman hendaklah dijatuhkan, baharulah ada keadilan. Jadi, kalau sekiranya tidak ada pilih kasih Kerajaan akan tetap berdiri selama-lamanya. Saya percaya, berharap serta berdoa kehadiran Tuhan saya hendak melihat anak-anak yang di dalam universiti dan di dalam bangku sekolah itu kelak akan menjadi pemimpin-pemimpin yang akan datang. Saya merayu kepada anak-anak itu belajar bersungguh-sungguh supaya pelajaran itu digunakan, di satu masa akan datang kalau hendak menjadi pemimpin.

Sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi ada orang yang tidak berkelulusan universiti boleh jadi pemimpin, saya bersetuju, tetapi yang akan datang ini kita tidak mahu lagi, kerana ramai pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab. Jadi

kalau mereka tidak belajar di dalam universiti atau sekolah yang tinggi walaupun mereka sombong dan bongkak, tetapi mereka hendak menjaga keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan itu akan diberikan kepada rakyat, orang tua dan orang muda sama sahaja. Inilah yang dikehendaki di dalam sebuah negara yang demokrasi, jangan kita memandang seperti apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi.

Had ini sahaja ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, selepas ini saya keluar, bukan saya takut Menteri Pelajaran hendak menjawab, tetapi kerana saya ada urusan di rumah Menteri Kebajikan Am. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran ini mengkotakan apa yang dikata dan jangan tinggal di atas kertas sahaja.

5.53 ptg.

Dr Lim Ah Sitt (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I feel it incumbent on me to take part in the debate on this most important piece of legislation pertaining to the enforcement of strict discipline to the undergraduates of universities and colleges in order to curb them from taking part in unlawful demonstrations and in political, social and other activities which might be prejudicial and detrimental to the safe administration of a good Government and the interests and welfare of our society and of the undergraduates themselves and the taxpayers.

I understand that the urgency of passing this Bill is prompted by the sad and bitter experiences, as we have been told by the Honourable Minister, during the past December massive undergraduate demonstrations which occurred in the City of Kuala Lumpur, in Ipoh and in Penang and also the possibility of another demonstration at the university campuses in the near future.

We have been told that the past student unrest and mass demonstrations were the work of saboteurs who used students as tools to gain political power and that only a handful of students—and according to our Minister about 1%—created chaos and disrupted the studies of the majority of the students in the campuses.

Talking about discipline, I wish to stress that I am in full agreement with our Honourable Minister of Education that a stricter law should be framed to enforce

discipline for the university and college students, so that the incidents like that of last December would not repeat again.

University and college undergraduates are the cream and intellectuals of our society who may one day become leaders and administrators of this country, and as such they should receive sound education and good discipline while they are in the universities and colleges. In fact, I should say discipline is part of the university education. A student without discipline is like a horse without being harnessed and may run wild at any time. A student who disobeys discipline in school and university is likely to disobey the laws of the country in his future career.

I also agree with our Honourable Minister that undergraduates should concentrate mainly on their academic studies and should not engage actively in politics and should not join political bodies, unions or other organisations which may seriously interfere and distract their course of higher learning, leading to failures in examinations, waste of time and money and the loss of money contributed by the taxpayers.

However, Sir, I do not quite agree to a certain Clause in the Bill and here I refer to Clause 2 which provides a new section, Section 15 (3), which states that students and student organisations are also forbidden to express support or sympathy or opposition to any political party, trade union or unlawful organisation, body or group of people except with the written permission of the Vice-Chancellor. I wish to clarify this point with the Minister and ask him whether or not a student, who expresses his opinion or his criticism in private discussions, in conferences or in seminars which harbour on the problems and activities of political parties, trade unions and unlawful organisations, is guilty of an offence under this section. I am sure it is not the object of our wise Minister to suppress or gag the freedom of thought and speech to express or discuss politics objectively among the students in this democratic country of ours. If it is so, it will not be conducive to the healthy mental development of our students or student bodies because it would tend to suppress the students' thoughts and emotions, to express what is right from what is wrong under the influence of politics which

they are living in all the time. They cannot be secluded from politics, they are bound to talk of it and discuss it. If they are unduly suppressed in this way, they will either turn out to be meek, dull and apathetic students or succumb to underground activities to seek outlets.

I wish to remind this House that the student movement has been a tremendous force that helped to shape the destiny of many countries in the past. Student activities and movements in this country should not be unduly suppressed but should be properly channelled and guided towards something constructive such as towards the national economic development of our country, the "grow more food" campaign as well as towards sports and other social activities for the welfare of our people instead of indulging in wild politics. We must not allow a vacuum to be created in their minds. Young people are very active and vigorous and if there is a vacuum in their minds, that vacuum must be occupied by something. We should channel them properly with guidance and tact to do something which is useful to our nation, instead of suppressing them, which might drive them wild.

I also wish to request our Minister to be more patient and more tolerant and have more dialogues and have more heart-to-heart talks with the undergraduates from time to time so as to come to a better understanding and resolve any differences where possible. I wish the Honourable Minister of Education to carry out his stupendous task—which is a very difficult and onerous task—with firmness coupled with resilience and tact, and also to show leniency to deserving cases.

I also request the Minister to exercise the utmost care in the choice of capable, wise Vice-Chancellors who will be representing the Minister in looking after the activities of the students. I hope that whoever is nominated to the posts of Vice-Chancellor and Deans in the university would be the proper persons selected to fulfil their duties well and satisfactorily.

Finally, I wish to say that I support this Bill with the exception of what I have mentioned just now, which I would like the Minister to clarify.

6.04 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa di sini adalah emas, maka saya akan berhati-hatilah berkenaan dengan masa ini, tetapi berilah saya peluang bercakap oleh kerana ini suatu Rang Undang-undang yang mustahak maka saya hendak berbahas dengan panjang lebar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan iaitu Rang Undang-undang Akta Universiti dan Kolej, ini untuk mendapat penjelasan, iaitu I.T.M. ataupun universiti kerana itu barangkali tidak akan masuk baikpun universiti ataupun kolej begitu juga yang lain-lain yang bukan kolej seperti MARA dan lain-lain dan saya harap dapat diberi penjelasan oleh Menteri kemudian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi tadi saya dengar daripada Yang Berhormat Menteri menyatakan penuntut-penuntut universiti ini tidak ada mempunyai disiplin. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, kalau bapa borek, kata pepatah Melayu anaknya rintek. Apa sebabnya daripada dahulu tidak ada disiplin? Salahnya, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana Senator Datuk Nik Hassan telah berkata tadi, ada badan-badan politik, ada pertubuhan-pertubuhan dan ada orang-orang perseorangan yang hendak mengambil peluang menggunakan penuntut-penuntut universiti ini sebagai perkakas mereka, baik pun untuk naik ke atas atau jatuh ke bawah, saya tidak tahu. (*Ketawa*), tetapi mengambil peluang untuk menggunakan penuntut-penuntut universiti. Dengan sebab itu penuntut-penuntut universiti ini mengambil peluang pula—ini tentulah orang ini mengambil peluang dia pula ambil peluang menunjukkan demonstration dan sebagainya. Tetapi kalau misalnya orang-orang ini boleh menggunakan aku, aku pun boleh gunakan dia—ini adalah akibat tolak-ansur tadi. Pada masa yang akan datang orang-orang yang begini mestilah diadakan Undang-undang, parti-parti politik ini dan badan-badan pertubuhan ini. Ini satu hala sahaja (one way street) dan ini mesti ada no entry juga. Jadi di sini satu jalan mengatakan pertubuhan-pertubuhan, badan-badan, orang-orang perseorangan yang menghasut penuntut-penuntut universiti ini untuk membelah mereka supaya mereka dapat naik dan turun ke

bawah, ini mesti juga diadakan. Kalau tidak penuntut-penuntut universiti sahaja yang kena mana boleh jadi. Perkara ini juga mesti diambil perhatian.

Sebenarnya pada masa dahulu saya ada juga masuk universiti, ada juga memiak bangku universiti dan saya tahulah bagaimana keadaan di universiti. Sebelum saya bercakap berkenaan dengan universiti ini, saya juga hendak bercakap berkenaan dengan sebelum kita adakan Universiti Kebangsaan, I.T.M., Technical College dan Universiti Pertanian. Penuntut-penuntut mestilah ingat, terutama sekali bumiputra, mestilah ingat iaitu perjuangan-perjuangan politik. Pada masa dahulu, sebelum kita mencapai kemerdekaan boleh dikira berapa banyak orang Melayu, bumiputra—barangkali di Sarawak dan Sabah lebih lagi. Di sini boleh dikira berapa kerat, ini bukan orang, berapa kerat, yang dapat masuk universiti. Tetapi oleh kerana perjuangan kita orang Malaysia, termasuk orang Melayu, dan bumiputra supaya kita mendapat dan mencapai kemerdekaan, kemerdekaan ini bukan sahaja politik tetapi juga iktisad dan sebagainya. Satu daripadanya ialah untuk Pelajaran. Sebab kita tahu kalau tidak ada otak (kuda pun ada otak, lembu pun ada otak) kalau kita tidak ada pelajaran, maka bangsa itu akan menjadi hamba selamanya. Maka dengan sebab itulah perjuangan UMNO terutama sekali memperjuangkan kemerdekaan negeri ini dengan satu tujuan iaitu supaya bumiputra dapat meningkat bukan satu orang, bukan dua orang, bukan anak-anak feudal sahaja, bukan anak-anak datuk, tetapi memperjuangkan segala peringkat orang ramai, baik bumiputra atau tidak masuk ke universiti dalam negeri yang telah kita tubuhkan dan yang akan kita tubuhkan lagi. Pada masa dahulu kita boleh kira di mana ada universiti di tanahair kita, cuma di Singapura, ada Raffles College, diambil sempena nama Tuan Raffles, sekarang ada University of Malaya. Berapa orang bumiputra belajar di situ. Tetapi mudah-mudahan apabila kita telah mencapai kemerdekaan dengan pejuang-pejuang kita, maka kita telah tubuhkan University of Malaya di sini.

Pada masa itu kalau tidak silap saya—Yang Berhormat Menteri Pelajaran barangkali akan menjawab berapa orang budak-budak Melayu, berapa orang bumiputra, 80 orang pun tidak sampai saya ingat. Pada

hari ini keadaan universiti, saya pun tidak berapa tahu berapa ramainya, tetapi sekurang-kurangnya setengah bumiputra ada di dalam universiti. Bolehkah penuntut bumiputra ini boleh masuk ke dalam universiti ini dengan wang sendiri daripada ibubapanya, jikalau tidak dengan perjuangan politik daripada orang-orang yang tidak pandai seperti kami ini semua, dan hendak masuk belajar di universiti ini bukannya senang. Ongkos perbelanjaan seorang student selain daripada scholarship yang diberi barangkali \$250 ditambah pula lagi oleh kerana yang lain-lain sebanyak \$250, sekurang-kurangnya seorang student \$500-\$600. Kalau Negeri Jepun sampai \$800 seorang student. Ini semua ditanggung oleh Kerajaan. Untuk apa ditanggung oleh Kerajaan? Ini kita fikirkan bersama. Saya bukan anti-student terutama sekali kepada penuntut bumiputra. Kita fikirkan bersama iaitu peluang ini diberi supaya anak-anak bumiputra mengisikan di dalam kepala masing-masing di dalam tempoh 3-4 tahun di universiti, belajar betul-betul dan apabila keluar tepuk dada tanya selera. Kalau hendak menjadi engineer, jadi engineerlah, kalau hendak menjadi politician, jadi politicianlah dan yang hendak merampas Kerajaan ini rampaslah. Sesudah lulus daripada universiti, sebab negeri ini negeri demokrasi, tetapi sungguhpun demokrasi kalau tidak ada otak payah juga duduk dalam negeri yang berdemokrasi ini. Kalau orang Melayu tidak pandai maka menyapu sampahlah tiap-tiap hari di kilang-kilang orang lain. Dengan sebab itu, saya fikir Rang Undang-undang ini bagus juga supaya anak-anak bumiputra belajar betul-betul dan bersungguh-sungguh. Banyak jawatan kosong di kilang-kilang dan di firma-firma pada hari ini kerana tidak dapat diisi oleh kerana tidak ada anak-anak bumiputra yang boleh mengisinya. Jadi inilah tujuan Kerajaan hendakkan seberapa banyak lagi anak-anak kampung, yang setengah-setengahnya anak-anak kita yang ayahnya bertanam padi, setengahnya menoreh getah, setengahnya mencangkul parit, setengahnya bekerja di faktori dengan \$100 gajinya pada hari ini dapat masuk universiti.

Sebagai seorang Melayu, seorang bumiputra dan sebagai seorang Malaysia, saya berasa megah pada hari ini dalam University of Malaya, sekurang-kurangnya ada setengah bumiputra dan di I.T.M. ada 100%

bumiputra yang barangkali ada 3,000 penuntut dan di Universiti Kebangsaan pula sekurang-kurangnya 95% atau lebih anak-anak bumiputra yang belajar di situ dan akan lulus dan merekalah yang akan memegang teraju pada hari-hari yang akan datang dalam negeri ini. Jadi ini mestilah diberi ingat oleh baik professor, siapa pun dalam universiti akan tugas-tugas mereka.

Selain daripada itu, berkenaan scholarship yang diberi oleh tiap-tiap Negeri ataupun daripada Federal. Pada masa saya hendak belajar dahulu, pada masa saya dahulu tidak berapa senang, saya pun orang susah, bukan senang seperti sekarang masuk universiti ada scholarship. Masa itu diburu oleh penjajah pula, terpaksa saya lari ke Negeri China dan Negeri Jepun. Saya tidak ada duit, minum air sahaja hari-hari oleh kerana susahnyanya hendak belajar ini, sejuk tidak boleh tahan sebab musim sejuk, tetapi dengan belajar cara begini saya ingat lebih baik. Penuntut-penuntut kita alhamdulillah hari ini mereka dapat kesenangan-kesenangan untuk belajar dan mesti belajar dengan bersungguh-sungguh.

Selain daripada itu, penuntut-penuntut kita yang hendak masuk ke universiti yang dapat biasiswa State atau Federal, sebagaimana saya katakan tadi apabila hendak keluar negeri dikenakan syarat (condition). Kalau melanggar syarat-syarat itu, mereka kena buang daripada universiti dan mereka yang diseberang laut akan dihantar balik. Kalau syarat ini belum dibuat mestilah dibuat dan disain oleh mereka dan ayahnya sekali supaya mereka tahu kalau dia buat perbuatan-perbuatan begini maka dia akan rugi dan biasiswa-biasiswa akan ditarik balik oleh Kerajaan. Jadi saya bercakap begini oleh kerana saya suka anak-anak bumiputra belajar betul-betul untuk mereka pada hari akan datang mendapat pelajaran-pelajaran yang lebih perlu lagi daripada membuat demonstration dan sebagainya. Penuntut-penuntut ini melihat keadaannya, dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah menyatakan bagaimana demonstrasi-demonstrasi, terutama sekali di Thailand, oleh kerana demonstrasi student di Thailand, maka Kerajaan Thailand telah tumbang, Kerajaan tentera di Thailand telah tumbang, maka telah dirampas oleh student, maka dengan sebab itu semangat students telah naik, maka mereka memikirkan kalau dibuat di sini bagaimana pula! Oleh kerana

hasutan-hasutan daripada pihak yang tak bertanggungjawab, dan begitu juga di Indonesia. Saya harap di sini adalah lain keadaannya daripada negeri-negeri itu.

Baru-baru ini saya juga membaca dan mengikuti bagaimana kejadian di Baling, sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri iaitu di Baling ada orang-orang kita yang tak makan, susah dan sebagainya. Pada satu masa dahulu saya bekerja sebagai Psychological Warfare Officer pada masa zaman penjajah terpaksa saya pergi ke Kedah, ke Baling dan lain-lain tempat dan sampai ke Sempadan negeri Siam. Di waktu malam keadaan di situ banyak nyamuk, tak boleh tahan, saya kena malaria dan sebagainya. Pada masa itu saya lihat memang betul, samada di Yen atau di Baling rumah-rumah orang Melayu, betul-betul macam kandang lembu kelihatan di sana-sini. Jalanraya langsung tak ada, menyeberang sungai pakai jambatan buluh, kalau tak betul berjalan maka berdebum jatuh ke dalam sungai ataupun kalau tak pandai berakit kita akan hanyut.

Saya mengalami perkara itu memang betul pada masa dahulu dan ini tak dapat dinafikan. Tetapi pada hari ini selepas merdeka, di zaman pembangunan saya membaca juga dan mengikuti dalam akhbar, maka keadaan telah bertukar. Tetapi terdapat lintah-lintah darat di Kedah terutama sekali, saya minta maaf ini di tempat Yang Berhormat Menteri, ada lintah-lintah darat berkenaan padi kunca yang mencekik orang-orang kita di sana, barangkali sekarang sudah hapus, kalau tidak kita kunca mereka. Jadi dengan sebab itu, saya fikir pembangunan yang pesat telah dijalankan oleh Kerajaan, saya dapat tahu juga iaitu jalanraya-jalanraya dan jambatan-jambatan telah dibuat dan sebagainya. Jikalau pembangunan tidak dijalankan, maka wakil-wakil rakyat di sana adalah bertanggungjawab, terutama sekali Menteri Besarnya adalah bertanggungjawab besar di atas perkara ini. Kalau tidak, Menteri Besar itu pada masa yang akan datang kalau tak ada perubahan di Baling, kalau orang yang lapar tak diambil perhatian oleh Menteri Besar, maka Menteri Besar itu kita turunkan secara besar-besaran (*Ketawa*). Jadi, sepatutnya students itu tidak buat begitu, tidak mengadakan demonstrasi. Sepatutnya student itu apa yang mesti dibuat iaitu memberitahu kepada pihak yang bertanggungjawab di sana ada

orang tak makan, di sana ada orang begitu, di sini ada orang begini, tetapi student kita lekas sangat kena hasut dan lekas sangat bertindak, barangkali kerana darah muda lekas sangat hendak bertindak sahaja. Itulah sebabnya terjadi perkara yang tak begitu menyedapkan, oleh kerana tindakan seperti itu banyak perkara-perkara yang tak betul telah berlaku. Kalau saya hendak ceritakan banyak lagi perkara yang tak betul yang dilakukan oleh kerana hasutan daripada pihak yang tak bertanggungjawab tadi. Jadi pada masa hadapan students kita periksa dahulu betul-betul sebab saya sendiripun selalu apabila dikata sedikit oleh orang lain, saya lekas hendak bertindak, kadang-kadang rupanya salah juga, kalau kita bertindak lekas-lekas itupun tak betul juga. Saya sekarang dapat belajar sedikit-sebanyak bahawa lekas meradang dan lekas bertindak pun tak betul juga. Yang Berhormat Menteri Pelajaran pun dahulu agaknya lekas bertindak, dengan sebab itu beliau sedar itu tak betul dan sekarang hendak dibetulkan dengan Undang-undang ini. Jadi mestilah difikirkan secara mendalam dahulu sebelum bertindak.

Selain daripada itu, berkenaan dengan mengutip wang derma dan sebagainya, saya fikir kalau mereka itu tak dibenarkan mengutip wang derma cara membuat sesuatu perkara yang mendatangkan kebajikan dan sebagainya untuk mereka itu, dari manakah mereka boleh dapat duit. Dengan sebab itu, Kerajaan mestilah menimbang perkara ini, jika mereka itu hendak mendapatkan kewangan secara baik, ada satu-satu perkara untuk kebajikan, maka hendaklah Kerajaan menimbang secara adil. Kalau tidak boleh sahaja buat apa-apa, ini adalah parah kepada mereka kalau mereka susah, misalnya, hendak mengadakan stage show untuk mengutip duit, minta permit dan sebagainya. Saya fikir Kerajaan mesti timbangkan atas perkara seperti itu.

Selain daripada itu, Kerajaan mestilah menengokkan masaalah students itu, kalau ada complaint mestilah kita lekas menengok betul atau tidak complaint itu. Jangan tak dipedulikan apa-apa complaint daripada mereka. Barangkali oleh kerana pada masa dahulu ada complaints daripada mereka tidak disiasat oleh Kerajaan, maka dengan sebab itu mereka ini telah jauh daripada Kerajaan. Maka dengan sebab itu mestilah diambil perhatian hal ini supaya dia tidak

pergi jauh. Kita berkehendakkan mereka lebih dekat daripada kita sehingga pada satu masa kelak penuntut-penuntut inilah yang akan menjadi harapan bangsa kita. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri mengatakan bukanlah semata-mata penuntut universiti yang akan menjadi pemimpin, orang yang menjadi penarik beca roda tiga dan sebagainya boleh jadi pemimpin, tetapi saya fikir orang-orang inilah yang mempunyai brain, mempunyai otak maka mereka inilah yang boleh esok memberi nasihat dan sebagainya kepada kita. Mereka ini mestilah dibela dengan baik dan juga dinasihatkan supaya mereka ini menjadi satu golongan rakyat dan golongan pemimpin pada masa hadapan yang bertanggungjawab kepada negara kita.

Saya tidaklah hendak menambah lebih lanjut, cuma ada satu sahaja iaitu tadi Menteri berkenaan menyatakan iaitu tunjuk perasaan yang diadakan pada bulan Disember tahun lalu secara haram itu adalah hasutan daripada kominis. Saya hendak tanya sekiranya ada hasutan daripada kominis dengan keterangan-keterangan yang sebenar-benarnya ditunjukkan, oleh kerana kalau dikatakan begitu sahaja maka ini tidaklah betul. Kita boleh membuat tuduhan-tuduhan sahaja, tetapi hendaklah diterangkan apakah evident yang terang, dan jika ada berlaku maka siapa yang menghasut itu ataupun kominis-kominis yang menghasut itu. Oleh kerana hari ini saya dapat tahu menerusi akhbar sahaja keterangan ini telah didapati oleh kerana adanya senapang-senapang dan sebagainya. Ini boleh jadi senapang buluh ataupun ini adalah senapang kayu untuk mereka berlakun di atas pentas. Jadi, ini bukannya perkara yang sebenar, tetapi kalau memang ada keterangan yang tepat maka saya harap Menteri berkenaan boleh menjelaskan di atas perkara ini. Perkara lain tidaklah ada apa lagi, oleh kerana tujuan yang baik dibuat Undang-undang ini saya percaya telah ditapis betul-betul dan ditengok. Mungkin ini tujuannya baik, terutama sekali anak-anak bumiputra kita akan belajar lebih elok lagi untuk menjadi pemimpin pada masa yang akan datang. Oleh itu, saya menyokong sepenuhnya.

6.30 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sama juga dengan kawan-kawan saya yang lain memberikan sokongan yang penuh atas Akta bagi

meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti ini. Saya tidak berhajat hendak bercakap butiran dalam pindaan Rang Undang-undang ini, cuma saya hendak bercakap, campur berbahas atas hujah-hujah yang didatangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran baru sebentar tadi.

Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya memberikan kepujian yang tinggi kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang ada sekarang kerana semasa Yang Berhormat Menteri ini memegang tanggungjawab sebagai Menteri Pelajaran berbagai-bagai dugaan, cubaan didatangkan oleh anak-anak kita bahkan pernah anak-anak kita, pelajar-pelajar kita membuat kelakuan yang tidak berapa sopan, perkataan yang kasar sampai di boo Menteri kita, tetapi Menteri kita ini dengan senyum, suka, sabar dan menjawabnya dengan mematahkan perbuatan-perbuatan itu dengan perkataan yang lemah-lembut. Ini satu kepujian yang patut diberikan oleh negara kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan saya harap Yang Berhormat Menteri juga akan bersama-sama melaksanakan kuatkuasa peruntukan yang ada dalam Akta ini demi kepentingan negara dan pelajar-pelajar kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa mungkin juga pelajar-pelajar kita ini dihasut oleh kominis dan kita tengok tektik yang dibuatnya itu dengan tunjuk perasaannya dan lain-lain adalah sama dengan tektik ajaran-ajaran kominis. Negara kita jangan lupa bahawa walaupun kominis telah pecah dua tetapi tujuan asalnya hendak memerintah negeri ini dalam satu masa yang akan datang melalui kekerasan. Dia kata kempen sudah berpecah belah. Yang sebenar kedudukannya betul. Satu puak kominis mengganas di hutan, satu puak kominis pula sekarang berada dalam bandar, termasuklah mereka dalam masalah memberikan dorongan, memberikan semangat kepada pelajar-pelajar kita. Ini patut diawasi, patut ditengok, bukan sahaja oleh Kementerian Pelajaran tetapi oleh negara kita sebab perjuangan kominis ini kalau dengan ada Akta ini kita bawa mereka akan membawa satu jalan yang lain supaya mereka dapat menggunakan pelajar-pelajar kita untuk tujuan perjuangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya fikir anak-anak kita ini dihasut oleh anti nasional atau anti negara. Mereka memang kurang senang hati dengan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh Kerajaan kita sebab dengan dilancarkan Dasar Ekonomi Baru ini beberapa peluang-peluang yang patut mereka dapat, mereka tak dapat, pada hal tujuan kita ialah tujuan nasional, tujuan negara hendak mengimbangkan keadilan, nikmat pelajar-pelajar dalam negeri ini supaya sama seimbang antara bumiputra dengan bukan bumiputra. Kalau keadaan ini dapat diterima oleh anak-anak kita maka berjayalah golongan-golongan ini dan keciwalah rancangan-rancangan Kerajaan. Anak-anak kita yang tidak begitu ramai sebenarnya telah terperangkap oleh keadaan ini. Kita berasa sedih yang pelajar-pelajar kita ini dapat diperangkap oleh anasir-anasir ini dan mereka ini tidak mahu undur atas apa yang mereka telah buat, itu memang dasar seseorang yang telah menganuti sesuatu idealoji, bukan sahaja anak-anak, pelajar-pelajar kita yang terlibat dalam masalah ini tetapi termasuk pensyarah-pensyarahnya. Ini satu perkara yang sangat merunsingkan negara—patut Akta ini dibawa untuk menyekat dan mengawal samada pensyarah ataupun pekerja-pekerja di universiti.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang saya katakan tadi sama seolah-olah tektiknya macam tektik kominis, mereka tunjuk perasaan, masuk di masjid. Ini orang Islam masuk masjid dengan pakai kasut, kemudian memegang leher Imam Masjid Besar dengan mengatakan: Kamu jangan membaca khutbah menyebut Yang di-Pertuan Agong dan Tun Abdul Razak lagi. Ini perbuatan yang tak pernah dibuat oleh orang-orang Melayu. Ini satu perkara yang luar biasa yang saya kata anak-anak kita ini telah betul-betul dia menerima ideoloji yang diajar oleh golongan-golongan yang menghasut mereka. Kalau kejadian ini kurang pantasnya Pasukan Keselamatan kita mengawal, menjaga akan tumbuhlah satu perkara lagi kehendak kominis supaya orang-orang Melayu dengan bukan Melayu bertumpah darah pada hari itu. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Pasukan Keselamatan kita yang begitu cekap dan berjaya mengatasi masalah ini. Ini kehendak kominis, tetapi Alhamdullillah, dengan kecekapan kita walaupun ada perkara-perkara yang luar biasa yang

tidak menyenangkan hal dalam masjid-masjid tetapi ini demi kepentingan negara kita kena bertindak walaupun dia marah askar-askar kita, Pasukan-pasukan Polis Hutan kita masuk ke masjid dengan tak buka kasut, ini masa darurat, bahkan orang Jepun pun ada masukkan babi dalam masjid, ini masa dharurat. Kalau kita tak kawal anak-anak kita ini, kalau mereka sudah naik satu perasaan boleh jadi dibakarnya masjid itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir patut Yang Berhormat Menteri ini membuat satu tindakan yang tegas, iaitu memberitahu dunia luar dan pelajar-pelajar kita di luar negeri dalam masalah tujuannya kita membuat Akta pindaan ini sebab mereka ini telah disalahgunakan oleh anasir-anasir ini, bukan sahaja mereka ada dalam negeri ini, mereka ada di luar negeri dan Kerajaan-kerajaan itu juga patut kita beritahu sebab kadangkala sesebuah Kerajaan itu dia menerima dengan bulat akan dakyah-dakyah ataupun sebaran-sebaran yang didatangkan oleh pelajar-pelajar kita di luar negeri.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya patut berikan pandangan dalam masalah ini iaitu berhubung dengan tata-tertib sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya kurang arif, kurang bijak hendak mengetahui takrif tatatertib yang kita hendak kenakan disiplin kepada anak-anak kita itu. Adakah tatatertib ini kita maksudkan bahawa murid-murid ini juga tak dibenarkan menghisap dadah, ganja, berambut panjang, pakaian yang tidak sopan dan juga pergaulan antara pelajar laki-laki dengan perempuan yang luar daripada batasan? Adakah ini juga di antara satu tata-tertib yang patut dijaga dan dikawal? Kalau ini kita tak jaga ini juga akan tidak memberi guna kepada nafsu Rang Undang-undang ini kelak sebab tadi sahabat-sahabat saya telah mengatakan macam-macam cerita timbul tentang pelajar-pelajar di universiti, saya tidak hendak ulangkan lagi sebab saya kira itu adalah anak-anak saya semuanya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya nampak perlu diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran iaitu rombongan pelajar-pelajar kita yang pergi ke luar negeri patut kita awasi, perhatikan dengan cermat sebab walaupun tujuan murninya mereka ke luar negeri dengan satu rombongan yang dikehendaki oleh persatuan pelajar negeri lain

tetapi sebaliknya kadangkala mereka ini menyalahgunakan kemudahan yang kita beri. Dengan menyalahgunakan ini maka anasir-anasir itu akan merasuk pelajar-pelajar kita.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri pandangan kepada Yang Berhormat Menteri iaitu pelajar kita yang menunjuk perasaan pada akhir tahun yang lalu sebelum daripada mereka menunjuk perasaan, ketuanya telah lari pergi ke Thailand mendapat ilham daripada pelajar-pelajar di Thailand dan ketua pelajar-pelajar ini kita percaya orangnya baik, ada menghadiri kuliah subuh di Masjid Negara. Mereka menerima kuliah subuh di Masjid Negara kerana ibadat, kita tidak salahkan mereka. Tetapi di dalam kuliah ini ada golongan yang memberi kursus kepada anak-anak kita ini apakah tindakan-tindakan yang patut dijalankan. Ini digunakan dalam Masjid Negara. Perkara yang seumpama ini saya berani cakap sebab perkara ini mereka datangkan kepada saya. Jadi perkara yang semacam ini, kuliah-kuliah yang berupa ugama ini juga patut kita awasi. Ugama tidak salah, tetapi mereka menyalahgunakan ugama.

Dalam masalah di Baling, tadi Yang Berhormat Menteri pun sudah bercakap mengenai Baling. Satu perkara yang timbul di Baling selain daripada yang telah dicakapkan oleh rakan-rakan saya, peristiwa di Baling itu, pelajar-pelajar ini telah membuat risalah dan gambar-gambar. Risalah dan gambar ini bukan sahaja mereka guna, mereka edarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di seluruh tanahair kita ini dengan mengatakan bahawa apa yang dikatakan oleh Kerajaan itu bohong. Yang betul ini dia, mereka tunjukkan budak yang mati, kelaparan di sana, kesusahan di sana. Ini dibuat oleh pelajar-pelajar dan diterima oleh pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah kita di seluruh tanahair ini. Samada ini ada sampai atau tidak kepada pengetahuan Menteri Pelajaran. Saya cuma hendak menyampaikan dan kenyataan ini adalah betul. Selepas Kerajaan mengambil tindakan, segala risalah dan gambar ini mereka bakar. Inilah kejadian-kejadian, kita jangan fikir bahawa dengan kita mengambil tindakan ini perjuangannya mereka, langkah mereka akan berhenti. Mereka akan teruskan tetapi syabas dengan adanya Akta ini. Kita hendak menyelamatkan anak kita pada penggal tahun ini,

dan hendak masuk ke universiti tidak kurang daripada 10,000 orang dan berapa ribu orang lagi kemudian daripada ini. Dengan kita mengambil tindakan kepada pelajar-pelajar yang ada membuat kesalahan dan jenayah, kita tidak rugi. Kita berhentikan dia, kita gantung dia, kita tarik biasiswa, tidak rugi asalkan kita boleh menyelamatkan 10,000 pelajar-pelajar lagi akan datang dan juga pelajar-pelajar lain pada tahun-tahun ke hadapan sebab pelajar-pelajar kita yang di universiti itu bukan semua mengikut arahan-arahan kawan-kawannya. Mereka itulah yang saya katakan mereka menggunakan taktik kominis, "Kalau kamu tidak ikut di atas apa arahan-arahan kami," terutama sekali pelajar-pelajar yang baru masuk, mereka akan gunakan macam-macam tindakan. Dengan sebab itu takut terpengaruh mengikut atas arahan-arahan kawan-kawannya.

Saya fikir setakat inilah sahaja dan saya hormati arahan Tuan Yang di-Pertua kerana hendak beri peluang kepada saudara-saudara saya yang lain, sebab perbincangan ini mustahak sangat supaya sampai ke pengetahuan Yang Berhormat Menteri.

6.44 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan syabas kepada Menteri Pelajaran.

Yang pertamanya saya juga mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahuwataala kerana adanya demonstrasi pelajar-pelajar kita pada 3hb Disember yang lalu. Sebabnya saya kata begitu dengan adanya demonstrasi mungkin ada sedikit kesedaran kepada pemimpin-pemimpin kita. Ini tidak dapat kita nafikan. Misalnya selepas demonstrasi di Baling beberapa projek ditumpukan bulat-bulat ke Baling. Ini rasa saya silap kita bertindak sedikit; dengan tidak secara langsung kita menyokong tindakan pelajar berdemonstrasi di Baling. Kemudian daripada itu dia buat demonstrasi di Kuala Lumpur barulah tindakan-tindakan yang keras kita ambil dan hari ini, kerana kita dahulu sudah lupa, terlampau sangat hendak bertimbang rasa, jadi akibatnya pada bulan Disember, 1974 telah kita rasai. Yang saya katakan syukur tadi kerana tidak serempak dengan perkara-perkara yang lain di mana yang

dinyatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, andai kata terserempak perkara tunjuk perasaan anak-anak ini dengan kerja ikut masa, dengan bas mogok, dan sebagainya, saya yakin hura-hara pada masa itu menyeluruh negara kita. Tetapi alhamdulillah dengan perbuatan pelajar itu sahajalah maka pasukan keselamatan kita dapat bertindak dengan begitu tegas. Kita patut mengucapkan terima kasih kepada pasukan keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya anak-anak kita ini barangkali setelah membaca Rang Undang-undang ini boleh jadi akan marah kepada kita dan Menteri Pelajaran. Saya harap Menteri Pelajaran tidak akan patah hati dan saya sanjung tinggi atas jaminannya tadi, walau apa pun orang hendak buat, apa lain negeri hendak kata pada Rang Undang-undang ini maka kita, Kerajaan Malaysia adalah menggunakan Rang Undang-undang ini untuk kebijakan Malaysia sendiri. Kita tidak peduli apa lain negeri kata.

Saya harap apa yang dinyatakan oleh Menteri tadi dapat dikotakan dengan sebenar-benarnya untuk kebijakan negara, kerana anak-anak kita yang ada di universiti hari ini, saya ingat belum merasa pahit dan maungnya bagaimana pemimpin-pemimpin hari ini hendak mencapai kemerdekaan negeri ini; bagaimana pemimpin negara ini hendak mengadakan sekolah-sekolah tinggi, universiti ataupun kolej-kolej yang lain untuk memberi pelajaran. Saya kata begitu kerana mungkin semasa tuntutan kemerdekaan negara ini penuntut-penuntut yang ada hari ini belum lahir lagi ke dunia. Dia tidak tahu macam mana susahnya, macam mana pahit pemimpin-pemimpin yang ada hari ini hendak mengadakan sebuah universiti. Mereka sepatutnya berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin hari ini yang telah mengadakan begitu banyak universiti, daripada Universiti Malaya sudah ada Universiti Kebangsaan, Universiti Pertanian, Instituti Teknologi Kebangsaan dan lain-lain lagi. Mereka ini patut berterima kasih dan saya juga bercakap begitu dia patut berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang ada hari ini. Dengan adanya universiti ini maka beribu-ribu penuntut yang keluar daripada universiti ini telah memegang jawatan yang begitu baik, sehinggakan rasa saya hari ini yang ber-

pangkat D.O. pun kebanyakannya penuntut yang keluar daripada universiti. Rasa saya mereka itu semasa dalam universiti dahulu mempunyai semangat yang berkubar-kubar tetapi manakala sudah dapat jawatan yang baik terutama sekali manakala sudah bertugas dengan pihak swasta, yang Kerajaan tidak mampu membayar gaji lebih, maka sudah tidak nampak lagi dunia ini, tidak ada terima kasihnya diberikan kepada pemimpin-pemimpin yang sudah lapuk katanya, pemimpin-pemimpin yang ada hari ini yang kebanyakannya bersekolah atap, tidak ada kelulusan universiti, tetapi mereka lupa.

Dengan adanya pemimpin-pemimpin sekolah atap yang kebanyakannya ada hari ini, maka penuntut-penuntut universiti yang keluar daripada universiti hari inilah yang dapat merasai jawatan-jawatan yang tidak pernah didapati oleh bumiputra semasa penjajah dahulu. Saya harap terutama sekali kepada penuntut-penuntut yang sedang berada di dalam universiti atau di dalam peringkat kolej mengisi benar-benar dada mereka dengan ilmu pengetahuan kerana negara kita ini masih lapar, masih kekurangan orang cerdikpandai. Dan di Dewan yang kita duduk hari ini juga bukanlah pusaka nenek-moyang kita, sememang merekalah yang akan mengambil tempat ini, ini tidak boleh diwarisi. Kalau hari ini saya dilantik menjadi Ahli Yang Berhormat Dewan Negara kedudukan ini tidak boleh diwarisi oleh anak saya. Boleh jadi barangkali kerusi-kerusi yang ada dalam Dewan ini akan dipenuhi oleh penuntut-penuntut keluaran universiti dengan syarat mereka itu penuhkanlah dada, janganlah penuhkan dengan demonstrasi-demonstrasi. Kerana saya rasa walaupun tidak begitu ramai bilangan penuntut yang nakal itu, satu perkara barangkali saya tidak dapat meneliti dengan sungguh-sungguh, barangkali pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan. Saya rasa patut sangatlah pensyarah-pensyarah yang ada di tiap-tiap universiti itu diawasi benar-benar ataupun ditahan terus mereka itu daripada mengambil bahagian dalam politik. Kalau sekiranya mereka mengambil bahagian dalam politik tolonglah—berhenti daripada menjadi pensyarah universiti, kerana dengan ideologi politiknya itu takut menggilakan fikiran anak-anak kita yang ada di dalam universiti itu. Saya yakin dan percaya perkara yang menaikkan semangat anak-

anak kita ini timbulnya barangkali; ini boleh jadi barangkali cakap saya ini akan dimarahi oleh pensyarah-pensyarah universiti, kerana tuduhan saya ini dia tidak dapat jawab, tetapi hati saya berat benar mengatakan bahawa ada pensyarah-pensyarah universiti jugalah salah satu daripada sebabnya yang anak-anak kita naik kepala. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang begitu dinamis hari ini dapat membuat penelitian atau mengawasi, terutama sekali pensyarah-pensyarah yang akan memberi syarahan kuliahnya dalam universiti supaya jangan dapat menghasut anak-anak kita yang otaknya masih lagi bersih.

Saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini.

6.54 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein:

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak kerana diberi peluang terakhir ini. Saya bangun menyokong Akta ini kerana Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita yang bijaksana sungguh cekap mengambil alih dengan membuat Akta ini demi kepentingan menjaga keamanan pelajar-pelajar kita. Tetapi saya ingin bertanya apakah kita terlupa atau Yang Berhormat Menteri, saya rasa tentu Menteri lebih bijaksana, tidak terlupa; di dalam saikoloji pendidikan, kita telah mengajar anak-anak kita dengan sikap berani bertanggungjawab untuk menjadi seorang pemimpin yang berfikiran waras, pintar di dalam bicara dan cergas di dalam segala bidang.

Amat besar sekali kesalahannya di dalam saikoloji pendidikan jika kita mengajar murid-murid hanya menerima sahaja apa yang diajar oleh guru mereka walaupun tidak betul apa yang dikatakan oleh guru mereka. Mengapakah saya bayangkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua? Kerana Akta yang kita sokong pada hari ini yang akan diluluskan nanti, walaupun tadi sudah dikupas oleh pihak Yang Berhormat Menteri, kita bimbang dengan adanya keadaan yang demikian rupa kita tidak akan dapat pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab bila kita semua sudah lenyap daripada tanahair ini nanti, kanak-kanak kita yang bernasib malang di masa akan datang itu mereka akan bergantung nasib mereka kepada orang lain sahaja, kerana kita tahu di dalam negara kita menjalankan sekatan-sekatan yang

begini rupa, tetapi apabila mereka pergi ke negeri luar untuk melanjutkan pelajaran ke universiti di luar negeri mereka telah diberi kebebasan yang cukup wajar. Walaupun kita yang tidak mampu tidak dapat melanjutkan pelajaran anak-anak kita, tetapi bagi orang-orang yang ada kemampuan telah melanjutkan pelajaran anak-anak mereka ke universiti di luar-luar negeri.

Yang kedua, apalah yang kita rasa hairan benar dalam perkara ini, saya rasa kita semua sedar, kerana kita tahu mahasiswa universiti seluruh dunia, bukan Malaysia, mesti ada sifat-sifat hendak menentang Kerajaan apa yang mereka rasa tidak puas hati dengan pemerintahan yang ada di negara masing-masing. Jadi kita katakanlah hari ini mahasiswa universiti yang ada dalam negara kita menentang Kerajaan kita yang memerintah hari ini kemungkinan satu masa orang lain memerintah negara kita. Apa yang mereka tidak berpuas hati mereka akan menentang juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang kerana apa yang hendak saya cakapkan, kawan-kawan semua sudah berbicara lebih dahulu. Apa yang saya mahu, Tuan Yang di-Pertua, di waktu kita meluluskan Akta ini adakanlah peluang-peluang yang baik bagi mereka boleh mengeluarkan buah-buah fikiran yang baik dan teguran-teguran yang membina. Dengan kita mengawasi dan menunjukkan tempat-tempat mereka yang patut dan boleh dikeluarkan buah-buah fikiran yang membina itu, dan kita adakan kawalan-kawalan yang rapi di samping kita membenarkan mereka berdialog dan mengeluarkan buah-buah fikiran yang membina itu kelak. Kita tidak merasa bimbang kepada pelajar-pelajar ini kerana kita telah adakan undang-undang dalam negara kita. Andaikata mereka melanggar maka boleh sahaja ditangkap mereka dengan melalui saluran undang-undang dengan tidak payah kita merasai gugup segala gerak-geri mereka, sesuai dengan apa yang dikatakan oleh salah seorang Yang Berhormat dalam Dewan ini tadi, walaupun kita sekat dengan Akta yang kita adakan ini perjuangan mereka kita rasa tidak akan lenyap. Dan saya juga samada dengan pendapat seorang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tadi iaitu kita mengawasi betul-betul dan peluang yang kita berikan kepada mereka jangan kita sekat terus. Andaikata kita membuat sekatan

dengan tidak memberi mereka peluang dan kebebasan berdialog dan sebagainya akan membangkitkan satu emosi yang lebih merbahaya di hadapan kita kelak. Untuk menenangkan ini saya bayangkan walaupun benda ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan berkata tidak sangkut-paut dengan Akta ini tetapi saya berpendapat Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh mengemukakan kepada pihak yang berkenaan ini nanti. Apa yang saya merasa dukacita, hari ini kita mesti memikirkan bersama kenapa dan mengapa perkara ini boleh timbul, demonstrasi dan segala tunjuk perasaan, tidak hormat-menghormati terhadap murid dengan guru, orang muda dengan orang tua. Soal ini ialah yang saya dapat pandang dari dekat sekali pendidikan rohani kepada anak-anak kita sekarang amat kurang sekali.

Saya berani katakan demikian kerana apa yang mendukacitakan saya, di dalam sukatan pelajaran agama di sekolah-sekolah rendah kebangsaan cuma ada 120 minit sahaja dibandingkan dengan 1,380 minit jumlah semua matapelajaran lain dalam satu minggu. Itu tingkatan rendah. Manakala di sekolah menengah pula 120 minit sahaja daripada 1,780 minit jumlah kesemua matapelajaran dalam satu minggu.

Yang menyedihkan lagi, di Tingkatan VI pula beransur-ansur bahkan bertambah kurang sedikit demi sedikit. Yang paling hebat lagi ialah di Universiti. Difikirkan mereka itu mahasiswa-mahasiswa, barangkali, mahasiswa-mahasiswa ini sudah alim dan sudah matang maka tidak payah diberi langsung pelajaran agama ini, cuma mengharapkan pensyarah-pensyarah yang secara sukarela datang daripada luar hendak mengadakan dakwah dan sebagainya, sekadar mengorbankan perjuangan mereka untuk mengisikan ini kita benarkan. Bila matapelajaran ini tidak disikan langsung sebagai pendidikan rohani kepada mahasiswa-mahasiswa kita mengapa tidak dilahirkan? Apa yang mereka rasa dan mereka ingin buat maka diteruskan sahaja perjuangan mereka. Tetapi saya yakin kalau dapatlah Yang Berhormat Menteri yang bijaksana dengan kecekapannya, jika Akta ini sudah diluluskan, ambillah perhatian betul-betul di dalam sukatan pelajaran ini, masukkanlah sukatan pelajaran yang tertentu, jangan kita memandangkan mahasiswa-mahasiswa ini sudah alim dengan pendidikan-pendidikan rohani

ini. Saya yakin, dengan pendidikan rohani kita masukkan kepada pelajar-pelajar kita, insya Allah mereka tidak akan melahirkan sesuatu yang melanggar tatasusila kita. Tetapi kalau tidak diberi perhatian yang sungguh-sungguh, saya rasa bimbang juga walau undang-undang demi undang-undang kita luluskan, Akta demi Akta kita laksanakan, tetapi bukan semakin kurang masyarakat kita patuh bahkan makin dahsyat lagi dengan melanggar undang-undang. Mereka tidak berasa takut hendak memasuki rumah tahanan, hingga mereka sendiri berkata: masukkanlah kami, lama-lama Kerajaan juga bankrap. Kenapa mereka berani melahirkan ini? Kerana jiwa mereka lapang, dada mereka kosong tidak ada didikan yang sewajarnya.

Ini sahajalah yang saya minta Menteri Pelajaran mengambil perhatian sungguh-sungguh di dalam masalah ini dan kalau tidak kita membuat sekatan-sekatan secara umum maka bertambah marah lagi masyarakat kita kepada Yang Berhormat Menteri nanti, lebih baik dengan kebijaksanaan yang positif ini moga-moga akan menjadi baik pada masa yang akan datang masyarakat dan negara kita.

7.05 *mlm.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu suka menyatakan terima kasih di atas peluang yang diberi ini. Setelah saya mengikuti penjelasan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi, nyatalah bahawa soal masa depan pelajar-pelajar kita terutama di Pusat-pusat Pengajian Tinggi seperti di Universiti ini sangat penting. Oleh sebab itu Rang Undang-undang ini adalah satu masalah yang penting di dalam perbahasan kita pada petang ini.

Saya rasa saya tidak hendak menyentuh banyak perkara, cuma saya suka menarik perhatian pihak yang berkenaan dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini nanti, setelah diluluskan, perkara-perkara yang patut diambil perhatian berat bagi menjamin tercapainya tujuan Rang Undang-undang ini ialah dalam perlaksanaannya. Sebagaimana kita telah mengikuti perbahasan tadi, beberapa orang Ahli telah menyentuh, apa yang dimaksudkan oleh Rang Undang-undang ini.

Dalam masalah Jawatankuasa Tatatertib, yang dituju atau yang dimaksudkan dalam

Rang Undang-undang ini saya dapati adalah satu perkara yang amat penting sekali sebab dalam pelaksanaannya nanti, perkara tata-tertiblah yang menjadi pokok-pangkal kepada keselamatan pelajar-pelajar kita untuk mencapai maksud pelajaran tinggi dan untuk mencipta pemimpin-pemimpin negara kita pada masa depan bagi mengambil alih pentadbiran negara kita dan dengan itu menjamin keselamatan negara kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menitik-beratkan masalah tatatertib ini dalam beberapa perkara. Pertama sekali soal punca timbulnya tunjuk-perasaan yang melibatkan keadaan dalam negara kita di akhir tahun baru-baru ini akibat tindakan pelajar-pelajar ini, punca yang telah kita bersama maklumi sebagaimana yang telah banyak disentuh ialah dari hasutan yang dilakukan oleh golongan anti nasional dan juga golongan kominis yang suka hendak mengacau ketenteraman rakyat dalam negara kita ini dan juga ketenteraman pelajar-pelajar kita supaya mereka dapat mengambil kesempatan dari keadaan kacau-bilau itu.

Punca ini, pada pendapat saya, kalau kita menitik-beratkan pelaksanaan dalam universiti dari segi tatatertib yang dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini, akan menjamin pelajar-pelajar kita dan juga kampus-kampus Universiti itu daripada digunakan oleh anasir-anasir anti nasional tadi. Saya katakan demikian, kerana pelajar-pelajar kita yang telah mempunyai pelajaran tidak akan semudah itu dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir yang tidak diingini kalau mereka telah ditanam dengan perasaan, jiwa dan pemikiran yang benar-benar tertumpu kepada tatasusila dan keharmonian di dalam negara ini. Sebagaimana kita dapati di dalam Rukunegara yang telah kita bersama-sama junjung tinggi, hormati dan kita bersama-sama mengakui untuk melaksanakannya. Masalah ini adalah satu masalah yang penting, yang perlu diberi perhatian bukan sahaja dari segi dakwah, penerangan secara sukarela, kalau perlu kita wajibkan kepada tiap-tiap pelajar baik di peringkat menengah sampai ke peringkat tinggi seperti di universiti, diwajibkan kalau perlu pelajar-pelajar kita ini mempelajari dan memahami supaya mentality mereka dapat disesuaikan dengan konsep dan kehendak serta tujuan Rukunegara yang kita telah sama-sama terima. Jadi untuk mencapai matlamat ini pada saya

perlulah Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri supaya pelajaran tatasusila dan juga bagi pelajar-pelajar Islam pelajaran rohaniah dilaksanakan diberi betul-betul; kepada yang bukan Islam pelajaran tatasusila juga diwajibkan supaya sesuai dengan semangat Rukunegara yang telah kita terima bersama. Masaalah ini selain daripada kita dapat memberi pandangan dan mengubah fikiran pelajar-pelajar yang kurang mempunyai pengetahuan dan kurang yakin dengan tatasusila yang baik ini dapat mencipta keadaan yang harmoni dalam Malaysia ini dengan kehidupan bersama hormat-menghormati antara pelajar sama pelajar, kaum dengan kaum, murid dengan guru dan mahasiswa-mahasiswa dengan penyuruhnya. Jadi begitulah seterusnya antara rakyat dengan pemimpin negaranya dan Kerajaan. Tatasusila seperti ini perlu disemat dan ditanam betul-betul melalui usaha-usaha pelajaran dan melalui mata-pelajaran yang diperwajibkan kepada mahasiswa-mahasiswa itu. Jadi masaalah ini dapat dihindar, dapat disekat hasutan yang mungkin akan dilakukan oleh golongan anti nasional pada masa akan datang.

Selain daripada merevolusi mental pelajar-pelajar kita melalui Gerakan Dakwah kepada orang Islam, pelajaran rohaniah bagi orang Islam, melalui pelajaran tatasusila kepada orang bukan Islam, mereka benar-benar telah masak dalam masaalah ini, mereka tidak akan mudah terpengaruh atau dihasut oleh anasir-anasir yang tidak diingini tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga pihak Kerajaan dan Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian Penerangan sentiasa memberi penjelasan dan menerima apa sahaja cabaran umpamanya demi untuk mendapatkan penjelasan yang benar-benar daripada Kerajaan kepada kampus-kampus yang berkenaan, maka dengan cara ini juga dapat menghilangkan kekeliruan yang mana timbul berpunca daripada hasutan yang digunakan oleh anasir-anasir yang tidak diingini tadi mengelirukan fikiran pelajar-pelajar kita dan kalau kita kurang pula memberi perhatian untuk menyampaikan penjelasan-penjelasan dan penerangan-penerangan daripada pihak Kerajaan di atas sesuatu keadaan yang sebenar maka akan terancam pelajar-pelajar kita ini dengan hasutan dan kekeliruan yang boleh menimbulkan keadaan tidak puas hati dari kalangan pelajar-pelajar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masaalah membaiki peribadi pelajar-pelajar kita yang akan menjadi pemimpin masa hadapan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama, tanggungjawab bukan sahaja kepada Kementerian Pelajaran, tetapi tanggungjawab kepada Majlis Universiti itu sendiri dan juga kepada ibubapa mahasiswa-mahasiswa itu sendiri, supaya benar-benar pelajar-pelajar ini menjadi seorang pemimpin, seorang manusia yang terpelajar yang dapat memimpin masyarakatnya pada masa akan datang, samada mereka ini akan keluar menjadi pemimpin negara, menjadi pegawai tadbir, pemimpin-pemimpin perkumpulan di kampung masing-masing atau menjadi ahli-ahli firma, swasta, business (perniagaan) dan sebagainya itu terpulanglah kepada keadaan masing-masing, tetapi dengan satu bentuk peribadi yang baik yang mempunyai tatasusila yang menguntungkan kepada negara kita ini. Jadi percayalah, Tuan Yang di-Pertua, kalau seberapa maju sekali pun negara kita ini, samada dalam bidang kewangan, ekonomi mahupun dalam bidang pelajaran, kalau tidak disertai dengan tatasusila dan peribadi di kalangan masyarakat kita maka masyarakat itu akan senang dipergunakan oleh anasir-anasir yang bertentangan dengan kehendak negara kita ini akan mudah diperalatkan oleh mereka. Dan dengan kemudahan itu, kebetulan pula mereka mempunyai pelajaran, mereka mempunyai ekonomi yang baik, mereka gunakan segala kemudahan ini untuk menentang negara kita balik. Ini ialah satu masaalah betapa pentingnya tatatertib, tatasusila, didikan rohaniah dan juga peribadi yang baik di kalangan pelajar-pelajar yang akan menjadi pemimpin negara kita pada masa akan datang penting sekali diambil perhatian oleh pihak Kerajaan sekarang ini.

7.16 mlm.

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebentar tadi.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran kerana di dalam negara Malaysia kita, saya anggap Kementerian Pelajaranlah satu Kementerian yang paling susah untuk ditadbirkan. Kalau di negara lain ialah Kementerian Kewangan

seumpamanya, tetapi dalam negara Malaysia kita inilah satu Kementerian yang paling sukar dan susah sekali ditadbirkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia melalui Kerajaan sedang membelanjakan lebih kurang, kalau tidak salah saya \$14,000 bagi tiap-tiap seorang murid pada tiap-tiap tahun di universiti. Jadi Kerajaan kita patutlah sekarang membuat satu kawalan yang agak lebih ketat untuk mendisiplinkan murid-murid di universiti dan instituit pengajian tinggi di seluruh negara.

Demonstration yang dijalankan oleh pelajar-pelajar di universiti hendak disamakan sebagaimana demonstration yang dijalankan di luar negeri seumpama universiti di Thailand. Tetapi di Thailand demonstration dijalankan sebab penuntut ataupun rakyat tidak ada peluang untuk memilih pemimpin mereka lebih daripada 20 tahun. Di negara kita tiap-tiap lima tahun semua rakyat boleh memilih pemimpin-pemimpin mereka melalui pilihanraya. Jadi tidak ada sebabnya mereka membuat satu-satu perkara di luar undang-undang untuk melawan Kerajaan, sebab ada caranya kalau mereka tidak suka pada Kerajaan yang ada sekarang, mereka boleh keluar daripada universiti dan masuk bertanding dalam pilihanraya dengan calon-calon Kerajaan dan selepas itu terpulang kepada rakyat untuk memilih mereka. Kalau dipilih oleh rakyat maka merekalah yang akan duduk di kerusi Dewan Rakyat nanti dan akan memerintah negara ini.

Satu perkara lagi berkenaan dengan pemimpin-pemimpin politik yang menggunakan pelajar-pelajar, ini saya harap akan dikurangkan pada masa hadapan, sebab kita nampak benar-benar yang perkara ini dibuat dan patut diberhentikan tetapi ada satu-dua perkara yang saya suka membuat teguran berkenaan dengan Rang Undang-undang ini.

Berkenaan dengan Seksyen 15(3) nampaknya undang-undang ini terlampau luas dan saya rasa akan menyekat sebagaimana yang tertulis: "Tiada sesiapa juga, semasa menjadi seorang pelajar Universiti, boleh menyatakan" Ini saya harap akan mendapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri, sebab saya rasa ragu-ragu sedikit berkenaan dengan Seksyen ini samada apa yang dibuat di sini agaknya

ketat sedikit yang tidak akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita untuk membuat satu-satu expression yang akan menolong atau membina otak ataupun pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Seksyen 15D (1). Mengikut tafsiran di sini: "Jika seseorang pelajar Universiti diper-tuduhkan atas suatu kesalahan jenayah . . ." Yang sepatutnya di sini dimasukkan "kesalahan jenayah di dalam Akta ini". Kalau mengikut tafsiran ini, jikalau seseorang penuntut itu terlanggar dengan motor car ataupun traffic offence misalnya, itupun jenayah juga. Saya harap perkara ini dapat diperhatikan, saya percaya ini bukanlah kesalahan Kementerian yang berkenaan tetapi barangkali patut diperbetulkan oleh Penggubal Undang-undang apabila kita luluskan Rang Undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menggunakan undang-undang ini dengan saksama lagi adil dan dengan tegas untuk menjayakan tujuan-tujuan yang terkandung di dalam Akta ini.

7.24 m/m.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Saya menyokong dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana membentangkan Rang Undang-undang ini tetapi pada fikiran saya Akta ini harus dikeluarkan lebih awal lagi. Dengan adanya undang-undang yang seperti ini akan melicinkan pentadbiran semua pihak yang berkenaan.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, there is one point I would like to bring to the notice of the Honourable Minister of Education and that is the proposed amendment on page 15, Clause (f) to Section 18 which reads as follows:

"(i) by substituting for the words "A Faculty shall elect from among its members a Dean and at least one Deputy Dean" appearing in subsection (3) thereof the following:

"The Vice-Chancellor shall appoint a Dean in respect of each Faculty and at least one Deputy Dean".

Here if I may offer a suggestion, and it seems a fair one, the Section ought to provide for the Vice-Chancellor to appoint the Deans in concurrence with the Chairman of the University Council or the Honourable Minister.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak akan dikemukakan jika sekiranya tidak mendapat ilham daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

It is true that the passing of this Act is going to affect the morale of the students of higher learning both of the present and the future generations and somebody mentioned even our future leaders too. We realise that because of the misguided activities of a few, even those of good moral conduct and behaviour have to keep to the letter of the law once it is passed. This is rather unfortunate but under the circumstances, it is deemed to be very necessary. Naturally, it pains one's heart—though it is said that the pain that is borne best by one is that of another—for us to inflict such strict measures to discipline our present-day youths as a whole, and I know our Honourable Minister of Education will be the last one to do so. But if one reflects on recent incidents and give serious thought to them, and at the very outset on the way these were handled by the administrators of the University, saya fikir semua rakyat Malaysia akan menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk kebaikan negara kita Malaysia.

7.26 *mlm.*

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Pindaan Rang Undang-undang Universiti dan Kolej ini. Sebenarnya saya tidak hendak bercakap panjang lebar kerana saudara-saudara saya telahpun mengulas dengan lebih panjang dan hanya hendak memberi sedikit sahaja pandangan saya terhadap Kementerian ini.

Memanglah kena pada tempatnya undang-undang ini dipinda. Tujuan yang besarnya ialah supaya penuntut-penuntut di Pusat-pusat Pengajian Tinggi tidak mengabaikan tugas-tugasnya yang mana Kerajaan telah banyak mengeluarkan perbelanjaan kepada tiap-tiap orang penuntut. Dengan adanya pindaan ini penuntut-penuntut tentulah

berasa takut sedikit untuk bertindak dengan sewenang-wenangnya. Apa yang saya ingin syorkan bahawa Pusat-pusat Pengajian Tinggi hendaklah jangan diadakan di Kuala Lumpur sahaja dan dengan berkumpulnya di sini mereka dengan senang dapat mengadakan tunjuk perasaan dan menjadi susah pula kepada pihak yang berkenaan hendak mengawalinya.

Pihak yang berkenaan patut mengambil perhatian di atas cadangan seorang Ahli Dewan Rakyat baru-baru ini supaya Pusat-pusat Pengajian Tinggi hendaklah diadakan di tempat-tempat yang jauh daripada bandar ataupun di negeri-negeri yang kurang maju.

7.28 *mlm.*

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebentar tadi. Kita mengalu-alukan Rang Undang-undang ini dan inilah harapan kita bahawa Kerajaan mengambil tindakan yang wajar bagi menjaga keselamatan negara dan keturunan kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini telah dikemukakan setelah kita menghadapi masalah-masalah yang tidak kita sangka. Pada masa Akta Universiti dan Kolej dikemukakan di Dewan ini tentulah tidak terfikir oleh kita bahawa suatu perkara akan timbul dengan Akta itu dan suatu kebebasan yang tidak terhad kepada mahasiswa-mahasiswa di setiap Universiti itu tidak disalahgunakan oleh mahasiswa atau penyarrah-penyarrah universiti. Tetapi setelah anasir-anasir luar, anasir-anasir politik masuk dalam dengan tujuan hendak mempengaruhi mereka itu supaya memihak kepada pendapatnya, memihak kepada fikirannya, maka pintu universiti itu terbuka siang dan malam untuk aktiviti-aktiviti politik oleh anggota-anggota politik dan dengan tidak ada tapisan sedikit pun, dengan alasan bahawa kawasan Universiti itu kononnya ialah kawasan otonomi di mana setiap orang boleh menggunakannya, bercakap apa sahaja sehingga di sudut-sudut kampus universiti itu ada tempat untuk berlatih bersyarah, berlatih berpidatu dan daripada sudut inilah, kita nampak kebebasan yang tidak terbatas ini telah disalahgunakan. Malang sekali pindaan Akta Universiti ini terpaksa kita buat dengan adanya demonstrasi-demonstrasi yang telah ditunjukkan

oleh mahasiswa kita pada bulan Disember tahun sudah. Kalau sekiranya tidak berlaku demonstrasi mungkin agaknya Kerajaan tidak terfikir untuk hendak membetulkan Akta ini. Tetapi setelah kita digugat, setelah kita dicabar oleh mahasiswa-mahasiswa kita dengan mempergunakan segala kebebasan yang telah diberikan kepadanya pada awalnya maka baharulah kita sedar bahawa yang kita berikan kebebasan itu adalah membahayakan kita. Sekalipun apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kebebasan akademi itu tidak ada sangkut menyangkutnya dengan kebebasan seseorang di dalam kampus universiti dan mereka adalah tertakluk kepada sebarang undang-undang yang dipunyai oleh negara ini, mereka tidak boleh bertindak dengan sewenang-wenang dan sesuka hati, mereka terpaksa tertakluk kepada perlembagaan negara dan undang-undang negara dan kalau mereka melakukan sesuatu jenayah tidak ada satu payung yang mereka boleh berlindung daripada dikenakan dengan undang-undang itu. Tetapi penafsiran oleh mahasiswa kita terhadap kebebasan itu juga adalah satu penafsiran yang samar-samar.

Saya pernah pergi ke dalam kampus universiti itu dan memberikan syarahan-syarahan pada masa yang mereka perlukan saya. Apa yang dikemukakan oleh mereka ialah kenapa Akta Universiti ini mengekang kami, tidak memberikan kebebasan kepada kami, tidak memberikan kepada kami aktiviti-aktiviti yang boleh melayakkan kami pada suatu masa menjadi pemimpin. Inilah yang menjadi motif daripada mahasiswa-mahasiswa kita sekalipun tidak pada seluruhnya banyak di antara mereka itu yang taat kepada undang-undang, taat kepada hak dan kekuasaan yang ada padanya, tetapi sebahagian daripada mereka itu telah menggunakan Akta Universiti ini sebagai alat untuk menyerang Kerajaan. Tentulah Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang ada sekarang pun pada suatu masa dahulu pernah dihujani dengan masalah-masalah Akta Universiti ini.

Tuan Yang di-Pertua, malang sekali orang yang paling tidak popular di tengah-tengah masyarakat mahasiswa ialah Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sekarang. Setelah beliau mendapat tempat yang begitu baik pada suatu masa dahulu dengan harapan

bahawa inilah pemimpin kita yang hendak memimpin kita ke arah yang lebih sempurna dalam sebuah negara yang adil, negara yang penuh kemakmuran dan kebahagiaan tetapi setelah Menteri ini memegang jawatan Menteri Pelajaran maka malang timbul kepada beliau dan malang yang timbul kepada beliau ini bukan harus dipikul oleh beliau sebagai seorang Menteri Pelajaran, tetapi harus dipikul oleh kita semua, oleh setiap anggota Dewan, baik Dewan Rakyat atau Dewan Negara ini memandang perkara ini ialah perkara nasional, perkara yang mustahak, perkara yang urgent yang mesti diselesaikan segera, sebab masalah ini sekarang telah merebak bukan sahaja ada di dalam negara kita, tetapi mereka telah membuat surat-surat sebaran ke luar negeri di mana mahasiswa-mahasiswa kita ada di luar negeri. Mereka telah meracun sebahagian fikiran daripada mahasiswa kita di London, Cairo, Australia, New Zealand dan di mana-mana sahaja mahasiswa kita berada di luar negeri yang menyatakan bahawa kebebasan mahasiswa di universiti atau di Malaysia adalah tergugat dengan Undang-undang Akta Universiti dan pindaannya yang ada sekarang. Jadi nyatalah yang kita hadapi sekarang ini bukanlah sebagai seorang dengan seorang, bukan sebagai seorang Menteri dengan satu pasukan yang dinamakan mahasiswa atau universiti tetapi satu golongan yang kita katakan Kerajaan dengan satu warganegara yang harus kita salurkan mereka itu ke jalan yang lebih sempurna yang mendatangkan keuntungan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Universiti ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tidak sama sekali memberikan kongkongan terhadap mahasiswa itu untuk mempelajari apa sahaja. Apa juga ideologi politik yang hendak dipelajarinya sehingga mereka itu boleh membaca das kapital di dalam universiti, tetapi satu perkara yang penting yang harus kita ambil perhatian dengan kebebasan akademi ini sahaja pun akan dapat mengancam kita pada suatu masa yang akan datang, sebab fahaman daripada mahasiswa kita sampai ke peringkat memperkatakan students power di mana-mana negara yang telah terlibat dengan gerakan-gerakan demonstrasi-demonstrasi pelajar telah membuktikan bahawa kekuatan pelajar itu memang ada.

Di Thailand dan Indonesia misalnya sehingga dapat merubahkan satu corak pemerintahan, merubah satu corak pemimpin kepada satu pemimpin yang lain dan pada suatu masa pernah pelajar-pelajar atau mahasiswa-mahasiswa menunjukkan apa yang mereka mahu. Ini menunjukkan bahawa students power di negara-negara itu telah menunjukkan wajah dan bentuk dan ilham inilah yang telah memberikan kepada mahasiswa-mahasiswa kita di sini dengan ketidakpuasannya terhadap beberapa rancangan-rancangan Kerajaan.

Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tentang kebuluran rakyat di Baling menjadi issue yang pertama oleh mahasiswa mengadakan demonstrasi, sekalipun kita katakan benda atau perkara yang dikemukakan ini tidak ada, tidak wujud, sebenarnya ada orang mati kebuluran, tetapi mesti ada sebab-sebab yang lain yang mereka gunakan ini sebagai issue dan oleh kita sebagai pemerintah harus menyiasat sejauh mana perkara-perkara disebalik perkataan mati kebuluran ini sebenarnya wujud di tengah-tengah demonstrasi yang mereka adakan. Rakyat miskin walaupun di mana juapun di luar bandar merasakan bahawa tindakan mahasiswa mereka anggap sebagai Malai-kat-malaikat yang datang dari langit yang mereka itu suci, bersih, yang tidak ada sesuatu maksiat dan kekotoran di dalam otak dan fikiran mereka yang datang untuk menyelamatkan rakyat yang teraniaya, mereka datang sebagai Rasul untuk menyelamatkan orang-orang yang kononnya mati kelaparan dan kebuluran. Jadi tindakan seperti yang dilakukan oleh mahasiswa kita baik di Baling mahupun berekur ke Kuala Lumpur ataupun ke Ipoh dan sebagainya, ini membayangkan kepada kita betapa kita tidak begitu bercermat mengadakan suatu peraturan untuk masa hadapan anak-anak kita. Manakala kita bercakap dalam hal akhlak-akhlak anak-anak yang disentuh oleh Yang Berhormat Menteri bahawa akhlak anak-anak itu harus dikongkong oleh badan-badan yang tertentu di dalam universiti yang disebutkan oleh Akta ini supaya badan ini dapat mengongkong akhlak anak-anak itu, tetapi anak-anak atau mahasiswa-mahasiswa ini sudah berumur hampir dua puluhan dan mereka telah menjadi buluh bukan lagi rebong. Kalau di masa

sekolah rendah Darjah I hingga Darjah VI, Tingkatan I, Tingkatan IV dan Tingkatan V bolehlah kita katakan mereka masih rebong lagi, boleh kita lentur apa bentuk cara kehidupan Malaysia pada masa yang akan datang tetapi permulaan inilah yang tidak kita meletakkan asasnya yang kukuh. Kita yakin dan percaya bahawa ada pelajaran ugama, pelajaran akhlak di sekolah-sekolah rendah, menengah, menengah tinggi dan sampai kepada pengajian-pengajian tinggi tetapi asas yang mula ini merupakan foundation yang tidak kukuh, yang pada suatu masa dia akan runtuh atau dikuda-kudakan oleh suatu fahaman yang lain dan manakala mahasiswa atau pelajar kita ini masuk ke universiti maka keliaran hidup di luar universiti menjangkitkan kepada kehidupan universiti dengan alasan bahawa kita hidup secara bebas, secara merdeka, kita dikongkong oleh Akta Universiti ataupun kebebasan otonomi yang ada kepada kita, ada pagar di sekeliling kita, boleh naik skuter tanpa lesen, boleh bawa kereta tanpa lesen, boleh masuk ke rumah orang pukul 3.00 malam dan kita boleh bawa mahasiswa ke rumah kita pukul 4 subuh dan sebagainya.

Ini penyakit masyarakat yang telah menjangkit ke dalam kehidupan mahasiswa-mahasiswa, menjadikan mereka itu melupakan tugas yang sebenarnya, tugas yang diberikan oleh negara, oleh rakyat kepada mereka, tugas yang mesti mereka pikul, tugas yang mesti mereka sempurnakan. Mereka lupa, oleh kerana pengawasan yang tidak begitu ketat dari segi akhlak. Kalau kita katakan, "Kenapa engkau menyimpan rambut panjang"? Mereka jawab, "Kenapa aku tak berambut panjang sedangkan pensyarah, sedangkan mahaguru, sedangkan professor rambutnya lebih panjang daripada saya". Kalau kita katakan, "Kenapa engkau tidak mengerjakan sesuatu yang baik untuk masyarakat?" Mereka jawab, "Bagaimana saya hendak melakukan kebaikan kepada masyarakat sedangkan guru ataupun pensyarah yang mengajar saya tidak berbuat begitu." Jadi, dipandang dari sudut ini tanggungjawabnya kait-mengait. Kalau ibarat semalam ditimbulkan masalah dosa bukanlah dosa itu harus dipikul oleh mahasiswa sahaja, tetapi harus dipikul sama oleh pensyarah-pensyarah universiti oleh Naib Canselor, oleh Badan Pentadbiran Universiti itu sendiri malah oleh Kerajaan dan

terutama sekali syer atau saham yang paling besar yang menerimanya ialah Menteri Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kasihan kepada sahabat saya Menteri Pelajaran apabila menghadapi masalah yang rumit seperti ini, tetapi mujurlah beliau tidak berdiri seorang di dalam menghadapi masalah ini. Apa yang kita perlukan sekarang ini apakah pindaan Akta Universiti ini benar-benar akan dapat mencapai maksud dan tujuan kita menjadikan Universiti itu tempat pengajian tinggi, tempat penyiaran akademik, tempat penyiaran ilmu pengetahuan, tanpa diganggu-gugat oleh sebarang kuasa politik atau apa jua kepada otak dan fikiran mereka. Dapatkah kita sebenarnya memberi jaminan bahawa pensyarah-pensyarah universiti itu tidak menjadi kuda tunggangan daripada satu parti politik yang menentang Kerajaan, dapatkah kita menjamin bahawa mahasiswa kita itu akan tertakluk ke bawah Akta Universiti ini. Biasanya, menurut pandangan ilmu jiwa, berapa besar sekalipun, seberapa keras tekanan, maka tekanan-tekanan itu akan ada reaksinya. Seberapa besar reaksi, reaksi lain akan timbul. Kalau kita katakan kita memicit tepung yang telah diuli, sekuat mana kita memicit tepung itu, dia akan keluar mengikut tempat-tempat yang kosong. Jadi kita berasa takut kalau Akta Universiti ini akan dijadikan oleh mereka sebagai alasan untuk menggiatkan lagi kegiatan-kegiatan mereka dan kalau berlaku demikian, maka malang kepada kita sekali lagi kerana kita terpaksa menghadapi masalah ini dengan meletakkan Pasukan-pasukan Keselamatan untuk mengawal mereka itu. Kalau teori ini benar, teori daripada Menteri Pelajaran ini benar bahawa mereka terpaksa dikawal oleh Pasukan Keselamatan kita, maka akan terbukalah pintu-pintu di sempadan-sem-padan negara kita ini untuk subversif yang lebih berleluasa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang mesti kita fikirkan iaitu selain daripada Akta yang ada di hadapan kita ini dengan hukuman-hukuman yang ada di dalamnya untuk mengatakan kepada seseorang mahasiswa itu kalau terlibat dengan sesuatu kegiatan dan sabit kesalahannya, maka dia akan dihukum dan di dalam masa dia itu dituduh, maka dia terpaksa dikeluarkan daripada universiti atau tidak dibenarkan masuk keluar daripada kawasan kampus universiti.

Soal ini memang benar, baik, dan bagus untuk menjaga keselamatan bagi pelajar-pelajar yang lain tetapi pada fahaman saya sendiri selain daripada kita menekankan beberapa fakta yang ada di dalam Akta ini kepada mahasiswa itu kita percaya bahawa cara berterus-terang, terutama sekali Menteri Pelajaran kita dengan cara berterus terang, berani berhadapan dengan mahasiswa dengan Akta yang kita pinda ini, kita patut berani berhadapan dengan mereka di mana juga, di universiti mana juga, dan malahan kalau mereka tidak mengundang dengan kuasa yang ada kepada Menteri Pelajaran buatlah sesuatu usaha untuk berhadapan dengan mahasiswa itu bawa Pindaan Akta ini, terangkan perkara yang sebenarnya, dan kalau Menteri itu mati pun mati syahid kerana dia memperjuangkan yang hak, untuk menjaga keselamatan mereka itu. Apa yang ada pada masa yang sudah iaitu adanya gap, atau pemisahan di antara mahasiswa itu dengan pemimpin kita. Mereka yang pergi masuk ke dalam kumpulan mahasiswa itu bukanlah pemimpin daripada pihak Kerajaan, tetapi pemimpin daripada orang-orang yang telah frust, pemimpin daripada orang yang telah kalah di dalam pilihanraya, daripada orang yang hilang deposit dalam pilihanraya umum. Orang-orang ini yang ada hubungan dengan mahasiswa dan bagi kita yang telah menang hingga ada yang telah menjadi Menteri, ada yang menjadi Ahli Dewan Rakyat, Wakil Rakyat, tak ada masa langsung untuk berhadapan dengan mereka itu, barangkali sibuk dengan kerja-kerja masing-masing. Cuba kita ubah sikap, sebab anak-anak kita yang hendak kita jadikan pemimpin pada masa hadapan. Cuba kita ubah sikap kita, kita berani berhadapan dengan mereka itu. Kami ini kepada mahasiswa itu tidaklah ada apa maknanya, ini Senator buruk sahaja, orang takkan menghormati, tetapi kalau dia seorang Menteri barangkali ada kehormatan diberikan kepadanya, sekalipun mungkin akan terima "boo" seperti mana boo yang telah diterima oleh Menteri Pelajaran, tetapi hendaklah kita terima dengan manis muka, kerana yang membookan kita itu adalah anak-anak yang belum cukup akhir baligh, kerana mereka masih di dalam universiti lagi. Jadi ada gap yang selama ini ada di antara pemimpin kita dengan mahasiswa, cuba hubungkan balik jurang itu, cuba rapatkan semula, jangan kita buat seperti menjala ikan, kita lepaskan jala kita, kita tak peduli siapa yang kena, besar pun tak apa, kecil pun tak apa, ikan

limbat pun tak apa, ikan sepat pun tak apa. Jangan seperti itu sikap kita. Sikap kita harus kita pergi ke sana, sebab kita pemimpin, kita yang diamanahkan oleh rakyat, pergilah berjumpa ke sana dan berhadapan dengan mereka, berdialog dengan mereka. Kalau sekiranya kita hanya berdialog dengan rakyat, rakyat hanya akan meminta, kenapa jalanraya tidak dibuat, kenapa letrik tak masuk, tiang sudah ada dua tahun. Itu sahaja dialog yang dikemukakan oleh rakyat kepada kita. Tetapi kalau kita berdialog dengan mahasiswa tidaklah demikian. Mereka akan bertanya kenapa sistem ekonomi kita ini masih sistem kapitalis, kenapa tidak diubah sistem itu, kenapa tidak dibuat satu sistem baru daripada sistem ekonomi yang ada sekarang. Mereka keluarkan idea, maka kita hadapilah idea mereka itu dengan idea, theory serta praktik yang kita dapat buat.

Pada satu masa dahulu ada orang menuduh dengan theory bahawa dengan adanya rancangan Kerajaan, rancangan FELDA akan menjadikan rakyat sebagai buruh kepada Kerajaan, menjadi hamba abdi kepada Kerajaan. Kalau dia mati, dia tak dapat mewariskan harta itu kepada anak-anaknya. Ini bukan sahaja disebut oleh orang kampung, tetapi disebut oleh mahasiswa, tetapi waktu itu kita berani berhadapan dengan mereka itu, kita berdialog dengan orang ini dan akhirnya sekarang ini apa yang mereka fikir bahawa mereka itu di FELDA sebagai buruh kasar sebenarnya tidak berlaku. Jadi Akta Universiti ini pun demikian, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi ke sana, berhadapan dengan mereka itu, kerana tidak ada satu clause pun dalam Rang Undang-undang ini yang mengatakan engkau jangan belajar pelajaran yang setinggi-tingginya yang engkau boleh capai, tetapi capailah pelajaran yang setingginya sehingga menjadi mahaguru (professor), menjadi orang yang paling bijak dalam dunia inipun boleh. Tetapi dalam masa engkau mencapai ilmu pengetahuan dengan wang rakyat yang kita bayar hendaklah engkau memandang bahawa engkau mesti membayar kepada rakyat. Cara membayarnya kepada rakyat, ambillah pengetahuan itu setinggi mungkin, kemudian balik semula ke dalam masyarakat dan betulkan masyarakat seperti yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, kalau sudah keluar daripada universiti, kita ada otak, bergeliga otak kita, kalau tak sanggup menjadi pegawai Kerajaan, kerana pegawai Kerajaan misalnya

lambat naik, masuk swasta. Kalau tak cukup makan, masuk politik, politik terbuka, kalau tak ada tempat di dalam parti Kerajaan, masuk di dalam parti yang lain, waktu itu cuba nasib kita, serahkan kepada rakyat. Kalau rakyat memilih, jalankanlah usaha awak; kalau rakyat tidak memilih, cari jalan lain, biar berterompah kayu, cuba sehingga tercapai maksud setelah kita mempunyai fikiran, kelayakan, ijazah yang diakui oleh dunia dan oleh kita sekalian. Tetapi alangkah malangnya kepada bangsa bumi-putra yang mengharapkan jenerasi yang akan datang ini, jenerasi yang boleh membimbing rakyat, membimbing kita ke arah yang lebih sempurna, harapan kita pada saat sekarang ini hampa. Dengan Akta ini, kita harap tidak akan menghampakan harapan kita. Yang menguntungkan dengan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, yang menunggu dengan hati yang berdebar-debar sejak daripada dikemukakan di dalam Dewan Rakyat ialah yang pertama sekali rakyat, ibu-bapa. Ibu-bapalah yang terasa dengan Rang Undang-undang ini, apa akan jadi kepada anak aku dengan keadaan yang terbiar.

Dengan Rang Undang-undang ini sebagai seorang doktor tentulah doktor tahu kalau dia berpenyakit, yang ditunggu oleh seorang pesakit ialah ubat yang boleh menyembuhkannya dan senyum seorang doktor kepadanya, dan manakala ubat ini diberikan kepada sipesakit dan dirasakannya bahawa ubat itu boleh menyenangkan dirinya, dia bukan sahaja mengangkat tangan kepada seorang doktor itu, tetapi dia akan menghormatinya sampai bila-bila. Jadi itulah dia juga penyakit yang ada di dalam mahasiswa kita, masyarakat mahasiswa kita itu penyakit yang sangat merbahaya, dan inilah ubatnya sekarang. Dan pakar doktor kita, terutama sekali Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita membuat satu pill yang mesti ditelan oleh mahasiswa-mahasiswa, yang mesti ditelan oleh mereka dalam pengajian tinggi dan kalau pill yang diberi ini mujarab, dapat menghilangkan penyakit yang ada kepada mahasiswa sekarang, bukan sahaja mahasiswa itu pada masa yang akan datang angkat tangan, mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, tetapi kita, ibu-bapa sekarang telah mengangkat tangan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas usaha pengeluaran pill yang pahit ini. Pada mahasiswa kita serukan

supaya mereka sanggup menerima pill yang pahit ini, kerana mereka akan menjadi bapa pada masa yang akan datang, mereka juga mengharapkan anaknya akan masuk ke dalam universiti dan akan menjadi orang yang baik, orang yang berpelajaran tinggi dan dia tidak mahu anaknya menjadi samseng di mana-mana pun.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soal-soal yang besar seperti ini, saya tidak yakin bahawa mereka yang mengadakan demonstrasi ini sebagai satu ilham daripada kegiatan-kegiatan kominis, saya tidak yakin bahawa mereka itu ada hubungannya dengan kegiatan-kegiatan kominis di luar negeri, tetapi apa yang sebenarnya pada faham saya ialah cara kebetulan sahaja seperti pepatah orang Melayu mengatakan: Enggang lalu ranting patah, anak raja ditimpunya—cara kebetulan. Bila enggang itu lalu bukan kerana enggang itu melepaskan bom, tetapi cara kebetulan ranting itu patah dan cara kebetulan pula ranting yang patah ini ditimpunya anak raja dan anak raja itu mati, bukan kerana suatu teori, suatu rancangan yang teratur, tetapi secara kebetulan. Jadi adanya demonstrasi kita sekarang ini secara kebetulan adanya kegiatan-kegiatan orang di luar. Dengan cara perasaan yang seperti ini kita akan menghadapi masalah ini dengan secara lebih toleransi, lebih berlapang dada. Tetapi kalau sekiranya kita menekankan dengan adanya Kertas Putih (White Paper), betul kita boleh mengatakan begitu ada hubungannya, tetapi manakala kita letakkan di situ kedudukan kita, kita telah mempunyai satu perasaan prejudice terhadap mahasiswa kita. Oleh kerana itu, kita seperti menarik rambut di dalam tepung, sedapat-dapatnya tepung janganlah terserak dan rambut janganlah putus, sebab anak kita ialah anak kita, orang Melayu ialah orang Melayu, mahasiswa kita ialah mahasiswa kita, mahu atau tidak mereka akan kita belanjakan, cuma masalahnya kita kongkong mereka. Pengongkongannya kalau tak cukup dengan Akta ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran bolehlah memindanya pada bila-bila masa dan percayalah bahawa kedua-dua Dewan akan menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdoa kepada Tuhan bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran jangan takut menghadapi masalah ini dan sekali berusaha untuk kepentingan rakyat, akan selamanya kita berikan sokongan kepada rakyat.

7.55 mlm.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri dengan perasaan yang amat sedih; sedih kerana saya terpaksa bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya di sini meluluskan undang-undang yang semacam ini; sedih kerana begitu ramai penuntut-penuntut universiti yang telah kita menumpukan harapan yang sebesar-besarnya telah menghampakan kita; sedih kerana kebanyakan penuntut-penuntut yang mendapat faedah tidak mengenangkan betapa banyaknya wang ringgit dan tenaga yang telah dihabiskan untuk mereka. Kita sedar ada beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini yang pahit dan pedas yang susah hendak dimakan, tetapi kita sedar bahawa ini perlu untuk menjaga bukan sahaja keutuhan negara kita, tetapi juga untuk menjaga kebaikan penuntut-penuntut itu sendiri.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri yang pada satu masa dahulu aktif di dalam golongan pelajar—saya percaya beliau sendiri merasa sedih kerana terpaksa membawa Rang Undang-undang yang semacam ini. Seperti juga di dalam kedudukan dharurat kita terpaksa membuat suatu undang-undang yang tegas kerana mempertahankan negara, begitu juga rasa saya masanya tepat, kerana kita membawa Rang Undang-undang ini bukan dengan sesuka hati, tetapi dengan sebab-sebab untuk mempertahankan kedudukan negara, mempertahankan kebaikan mahasiswa sendiri.

Saya berasa sedih kerana apa yang telah berlaku pada awal bulan Disember, 1974 telah mencemarkan nama baik negara kita, telah menghampakan beratus-ratus ribu harapan ibubapa, telah membawa kemarahan orang-orang yang membayar cukai kerana membiayai pelajar-pelajar yang istimewa itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan berapa banyakkah wang yang dibiayai untuk pelajar-pelajar yang istimewa ini. Saya tahu angka itu memang angka besar. Kalau kita tengok daripada Belanjawan Negara, sudah tentu kita nampak Kementerian Pelajaran adalah sebuah Kementerian yang banyak memerlukan wang dan universiti adalah badan yang mendapat habuan yang besar daripada peruntukan itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan sedikit kepada rakyat berapa banyaknya wang yang telah kita habiskan untuk menampung

pelajar-pelajar yang istimewa ini, bukannya sahaja dari segi penginapan mereka tetapi juga dari segi pembinaan universiti itu sendiri, menampung mahaguru, itu semuanya memakan belanja yang amat besar kalau dibandingkan dengan perbelanjaan, umpamanya di Kementerian Kesihatan yang juga penting kita belanja untuk kemajuan sosial di negara kita. Tetapi tidak ada! Pentingnya kerana wang begitu banyak telah kita beri untuk mahasiswa ini, dan tidakkah mereka terasa yang mereka itu telah menghampakan kita? Tidakkah mereka bertimbang rasa kepada kesusahan ibubapa mereka yang telah menghantar mereka ke tempat pengajian tinggi ini? Kita bukannya negara yang sudah membangun, kita masih lagi satu negara yang sedang membangun, kita masih lagi memerlukan banyak pemimpin-pemimpin dan itulah sebabnya sekarang ini kita mengadakan begitu banyak universiti supaya kita harap universiti-universiti itu akan mengeluarkan pemimpin-pemimpin bagi masa hadapan. Di Dewan ini kita telah dengar kita terpaksa mengambil doktor-doktor daripada luar negeri kerana doktor-doktor yang keluar daripada tanahair kita sendiri tidak mencukupi. Tetapi kalaulah masa mahasiswa habis dengan berdemonstrasi, dengan menjalankan tugas-tugas yang tidak berguna langsung, rasa saya itu satu tamparan yang hebat kepada rakyat, kepada ibubapa, kepada kita yang membayar cukai untuk membiayai mereka. Saya sendiri berharap beberapa peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini hanyalah buat sementara sahaja. Sebagai saya katakan awal tadi undang-undang semacam ini perlu diluluskan buat masa ini. Saya sedar ada beberapa peruntukan yang memang pahit, yang memang maung, yang memang susah hendak kita terima. Saya sendiri rasa susah hendak terima, tetapi saya katakan pada awal tadi saya sanggup meluluskannya kerana saya percaya dengan meluluskan Rang Undang-undang ini kita boleh mengawal dan membetulkan kedudukan yang telah berlaku dan moga-moga diharapkan mahasiswa kita dapat menuju ke jalan yang betul.

Saya sedar tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang kerana desakan daripada luar, daripada penuntut-penuntut, daripada orang-orang yang tidak bertanggungjawab supaya jangan diluluskan Rang Undang-undang semacam ini. Tetapi saya percaya tidak ada seorang pun ibubapa

yang bertanggungjawab, warganegara yang bertanggungjawab yang tidak berdiri di belakang Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh banyak perkara di dalam Rang Undang-undang ini, kerana saya tahu ada perkara yang pahit, tetapi saya sanggup menerimanya, barangkali cuma ada satu peruntukan yang saya hendak sentuh, dan saya minta penjelasan sedikit iaitu Fasal 8. Fasal 8 ini mempunyai dua seksyen kecil, yang pertamanya berkenaan dengan pelajar-pelajar yang menjadi ahli satu-satu pertubuhan yang sedia ada. Saya rasa Fasal 8 (1) ini tidak menjadi keberatan. Tetapi saya meminta penjelasan sedikit dari segi Fasal 8 (2).

Fasal 8 (2) berbunyi demikian:

“(2) Seseorang pemegang-jawatan bagi mana-mana pertubuhan yang, selepas tamat tempoh satu bulan dari mula berkuatkuasanya Akta ini, berupa sebagai ada mempunyai seorang pelajar sesuatu Universiti atau sesuatu Kolej Universiti sebagai ahlinya bersalahan dengan seksyen-kecil (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan di hukum denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.”

Jadi bila saya baca seksyen-kecil (2) ini, saya ada perasaan was-was sedikit kerana ini bukan dikenakan kepada mahasiswa ataupun penuntut-penuntut di universiti tetapi dikenakan kepada seseorang pemegang jawatan bagi mana-mana pertubuhan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan. Jadi kalaulah secara tidak langsung satu-satu pertubuhan itu mempunyai ahli yang menjadi penuntut di universiti dan dengan tidak diketahui oleh pertubuhan itu, jadi di bawah peruntukan ini mungkin pemegang jawatan itu boleh dituduh dan didenda. Jadi saya takut kalaulah di dalam Parti UMNO umpamanya ada seorang penuntut universiti tetapi tidak diketahui oleh Ibu Pejabat UMNO atau pemimpin UMNO, maka pemimpin UMNO iaitu pemegang jawatan seperti Presidennya ataupun ahli Majlis Tertingginya boleh dituntut di bawah peruntukan 8 (2) ini. Jadi saya rasa terpaksa lah kita berhati-hati sedikit di bawah Fasal 8 (2) ini kerana banyak pertubuhan-pertubuhan yang ada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, pertubuhan-pertubuhan yang baik, umpamanya, pertubuhan pertolongan cemas seperti St. John dan juga

banyak lagi, jadi ini secara tidak langsung boleh mengikat pemegang jawatan pertubuhan itu dengan bukan salah mereka.

Saya bersetuju supaya Fasal 8 (1) itu diadakan tetapi terpaksa kita berhati-hati bila kita hendak menguatkuasakan Fasal 8 (2) ini.

Saya juga sebagaimana Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi suka mendapat penjelasan samada Rang Undang-undang ini ataupun undang-undang ini setelah dikuatkuasakan akan dikenakan kepada penuntut-penuntut di pusat-pusat pengajian tinggi umpamanya di I.T.M., Politeknik Ungku Umar dan sebagainya. Pada pendapat saya mereka itu iaitu I.T.M. dan Politeknik Ungku Umar mungkin terlepas daripada undang-undang ini. Kalau mereka itu tidak terikat, saya rasa kita terpaksa juga mencari jalan yang lain yang mana mereka itu boleh dikawal, kerana kalau kita pandang daripada apa yang telah berlaku pada bulan Disember, 1974, sebenarnya penuntut-penuntut I.T.M. ada menjalankan perjumpaan sebelum daripada peristiwa Disember, 1974. Jadi kalau mereka tidak terikat, rasa saya tidaklah begitu adil, kita hendak pandang kepada semua institusi-institusi pelajaran tinggi yang mana kita hendak kawal di waktu ini.

Itulah sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, dan saya dengan perasaan dukacita menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan buat sementara waktu.

8.10 mlm.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan berkenaan dengan pindaan kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti Tahun 1971 ini. Saya ingin menjawab sedikit-sebanyak tentang teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya telah menyebutkan bahawa sebabnya penuntut-penuntut berkelakuan demikian ialah kerana pengaruh barat, ini tidaklah dapat dinafikan tetapi malangnya kita tidak boleh hidup terpisah daripada negara-negara lain dan walaupun

kita mencuba supaya pengaruh yang buruk daripada barat tidak menyerap di kalangan masyarakat kita, tetapi kadangkala terjadi juga perkara ini, dan dengan mengadakan undang-undang ini kita berharap bahawa perkara ini tidaklah merebak seperti yang terdapat pada ketika ini.

Kita sebenarnya tidak menyalahkan semua penuntut-penuntut yang ada di dalam universiti apa yang telah berlaku. Kita sebenarnya menyalahkan sebilangan yang kecil yang menjadi pemimpin kepada penuntut-penuntut itu dan mereka inilah yang telah menyusun usaha dan kerja supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan ini berlaku. Kita juga sedar bahawa ada pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam usaha ini. Saya ingin menerangkan bahawa seorang daripada pensyarah yang terlibat telahpun memberi syarat kepada penuntut-penuntut iaitu kalau mereka membuat jawapan di dalam peperiksaan umpamanya yang bertentangan dengan fahaman ideologi pensyarah ini maka mereka tidak akan lulus di dalam peperiksaan itu. Sebabnya pensyarah yang seperti ini juga dapat diambil oleh universiti sebagai pensyarah ialah oleh kerana kita berpendapat bahawa kalau kita bersikap liberal dalam perkara ini, maka pensyarah-pensyarah akan menghormati sikap kita dan mereka akan menjalankan kerja mereka dengan secara yang cukup adil. Tetapi malangnya didapati bukanlah banyak, sebilangan yang kecil daripada pensyarah-pensyarah yang ingin bukan sahaja bekerja dan mendapat pendapatan yang lumayan daripada universiti-universiti ini, tetapi juga untuk mengembangkan fahaman politik mereka dan perkembangan ini dilakukan melalui syarahan-syarahan mereka dan juga peperiksaan yang dijalankan oleh mereka. Perkara ini tidaklah sihat dan dengan sebab itu sebahagian daripada undang-undang ini ada kaitannya dengan tatatertib di kalangan pensyarah-pensyarah.

Kita tidak ingin melihat pensyarah-pensyarah menggunakan universiti untuk mengembangkan ideologi mereka. Kita ingin semua pensyarah mengecualikan diri mereka. Kita tidak berkehendakan supaya pensyarah-pensyarah mengembangkan ideologi Parti UMNO, Parti PAS ataupun parti mana-mana yang menyokong Kerajaan. Kita tidak ingin mereka berbuat demikian kerana kita tidak ada perlu mendapat sokongan daripada mereka. Kita ingin

melihat supaya mereka menjalankan tugas mereka secara orang yang berkecuali, secara orang yang melihat sesuatu dengan secara yang objektif dan bukan memikirkan bahawa ini adalah satu peluang untuk mengembangkan pengaruh mereka.

Berkenaan dengan Akta ini apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan ialah aktiviti penuntut di luar daripada universiti nampaknya tidak terkawal dengan kerana Akta ini. Sebenarnya aktiviti penuntut-penuntut adalah terkawal dengan kerana kita ada aturan dan peraturan yang menghadkan aktiviti-aktiviti mereka supaya tidak melibatkan diri dengan pertubuhan-pertubuhan di luar daripada kampus. Dan kalau mereka terlibat, maka tindakan disiplin mungkin akan dilakukan ke atas mereka. Jadi tidaklah benar bahawa kita tidak menghalang aktiviti mereka di luar daripada kampus.

Saya tidaklah ada apa-apa komen berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir selain daripada berkata bahawa kalau beliau itu ingin saya tegas, saya akan cuba tegas.

Berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I would agree that students basically are potential intellectuals but it does not necessarily follow that anybody who goes to a university automatically becomes an intellectual. My experience with some of the students has been rather disappointing in this area.

I would like to refer to Section 15 (3) which was raised by Dr Lim Ah Sitt and also by Datuk Syed Kechik, i.e. with regard to students not being allowed to express support of political parties, trade unions and other unlawful organisations. By expressing support it does not, of course, mean that if two persons speak to each other and say that they favour UMNO, therefore we would immediately arrest them. What is implied here is that the Section concerned is applicable if they would go round making speeches and generally making it quite clear that they are spending their time supporting

the activities of political parties. It also does not mean that if they were to vote in a General Election and support someone, therefore they would be arrested. The vote essentially is secret and if a student supports someone, it does not necessarily mean that he supports the political party to which that person belongs; he is merely exercising his right to vote and people need not belong to a political party in order to vote for a particular candidate. In any case, as to their fear that by this restriction the students will not be able to assess anything objectively, I would say that I cannot agree to this, because as a matter of fact if a person is objective in his assessment of anything, then he would be able to thoroughly divorce himself from the object which he is assessing. In this particular instance, it would appear that they are not making judgment from a distance, but they feel themselves rather involved and they feel they should not only pass comments, but actually work for a certain objective. This is not really being so objective. In fact, it is more like being subjective.

There is a fear that because of this law the students will not be able to develop their potentials as leaders. I had already explained from the beginning that this law would not deter any determined students from becoming very able leaders and we have seen in other countries where student riots are not permitted that there are also quite good leaders who have eventually developed from among them. There is a reference here to the need to have dialogues with the students. This matter has also been raised by several other speakers.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyebut tentang pentingnya mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut, terutamanya supaya Menteri-menteri mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut supaya antara mereka dengan kita perhubungan tidak putus. Sebenarnya, saya di antara Menteri-menteri yang lebih kerap menghadapi penuntut-penuntut, dan saya sebenarnya sanggup supaya di boo sehingga saya tidak dapat bercakap sama sekali. Perkara ini telahpun dijalankan oleh saya semenjak sebelum lagi menjadi Menteri, dan saya berpendapat bahawa dialog ini adalah cukup berguna untuk menerangkan pendapat Kerajaan dan pendapat saya

sendiri mungkin, dan juga pendapat seseorang berkenaan dengan sesuatu perkara. Dengan adanya dialog seperti ini kita dapati bahawa ada kemungkinan pendapat penuntut itu menjadi lebih luas, tetapi pada masa-masa yang lewat ini, nampaknya dialog yang seperti ini tidak ada kesan sama sekali, kerana penuntut nampaknya sudah datang ke forum-foram dengan fikiran yang tertutup sama sekali—with a closed mind, yang tidak mahu langsung menerima pendapat yang berlainan daripada pendapat mereka, dan bukan sahaja mereka tidak mahu menerima pendapat yang berlainan, bahkan mereka tidak sanggup mendengar pendapat yang berlainan. Apabila kita mengeluarkan pendapat yang berlainan daripada mereka, maka mereka mulalah membuat riuh-rendah sehingga tidak dapat kita bercakap sama sekali.

Saya dapati pada masa-masa yang lewat ini (dahulu tidak demikian) penuntut-penuntut menganggap forum dan lain-lain sebagai satu permainan yang mana mereka percaya mereka berhak mengundang orang-orang supaya mengadakan sandiwara di depan mereka, supaya mereka dapat menghiburkan hati mereka. Satu cara penghiburan yang mana kalau ada Menteri khususnya, di hadapan mereka, mereka dapat "boo". Mereka berasa begitu seronok sekali. Jadi apa pendapat Menteri ataupun pendapat orang lain sudah tidak lagi didengar dan tidak ada lagi gunanya, melainkan kalau kita percaya di dalam negara demokratik ini, kita berkehendak supaya Menteri juga menjadi satu daripada punca-punca hiburan kepada penuntut-penuntut. Saya sendiri sanggup, tetapi saya telah berkata kepada penuntut-penuntut walaupun saya sanggup di boo oleh saudara-saudari sekalian, saya tidaklah fikir bahawa orang lain sanggup, tetapi di dalam adat resam orang-orang timur, adat-resam orang Melayu khususnya, kita ada satu sikap yang patut kita tentukan bagi tetamu kita. Apabila kita mengundang seorang untuk datang ke tempat kita, maka adalah tanggungjawab kita menghormati orang yang kita undang. Ini adalah adat-resam kita. Mungkin ini a bit out of date. Mungkin pada pendapat penuntut ini adalah secara yang feudal menunjuk hormat kepada tetamu, sepatutnya bila kita jemput orang datang ke rumah, kita patut maki dia; mungkin ini pendapat baru, saya tidak tahulah. Tetapi pada masa-masa yang

lewat ini bila saya pergi tidak dapat pun hendak buka mulut, bahkan kalau kita kata Assalamualaikum sekalipun, jawapannya: "boo" (*Ketawa*). Jadi saya pun tertarik juga hal ini dan jawab balik "boo" juga (*Ketawa*). Jadi, saya memikirkan bahawa buat sementara walaupun saya ingin memenuhi kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini supaya saya mengadakan dialog terbuka seperti yang telah saya adakan dahulu, tetapi buat sementara saya fikir perkara ini patutlah kita kurangkan sedikit. Saya tidak percaya bahawa kesannya akan jadi baik. Saya percaya masih ada peluang kita mengadakan perhubungan dengan penuntut-penuntut ini, dan kalau ada penuntut-penuntut yang ingin berjumpa dengan saya, dalam kumpulan yang agak kecil sedikit yang mana kalau mereka "boo" pun bunyinya tidak berapa deras, cakap saya ini deras sedikit, bolehlah saya jumpa dengan mereka untuk membincangkan tentang masalah Akta ini.

Saya tidak segan-segan untuk menerangkan kenapa kita mengadakan Akta ini, walaupun tidak diisytiharkan kegiatan ini sebenarnya telahpun dilakukan. Saya beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dialog ini telahpun diadakan dan kesannya mungkin baik, tetapi tentulah bilangannya tidak tentu banyak. Saya berharap kita beransur-ansur akan mengadakan perhubungan yang lebih rapat dengan penuntut-penuntut yang akan datang dengan tidak dipengaruhi sangat oleh pendapat penuntut yang ada sekarang.

Berkenaan dengan apa yang diperkatakan oleh Senator Dr Lim Ah Sitt supaya pemilihan Vice-Chancellor dipilih secara "wisely", saya percaya bahawa pemilihan Vice-Chancellor adalah dilakukan secara "wisely", tetapi "wise" atau tak "wise" pun kadang-kadang penuntut tidak terima juga. Walaupun semua orang kata baik, penuntut tidak terima dan akan ada demonstrasi. Sebab itu seorang Vice-Chancellor kita mengambil masa setahun untuk memilih daripada 1hb April, 1974, maka 1hb April, 1975 barulah kita dapat lantik. Itu menunjukkan kita memikirkan "very wisely" selama setahun.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik telah menyebutkan tentang I.T.M. dan hal ini juga telah disebutkan oleh Senator Kamarul Ariffin. Saya mengakulah bahawa

Undang-undang ini tidak kena kepada I.T.M. ataupun Politeknik Ungku Umar. Walaupun ada penuntut-penuntut daripada kedua-dua buah Institusi ini yang terlibat. Undang-undang ini sebenarnya untuk Kolej Universiti dan Universiti sahaja. Jadi mungkin ada cara-cara lain untuk menyekat kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan di kalangan penuntut-penuntut di dalam institusi pengajian tinggi yang terkeluar daripada Akta Kolej dan Kolej Universiti.

Berkenaan dengan larangan terhadap orang luar masuk dalam kampus dengan adanya susunan yang lebih tertib di dalam universiti, saya percaya perkara ini dapat diperbuat.

Berkenaan dengan beberapa orang Melayu yang ada di Raffles College dan Medical College sewaktu saya menuntut, sewaktu saya masuk pada tahun 1947 di antara 70 orang yang memasuki jurusan Kedokteran dan Pergigian, 7 orang terdiri daripada Melayu dan 3 orang daripada itu kemudiannya pergi ke lain tempat jadi tinggal 4 orang.

Berkenaan dengan tanggungan Kerajaan terhadap tiap-tiap penuntut kita belanja di

antara \$3,000 hingga \$27,000 bagi tiap-tiap seorang penuntut mengikut jurusan yang diikuti oleh mereka. Bahagian Perubatan umpamanya, berkehendakkan perbelanjaan sebanyak \$27,000 pada satu tahun untuk membiayai segala facilities dan pensyarah untuk mengadakan kursus tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, masa sudah cukup. Yang Berhormat Menteri boleh menyambung jawapan itu esok.

UCAPAN TANGGUHAN

MENARIK BALIK UCAPAN TANGGUHAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Yang Berhormat Puan Zawiyah binti Abdullah telah menarik balik Ucapan Tangguhnya.

Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 18hb April, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.